DR.20.7.2000

**"DOKUMEN INI BELUM DISEMAK"**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 20 Julai 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

## PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya memaklumkan bahawa ada sedikit pindaan di dalam Aturan Mesyuarat hari ini dan kertas pindaan dibentangkan.

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kementerian dapat mempertimbangkan untuk menghapuskan (waive) AP (permit import) dan duti import terhadap semua peralatan pembinaan kapal, enjin, *marine steel plate* dan aksesori serta bahan binaan kapal agar dapat menjadikan kapal buatan Malaysia lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, pada amnya lesen dikenakan ke atas semua bahan *hot rolled steel coil* bertujuan untuk melindungi pengeluaran tempatan, di samping memastikan supaya pembangunan perindustrian negara dapat berjalan dengan teratur. Walau bagaimanapun, lesen import (AP) bagi *marine steel plate* diberi dengan mudah secara bebas kerana bahan tersebut tidak dikeluarkan oleh syarikat tempatan. Semua syarat tempatan yang memohon AP untuk mengimport *marin steel plate* bagi pembaikan dan pembinaan kapal telah diluluskan dengan cepat iaitu dalam tempoh tujuh hari dari tarikh permohonan diterima. Lazimnya, kerajaan akan memberi pelepasan duti import pada pengimportan semua peralatan dan bahan pembina untuk pembuatan kapal termasuklah enjin, *marine steel plate* dan aksesori kepada syarikat-syarikat yang mengikut lesen pengilang dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak bercadang untuk menghapus lesen import ke atas *marine steel plate* oleh kerana untuk membolehkan pemantauan. Keperluan lesen import ke atas *marine steel plate* bagi pembuatan kapal tidak seharusnya menghalang industri berkenaan untuk lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa kerana semua permohonan untuk mengimport bahan tersebut dari mana-mana syarikat telah diluluskan dengan cekap, mudah dan secara bebas. Demikian juga dengan duti import yang lazimnya diberi pelepasan selari dengan kelulusan lesen import. Sekian, terima kasih.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucap tahniah dan setinggi terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tetapi kerana kota Sibu terlalu jauh dari Kuala Lumpur, bolehkah kementerian kaji semula kemungkinan kuasa pegawai-pegawai tertentu di Sarawak untuk meluluskan permohonan AP supaya ini lebih cepat. Walaupun sekarang tidak ada tempoh untuk kelulusan terhad pada tujuh hari tetapi ini tidak kira delay di dalam pos. Ini bolehkah kaji semula. Sekian.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah ada satu mesyuarat dengan kerajaan negeri dalam Jawatankuasa Pembangunan Industri bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak, dan pegawai di MITI di Sarawak pun telah diarah untuk memberi perhatian dan mempercepatkan segala permohonan dan pemprosesan AP dan kita janji akan sedaya-upaya pastikan segala permohonan untuk AP dapat dilulus dalam tujuh hari.

**Datuk Lau Ngan Siew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Alat-alat *aviation duty import* masih dianggap tinggi. Adakah kerajaan menimbangkan untuk menghapuskan atau mengurangkan duti import industri ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Ini adalah bidang lain berkenaan aviation. Aviation adalah bidang lain yang terkeluar daripada soalan asal. Bagaimanapun, saya akan memberitahu secara bertulis.

2. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan usaha yang akan diambil oleh kementerian untuk meningkatkan tahap pencapaian sukan bola sepak dan badminton negara di peringkat antarabangsa.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memajukan sukan di negara ini pada asasnya teletak kepada persatuan-persatuan sukan itu sendiri. Namun demikian, dalam usaha untuk memajukan sukan di negara kita dan membawa kejayaan kepada sesuatu acara sukan di pertandingan antarabangsa, maka pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara telah memberi bantuan dan sokongan termasuk bantuan kewangan.

Bagi sukan bola sepak, tindakan untuk mempertingkatkan penyertaan di peringkat akar umbi khususnya di sekolah-sekolah telah dimulakan pada tahun ini melalui program bersama dengan Kementerian Pendidikan, Majlis Sukan Negara dan Persatuan Bola Sepak Malaysia. Program ini melibatkan aktiviti pertandingan dan latihan yang bermula dari sekolah hinggalah ke peringkat kebangsaan.

Selain daripada itu, kementerian ini juga telah dimaklumkan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia bahawa program-program pembangunan pemain-pemain melalui pasukan-pasukan kebangsaan di bawah umur telah dibentuk, iaitu pasukan bawah 19 tahun, bawah 17 tahun dan bawah 15 tahun yang melibatkan latihan serta pertandingan-pertandingan termasuk pertandingan peringkat antarabangsa telah giat dilaksanakan.

Pihak kementerian melalui Majlis Sukan Negara sentiasa meneliti perkembangan terhadap sukan bola sepak negara kita melalui perbincangan-perbincangan yang diadakan dari masa ke semasa. Bantuan kewangan dari kerajaan kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia amatlah minimum memandangkan persatuan berkenaan berkeupayaan untuk mencari punca kewangan mereka sendiri dan merupakan satu-satunya pasukan sukan yang kukuh kewangannya.

Beralih kepada badminton pula, akibat daripada kegagalan pasukan Piala Thomas, Menteri Belia dan Sukan telah pun mengadakan perbincangan dengan Persatuan Badminton Malaysia dan beberapa tindakan telah diambil, iaitu pengurusan sementara BAM dibentuk sehingga mesyuarat agung pemilihan diadakan selepas Sukan Olimpik 2000. Tumpuan latihan diberikan kepada pemain-pemain yang telah melayakkan diri ke Sukan Olimpik supaya mereka lebih bersedia; penubuhan

Jawatankuasa Petugas yang dipertanggungjawabkan untuk merangka kaedah-kaedah yang mampu mempertingkatkan mutu sukan badminton negara melalui pemerhatian serta pandangan-pandangan mengenai kelemahan sistem yang sedia ada sekarang.

Hasil daripada cadangan jawatankuasa ini, akan diangkat untuk pertimbangan BAM supaya dapat dilaksanakan. Proses untuk memulihkan mutu sukan badminton negara mungkin mengambil masa yang lama memandangkan ramai pemain yang ada sekarang akan bersara. Tempoh untuk memulihkan prestasi pasukan badminton bergantung kepada kemampuan pemain-pemain muda untuk mengambil alih tempat pemain pasukan kebangsaan dalam jangka masa yang lebih singkat serta mampu memperbaiki prestasi mereka dengan lebih cepat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, memang kita menyedari bahawa Kementerian Belia dan Sukan telah banyak bertanggungjawab untuk menentukan imej sukan negara kita berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun, soalnya sedarkah kementerian ini dan Yang Berhormat sendiri bahawa mutu sukan negara, bola sepak, badminton, bowling dan lain-lain pada satu ketika dahulu telah membawa imej negara ke satu tahap yang lebih baik, tetapi akhir-akhir ini mutu sukan ini telah jauh menurun dan mencemarkan imej negara kita. Tidakkah kementerian bertanggungjawab terus seperti mengambil tindakan yang tegas kepada mana-mana persatuan sukan yang tidak boleh melahirkan ahli-ahli sukan yang boleh membawa nama negara ke satu tahap yang lebih baik, jangan beri lagi peruntukan, melainkan mereka tukar struktur pentadbiran dalam persatuan mereka, kerana ini telah membawa seluruh negara memikirkan masalah sukan negara, bukan sahaja kita di Parlimen. *[Disampuk]* Soalannya, kementerian harus tegas, mengambil tindakan jangan kira bulu, jangan lagi tunggu-tunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat!

**Tuan Moktar bin Radin:** Menteri Belia dan Sukan juga harus memainkan peranan beliau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah!

**Tuan Moktar bin Radin:** Nampaknya tidak ada peranan betul untuk menangani masalah pencemaran dalam sukan ini. Ini pencemaran, Yang Berhormat. Jadi, mintalah kementerian ini mengambil tindakan yang lebih tegas sama ada Persatuan Bola Sepak (FAM), badminton lagi teruk. Bowling satu ketika dahulu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bukan memberi ucapan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Mahu habislah ini, mahu sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang habis, memang soalan mesti tepat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ha soalan ini, soalan. Jadi, akhirnya mintalah kementerian supaya dapat memainkan peranan seratus peratus, jangan bagi notis atau memantau sahaja, ambil tindakan secepat mungkin. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada pandangan, cadangan dan juga teguran yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi. Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa ketegasan pihak Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha memajukan dan memantapkan mutu sukan negara tidak pernah dikompromikan.

Soal sama ada pihak kementerian akan bertegas sehingga ke tahap masuk campur dalam hal urusan badan-badan sukan itu, saya rasa itu pun ada had batasnya. Sebab seperti mana yang kita sedia maklum bahawa setiap badan sukan itu memang mempunyai kuasa autonomi yang tertentu. Walaupun demikian, Menteri Belia dan Sukan menurut Akta Pembangunan Sukan tetap mempunyai kuasa mutlak, tetapi kuasa mutlak itu tidaklah digunakan dengan sewenang-wenangnya. Ini sukalah saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini.

Bersabit dengan keluhan dan rintihan atas kemerosotan mutu acara sukan yang tertentu, umpamanya badminton dan bola sepak, itu memang satu fakta yang diterima. Walaupun demikian, seperti mana yang saya sebutkan tadi, pihak kementerian tetap berusaha, bekerjasama dengan badan sukan yang berkenaan dan juga pihak-pihak yang terlibat supaya kita dapat mencari penawar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Itulah sebabnya saya kata kalaulah kita sekadar mengeluh sahaja, itu tak ada kesudahannya. Itu bukan satu penawar, yang penting itu ialah bagaimana kita dapat

mencari jalan keluar untuk mengatasi masalah dan penawar yang saya sebutkan itu sebenarnya tidaklah termasuk peruntukan itu tidak diberi kepada mana-mana satu badan sukan yang terlibat. Kalaulah pihak kementerian berbuat demikian, ini akan memburukkan lagi keadaan. Sebab apa yang kita hendak ialah setakat mana kita dapat menghidupkan kembali minat rakyat kita terhadap acara sukan itu dan juga cuba kita berikhtiar memulihkan mutu sukan yang berkenaan dan bukannya dengan cara boikot ataupun tidak memberikannya peruntukan. Sekian.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Allah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan asalnya dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tak, saya hendak mengulas sedikit jawapan Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, ada peraturannya, sila duduk. *[Ketawa]*

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya akui bahawa memang banyak dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui MSN telah meningkatkan kedua-dua sukan ini. Begitu juga aktiviti dan pendekatan yang dibuat oleh kedua-dua persatuan FAM dan juga Persatuan Badminton Malaysia dalam meningkatkan kedua-dua sukan. Soalan saya, pada penilaian kementerian, apakah Liga Perdana dan juga Tunas Cemerlang untuk badminton telah dapat meningkatkan mutu kedua-dua sukan ini daripada peringkat negara dan juga antarabangsa. Apa penilaian terhadap aktiviti-aktiviti kedua-dua persatuan ini. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sesungguhnya, penilaian secara mendalam dan menyeluruh telah dibuat, tetapi sepintas lalu seperti mana yang pernah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini bahawa liga yang dimaksudkan itu sudah tentu akan sedikit-sebanyak membantu mencungkil bakat-bakat yang terpendam, bakat-bakat tunas-tunas baru dalam acara sukan yang berkenaan.

3. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana Badan Pencegah Rasuah telah mengambil tindakan dalam mengenal pasti kelemahan pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan yang mana perbuatan rasuah boleh dilakukan dengan mudah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan berusaha gigih dengan pelbagai pendekatan bagi menangani jenayah rasuah pelbagai peringkat pentadbiran. Antara pendekatan tersebut adalah melalui mekanisme penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) seperti yang dihuraikan dalam arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, No.1, 1998 yang mana kerajaan berharap usaha-usaha pembanterasan rasuah akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan gejala tersebut ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan terancang serta merangkumi bukan sahaja aspek-aspek pencegahan rasuah, tetapi juga aspek kecekapan, ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan.

Maklum balas dan isu yang ditimbulkan oleh JKP di pelbagai peringkat ini akan dibincangkan pula sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk keputusan dasar bagi meningkatkan lagi keberkesanan, kecekapan, integriti dan akauntabiliti perkhidmatan awam.

Di samping itu, BPR juga kini sedang mengenal pasti beberapa jabatan yang kritikal untuk mengadakan kerjasama yang terancang dalam membendung jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Ini dilakukan melalui memorandum persefahaman dan pembentukan jawatankuasa bersama mencegah rasuah yang mana kedua-dua pihak melalui jawatankuasa yang ditubuhkan akan saling bantu-membantu untuk mencegah jenayah tersebut.

Setakat ini dua memorandum persefahaman telah ditandatangani dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan pada 28 Mac 2000 dan pihak Polis Diraja Malaysia pada 7 Jun 2000. Dengan komitmen yang padu dari pengurusan kedua-dua jabatan ini kita berharap amalan yang keji ini akan dapat dikurangkan dan dihapuskan dalam tempoh yang terdekat ini. Namun begitu, tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam

menangani masalah rasuah di pelbagai peringkat tidak akan berjaya tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak. Segenap lapisan masyarakat boleh membantu kerajaan membanteras jenayah rasuah dengan tidak mengamalkan rasuah atau memberi rasuah kepada pegawai kerajaan dengan menanam sikap membenci pelakuan jenayah besar rasuah; melaporkan segala bentuk perbuatan rasuah ataupun permintaan rasuah kepada BPR.

Seksyen 17(3) Akta Pencegah Rasuah 1997 mewajibkan seseorang daripada suapan telah diminta atau diperolehi supaya melaporkan perkara tersebut seawal yang mungkin kepada BPR atau pegawai polis yang berhampiran. Orang ramai juga tidak perlu khuatir tentang maklumat yang diberikan kerana Seksyen 53 akta yang sama memberikan perlindungan ke atas pemberi maklumat dan maklumat yang telah diberikan kepada BPR. Terima kasih.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang langkah-langkah yang telah diambil mengenai pencegahan rasuah di negara kita memanglah suatu yang kita harap ia berjalan dengan baik. Cuma persoalan yang ada sekarang ini ialah dari sudut peningkatan kes-kes rasuah yang berlaku di negara kita yang sekarang ini bukan sahaja menjadi bebanan kepada negara, tetapi kepada rakyat sendiri pun menjadi beban kepada isu-isu rasuah yang berlaku di negara kita. Sebagai contohnya, sehari dua yang lepas apa yang berlaku di PUSPAKOM di mana 124 orang telah ditangkap dan 36 orang adalah merupakan pegawai-pegawai di PUSPAKOM yang mana mereka ini secara langsung boleh dikatakan setiap hari berhadapan dengan rakyat dari sudut keperluan-keperluan yang ada di PUSPAKOM itu sendiri. Jadi, ini merupakan satu bebanan yang begitu besar dan imej yang ada di negara kita dari sudut apa yang diberikan di PUSPAKOM ini perlu diambil perhatian.

Saya menyebut ini kerana apa yang berlaku di PUSPAKOM ini apabila sahaja pihak ACA mengambil tindakan, apa yang berlaku adalah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ....soalannya, apa yang berlaku adalah tindakan go slow di mana kebanyakan kenderaan yang masuk ke PUSPAKOM dikenakan berbagai-bagai tindakan yang boleh membebankan lagi rakyat seolah-olah

ada satu bentuk sabotaj yang dilakukan oleh pegawai-pegawai di PUSPAKOM yang tidak senang dengan tindakan yang diambil oleh ACA ini sendiri. Jadi, Yang Berhormat, saya mahu, soalan saya adalah bagaimanakah pihak kerajaan boleh menyelesaikan persoalan ini dalam mana kita bercakap soal mencegah rasuah, mencegah perilaku yang tidak baik ini dalam keadaan yang sama kita dapat melihat peningkatan yang begitu jelas yang berlaku terutamanya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** .....di jabatan-jabatan yang berkaitan dengan rakyat sehari-hari. Terima kasih.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat yang begitu memberikan keprihatinannya mengenai rasuah, sesungguhnya kerajaan lebih prihatin lagi daripada Yang Berhormat sebab itu kita lebih awal lagi sudah kenal pasti mana jabatan-jabatan yang kritikal yang kita dapati ada hubungan secara terus dengan rakyat yang mungkin boleh menyusahkan rakyat. Oleh kerana pandangan jauh kerajaan inilah maka pihak Badan Pencegah Rasuah telah pun menandatangani memorandum persefahaman dengan Jabatan Pengangkutan Jalan. Saya percaya hasil daripada tandatangan memorandum persefahaman inilah maka kita lihat hasilnya telah pun tercapai seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi beberapa kes di PUSPAKOM yang mana telah kita tahan seramai 124 orang.

Jadi, inilah menunjukkan Barisan Nasional sentiasa peka dan sentiasa memandang jauh apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk mengatasi masalah rasuah. Dan sukalah kita menegaskan bahawa amalan rasuah ini tidak hanya boleh terhapus jika kita bergantung kepada Badan Pencegah Rasuah sahaja. Sekali lagi saya ingin ulangkan kerjasama dari semua pihak, daripada semua rakyat mestilah diberikan kepada pihak Badan Pencegah Rasuah dan kita yakin dengan integriti di pihak Badan Pencegah Rasuah masalah rasuah akan dapat kita kurangkan. Terima kasih.

**Dato' Wira Abu Seman bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ucap tahniahlah kepada pihak Badan Pencegah Rasuah di atas kejayaan Badan Pencegah Rasuah menahan 124 anggota PUSPAKOM kerana masalah ini

bukan masalah yang baru malahan semasa Jabatan Pengangkutan Jalan dahulu perkara ini pernah berlaku. Ini mungkin ada disebabkan kelemahan-kelemahan di jabatan-jabatan berkaitan dengan sistem dan juga peraturan-peraturan.

Apa yang saya ingin bertanya di sini, sama ada kerajaan mewajibkan jabatan-jabatan yang berkaitan umpama macam Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis, Pejabat Tanah di mana terdapat sistem-sistem yang lemah, peraturan yang lemah supaya mereka ini mengkaji dan mengetatkan peraturan-peraturan supaya peluang-peluang untuk melakukan gejala rasuah ini tidak dapat dilakukan. Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Gajah. Pihak Badan Pencegah Rasuah sentiasa berusaha untuk mengatasi dan menangani masalah gejala rasuah yang amat keji ini. Oleh itu kita, sebagaimana yang saya nyatakan tadi beberapa jawatankuasa telah pun ditubuhkan dan daripada jawatankuasa yang ditubuhkan seperti melalui mekanisme, jawatankuasa, JKKMKPK – pasukan kabinet dan JKP maka beberapa arahan dan pekeliling telah pun kerajaan buat khusus untuk meningkatkan akauntabiliti dan integriti pegawai awam dan juga prosedur-prosedur kerajaan supaya ianya lebih telus, supaya ianya boleh dielakkan daripada sebarang kemungkinan berlakunya rasuah.

Sukalah saya nyatakan bukan sahaja kita tumpukan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Polis yang mana saya nyatakan tadi, kita telah menandatangani *MoU* tetapi di samping itu kita juga telah mengeluarkan beberapa dasar. Sebagai contoh kita juga telah mengeluarkan arahan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berkaitan dengan pengurusan dan pengagihan rumah kos rendah, di mana kita minta pihak-pihak berwajib dikehendaki memastikan tidak ada penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah dalam urusan pendaftaran, pengagihan dan pembelian rumah kos rendah.

Begitu juga seperti isu pembalakan haram – kita juga telah meminta supaya isu ini dimantau kerana pasukan petugas pembalakan haram telah dibentuk dengan dianggotai oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan untuk meneliti sistem dan prosedur kerja-kerja dan melaporkan kemajuan tindakan tersebut kepada jawatankuasa khas. Dan, banyak lagi yang saya tidak dapat sebut satu persatu tetapi percayalah bahawa kerajaan dan Badan Pencegah Rasuah akan sentiasa menjalankan

tugas mereka dengan penuh insaf bahawa perbuatan rasuah ini harus diperangi habis-habisan.

4. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

(a) adakah sebarang tindakan dibuat khusus untuk memulihkan imej Perdana Menteri di luar negara sama ada melalui program khusus atau melalui kesempatan yang ada dalam program lain; dan

(b) Jika tidak ada, adakah Kementerian Luar berpendapat langkah itu tidak perlu dan sebaliknya jika ada, berapakah perbelanjaan yang digunakan untuk tujuan itu.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab semua pihak termasuk parti-parti pembangkang untuk menjaga dan memelihara nama baik dan imej negara. Di pihak Kementerian Luar Negeri dan agensi kerajaan lain kita mengambil tindakan secara berterusan untuk menyampaikan maklumat sebenar di luar dan di dalam negara supaya rakyat dan orang ramai tidak terkeliru dengan dakyah yang disampaikan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu saya berharap parti pembangkang tidak akan memutarbelitkan kebenaran semasa mereka berada di luar negara dan bersama-sama menjaga nama baik dan imej negara.

Saya juga ingin menegaskan bahawa usaha-usaha untuk menjaga imej negara di luar adalah dibuat secara bersepadu dan menyeluruh dengan menggunakan peruntukan bagi program-program yang telah disediakan. Bagi Kementerian Luar Negeri di bawah Program Penerangan Luar Negeri, wang berjumlah RM1.4 juta telah dibelanjakan pada tahun 1999.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalannya lembut dan jawapannya pun lembut. *[Ketawa]* Terima kasih.

Perdana Menteri kita seorang yang terkenal di peringkat antarabangsa *[Disampuk]* *[Tepuk]* Nanti dulu, terutama dalam kritikan-kritikan beliau terhadap kuasa-kuasa besar, IMF, Bank Dunia, tentang ketidakadilan badan-badan itu, memberi layanan kepada negara-negara yang berbeza pendapat dengan negara yang mengkritik itu. *[Disampuk]*

Tetapi bila pulang ke Malaysia, beliau bertindak seperti JKKK kampung iaitu cuba diskriminasi Terengganu terutama sekali di sudut royalti minyak, katanya tidak ada perjanjian *[Disampuk]* Begitulah juga imej beliau dalam hal kehakiman, pengakuan Datuk Shafie Yahya dan juga termasuk syarikat-syarikat di Malaysia yang membicarakan hal mereka di luar negara sekarang, misalnya Vincent Tan lwn. Tengku Sulaiman, anak Yang di-Pertuan Agong di mahkamah Australia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hendak ucapkah?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Semua ini membawa imej buruk kepada Malaysia dan juga pelaburan datang ke Malaysia bulan Februari hingga sekarang agak berkurangan dibandingkan dengan tahun-tahun dahulu. Apakah usaha serius dibuat untuk menangani masalah ini. Sebab imej Perdana Menteri, kalau rosak maka rosaklah kita semua. Jadi, Menteri Luar Negeri walaupun tidak dilantik jadi MKT tetapi jawab dengan baik. Insya-Allah. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih kerana jawapan politik dan mempunyai niat tidak baik *[Ketawa]* Walaupun nampak lembut tetapi tujuannya semata-mata untuk..., bagaimana saya katakan dalam jawapan saya tadi, sebenarnya tindakan parti pembangkanglah yang mencemar dan memburukkan nama negara. *[Tepuk]* Saya fikir, perkara yang saya juga tegaskan ialah memutarbelitkan fakta. Bangkit sahaja terus memutarbelitkan fakta, tidak ada perkara yang tidak adil kita lakukan.

Kita bersikap adil sebab itu Terengganu telah dapat royalti minyak sekian lama, jadi tidak ada soal ketidakadilan. Apa pun kita lakukan mengikut undang-undang dan peraturan negara. Dan, perkara-perkara yang menunjukkan Yang Berhormat menyebut kes Syafie Yahya itu adalah kes yang berlaku di dalam mahkamah dan ianya tidak boleh dikatakan kerajaan yang memaksa sesiapa untuk membuat kenyataan ataupun keterangan di dalam mahkamah. Oleh itu saya berharap Yang Berhormat fikir baik-baik bila hendak bercakap supaya kita tidak memburukkan nama baik negara dan cerita keadaan sebenar. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak Yang Berhormat hari ini garang juga *[Ketawa] [Disampuk]* Soalan memang banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kata banyak, satu pun tidak dapat keluarkan *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah Yang Berhormat sedar bahawa – ini soalan Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat sentiasa pergi ke luar negara dan ada juga yang baik bila dia katakan sesuatu ketidakadilan yang dilakukan oleh pihak negara-negara maju ke atas negara-negara yang sedang membangun termasuklah hal krisis ekonomi dan sebagainya, dan apakah asas dari segi diplomasi yang digunakan oleh pihak Yang Amat Berhormat. Ini memang suatu soalan yang tajam juga. *[Disampuk]* Yang mendalam juga dan ini memerlukan jawapan yang mendalam juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan tidak ada Yang Berhormat, macam mana hendak jawab *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana tidak ada soalan, apakah Yang Berhormat sedar, apakah pendapat Yang Berhormat, itu soalan. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti belajar bahasa sedikit. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Kita menuju kepada pengerusi semasa kita berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kalau tidak ada saya hendak panggil ….

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, ini ucapan, dia tidak ada soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang tidak ada.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bagaimana tidak ada soalan. Apakah asas kalau kita banding dengan negara-negara lain misalnya Singapura ataupun Filipina ataupun negara-negara lain, walaupun mereka tahu Amerika ataupun negara maju yang membuat sesuatu yang tidak kena, yang tidak tepat, menganiayai negara-negara lain tetapi mereka pilih perkataan diplomasi yang lain, lain corak. Ha, ini soalan sayalah.

Apakah pendapat Yang Berhormat dan bagaimana kita dapat mentafsirkan sambutan daripada negara-negara yang berkenaan. Semua soalan. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar**: Saya fikir tidak ada orang yang lebih keliru daripada Yang Berhormat *[Ketawa]* Bahasa yang digunakan adalah cuba menggambar yang Yang Berhormat ini faham diplomasi tetapi saya tengok ialah menunjukkan Yang Berhormat cuba buat baik tetapi dia punya jalan tidak baik.

*[Ketawa]* Saya ingin mengatakan bahawa kita kalau hendak tengok sama ada Perdana Menteri kita berjaya ataupun tidak berjaya, kita mesti melihat daripada penerimaan dunia dan pengiktirafan dunia.

Soal ini jelas sekali di semua peringkat dunia membangun sama ada di mesyuarat G77, mesyuarat G15 atau mesyuarat Negara-negara Berkecuali semua orang mengiktiraf, mengakui peranan yang dimainkan oleh Malaysia untuk berhadapan dengan masalah dunia *[Tepuk]* Untuk menegakkan keadilan dan untuk menyelesaikan masalah krisis kewangan. Sekarang pakar-pakar dan ahli ekonomi sendiri menerima segala perkara ramuan yang dibuat oleh Malaysia adalah betul. *[Tepuk]* Jadi, itu adalah bahasa yang diplomasi yang tepat sekali. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Menteri boleh tiga jawab soalan. Menteri tiga soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak. Yang Berhormat Larut.

5. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah kejayaan mewujudkan satu kod etika bagi menjaga imej industri pelancongan tempatan daripada tindakan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui persatuan-persatuan pengusaha pelancongan seperti Persatuan Agensi Pengembaraan dan Pelancongan (MATA), Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan Majlis Pemandu Pelancong Malaysia adalah komited dan bersefahaman untuk menjaga imej industri pelancongan tempatan berlandaskan kepada kod etika persatuan masing-masing yang sedia ada atau yang sedang dibaiki atau sedang dirangka.

Kod etika tersebut mengandungi nilai-nilai positif sejagat yang perlu di praktikkan oleh pengusaha-pengusaha pelancongan yang di antaranya termasuklah menjaga imej diri di dalam negara; mengawasi dan melindungi alam sekitar daripada pencemaran; memelihara nilai-nilai budaya ketimuran; memberikan perkhidmatan yang terbaik dan profesional kepada pelancong dan bertindak segera terhadap sebarang aduan; tidak menyalahgunakan kuasa ataupun lesen yang diberikan serta

mematuhi sepenuhnya syarat-syarat atau perjanjian perniagaan pelancongan yang telah dipersetujui; dan mempunyai kerjasama yang baik di antara pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan dan asing.

Sekiranya kod etika itu gagal dipatuhi oleh pengusaha pelancongan, maka tindakan susulan melalui nasihat dan kuasa pelesenan akan diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama persatuan pengusaha pelancongan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal kod etika ini, saya ingin juga menambah bahawa terdapat sekarang ini suatu perbuatan yang melanggar etika di kalangan pengusaha-pengusaha ataupun agensi-agensi pelancongan yang dinamakan *Zero Cost Tours*, iaitu di mana pakej pelancongan yang berharga kurang dari harga kos sebenarnya dijualkan kepada pelancong-pelancong khususnya kepada pelancong dari negara China dan juga sedikit sebanyak ke-+pada pelancong-pelancong kita.

Maka kita telah pun mengambil tindakan yang tegas terhadap agensi pelancongan kita supaya mereka jangan terlibat dalam kegiatan ini tetapi malangnya apabila kita tegas maka pelancong ke negara China ke negara kita kurang dan mereka pergi ke tempat lain. Oleh sebab itu, Alhamdulillah pihak negara China telah pun bersetuju untuk menganjurkan satu mesyuarat di Beijing di mana semua negara ASEAN akan mengambil bahagian dan kita berharap perkara yang melanggar etika secara serius ini dapat diatasi secara bersepadu antara semua negara-negara ASEAN dan selepas itu sudah tentulah industri pelancongan kita akan lebih sihat, khususnya yang melibatkan pelancong-pelancong dari negara China ataupun dari negara ASEAN ke negara China. Terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, jawapan daripada Menteri, syabas kerana usaha Menteri berkenaan untuk mengangkat martabat industri pelancongan negara. Selain dari tindakan berhubung dengan etika yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya juga ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat berhubung dengan keadaan tertentu yang boleh menyebabkan terjejasnya industri pelancongan kita terutama sekali dengan laporan-laporan media luar negara dan juga kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang

negara kita seperti yang terbaru sekali di Sauk dan juga di Sabah yang mengakibatkan penculikan – isu Jolo dan demonstrasi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzi:** Tuan Yang di-Pertua, seluruh industri bersama dengan kerajaan sama ada kerajaan *Federal* ataupun kerajaan negeri kita telah bersetuju untuk menganggap setiap pelancong yang jejak kaki di negara kita di bumi Malaysia sebagai tetamu di rumah-rumah kita. Ini hasrat kitalah, dan kita berazam untuk memastikan supaya setiap pelancong bila dia tinggal di negara kita, dia tinggal dengan kenangan yang cukup manis dan dia akan balik semula ke Malaysia berulang kali. Tetapi untuk memastikan keadaan ini tercapai kita perlulah kerjasama seluruh rakyat Malaysia.

Dan oleh itu kalau ada kejadian-kejadian yang tidak diingini ataupun cadangan-cadangan yang baik untuk kita memperbaiki keadaan ini maka sudah tentulah kerajaan akan mengalu-alukan sebarang pandangan. Sudah tentu kita tidak dapat elak sedikit sebanyak soal Sipadan, Sauk dan sebagainya akan menjejaskan imej kita tetapi Alhamdulillah setakat ini, saya dapati kalau ada jejas pun hanya untuk beberapa hari sahaja selepas itu kita dapat baiki. Sekarang dunia sedar bahawa dalam keadaan apa pun Malaysia adalah merupakan salah sebuah negara yang paling selamat untuk siapa jua melancong *[Tepuk]* Ini boleh dibuktikan dengan angka-angka. Walaupun berlaku Sauk, Alhamdulillah dengan kecekapan polis dan angkatan tentera kita, ini telah pun diselesaikan dalam beberapa hari sahaja. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah mengesahkan bahawa negara kita berada dalam keadaan aman dan apa yang digembar-gemburkan sebagai usaha-usaha untuk merosakkan dan mewujudkan ketidaksejahteraan negara ini adalah cakapan-cakapan kosong sahaja.

Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri, ialah pertamanya berkaitan dengan pelancongan ke Kelantan. Saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Dato' telah melawat ke Kelantan baru-baru ini, tetapi apa yang saya dengar daripada pengusaha-pengusaha pelancongan di Kelantan daripada sahabat-sahabat saya dalam UMNO di Tumpat dan sebagainya, yang mengatakan bahawa nampak seolah-olah kementerian tidak memberi keutamaan kepada pelancongan ke

negeri Kelantan. Banyak Ahli-ahli kita dalam pelbagai parti yang terlibat dalam industri pelancongan ini dan mengharapkan dari kementerian untuk membantu mereka. Dan mereka bimbang kalau-kalau kerana keadaan politik kerajaan negeri, kerajaan di peringkat pusat tidak membantu industri pelancongan di Kelantan.

Secara khususnya di kawasan saya di Tumpat, ada program yang dianjurkan oleh kementerian yang dinamakan *homestay* yang mana pelancong-pelancong dibawa ke rumah-rumah orang-orang kampung khususnya di kawasan-kawasan pulau di perairan sebelah Tumpat, yang mana sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, harga yang dibayar kepada tuan-tuan rumah *homestay* ini untuk pelancong daripada Jepun dan sebagainya adalah amat terlalu rendah, saya fikir lebih kurang RM50 setiap rumah untuk satu hari yang mana tuan rumah terpaksa juga menyediakan makanan dan sebagainya. Jadi, saya pohon kepada kementerian untuk memberi perhatian dalam hal ini.

Keduanya, berkaitan dengan ……

**Seorang Ahli:** Ini syarahankah atau soalan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Soalan saya, bagaimanakah kementerian dapat …..

**Seorang Ahli:** Dah faham, duduk!

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Hendak tanya saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Apakah langkah kementerian, soalan saya, untuk mengambil tindakan supaya rakyat yang terlibat dalam industri pelancongan ini dapat keuntungan daripada keuntungan yang diperolehi oleh negara, rakyat di kampung-kampung yang terlibat dalam program seperti *homestay*, rakyat di kampung-kampung yang terlibat dalam industri pelancongan dapat keuntungan daripada industri ini.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pelancongan ini banyak soal membawa pelancong ke sana ke sini, adalah

dikendalikan oleh swasta, bukan oleh kerajaan. Oleh itu, pihak-pihak tempatan sama ada di Tumpat ataupun di peringkat negeri atau di mana-mana sahaja, kita perlu berusaha untuk membaiki produk-produk pelancongan yang terdapat di negeri kita supaya ianya benar-benar menarik.

Bila sudah menarik, maka dengan sendirinya agensi-agensi pelancongan akan mengaturkan lawatan ke tempat-tempat itu. Dalam lawatan saya ke Kelantan baru-baru ini dan sebelum itu ke negeri-negeri lain pun adalah dalam usaha untuk membaiki produk-produk pelancongan, bukan sahaja untuk pelancongan domestik tetapi juga untuk pelancongan antarabangsa.

Saya dapati di negeri Kelantan, dari segi pelancongan domestik cukup berjaya dan boleh berjaya lagi. *[Tepuk]* Tetapi dari segi untuk menarik pelancongan antarabangsa saya dapati kita perlu baiki banyak produk-produk yang terdapat di sana, sudah tentu kalau itu telah dibaiki, dengan sendirinya pelancong akan datang dengan ramai. Terima kasih.

6. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Perdana Menteri menyatakan sejak merdeka berapakah jumlah bilangan darjah kebesaran, bintang dan pingat persekutuan yang dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan dari jumlah itu berapakah yang direkomen oleh parti pemerintah dan kriteria pemberian anugerah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah penerimaan darjah kebesaran, bintang dan pingat persekutuan yang telah dianugerahkan dari tahun 1958 hingga tahun 2000 ialah seramai 50,113 orang kesemuanya dan dari jumlah tersebut, seramai 14,039 penerima adalah dari kalangan ahli-ahli politik.

Kriteria-kriteria yang diguna pakai bagi pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat persekutuan adalah seperti berikut:-

(i) mana-mana warga negara yang telah memberi atau menunjukkan sumbangan atau jasa yang sangat cemerlang kepada negara;

(ii) mana-mana warganegara yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa seperti dalam lapangan sukan, penulisan, penyelidikan dan sebagainya;

(iii) mana-mana warganegara yang telah berbakti kepada masyarakat melalui pertubuhan atau persatuan yang diwakilinya, yang sentiasa bersedia memberi sumbangan secara sukarela sama ada tenaga, masa dan wang ringgit tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran;

(iv) kakitangan kerajaan yang telah menjalankan tugas dengan penuh komitmen dan dedikasi serta menunjukkan sikap taat setia yang tidak berbelah bagi dalam mendukung dan menjayakan dasar-dasar kerajaan. Pengurniaan ini adalah sebagai tanda terima kasih kerajaan kepada mereka dan ianya merupakan satu galakan bagi mereka meningkatkan lagi mutu kerja di masa-masa hadapan; dan

(v) keutamaan juga diberi kepada pemimpin-pemimpin badan swasta, korporat yang telah menunjukkan tahap kepimpinan yang tinggi dan berwibawa setelah banyak memberi sumbangan dan faedah kepada negara dan rakyat serta boleh dicontohi.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Penganugerahan bintang kebesaran Diraja adalah merupakan kurniaan untuk menghormati, menghargai sumbangan perkhidmatan dan jasa seseorang rakyat kepada negara dan masyarakat seperti kami di sini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ini memang baik dan mulia tetapi pemikiran dan anggapan sebahagian besar orang awam tidak semestinya berlainan. Ini disebabkan sepanjang tahun terdapat ramai pemimpin politik dari BN, pemimpin korporat dan perdagangan dituduh dan dihukum dalam mahkamah dan juga baru-baru ini di perhimpunan parti MCA peringkat negeri Wilayah Persekutuan ada ahli-ahli, wakil-wakil menyoal dan mengkritikkan pemimpinnya kerana …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan peluang untuk berucap.

**Tuan Tan Kok Wai:** … kerana kurang dapat anugerah untuk pemimpin-pemimpin cawangan daripada DYMM Yang di-Pertuan Agong ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tak payah berucap, apa soalan itu?

**Tuan Tan Kok Wai:** ….. jadi, ini membayangkan motif yang tidak baik kebanyakan pemimpin-pemimpin parti pemerintah ….

**Seorang Ahli:** Soalan, soalan. Ini bukan ucapan.

**Tuan Tan Kok Wai:** ….. ada bukan motif berkhidmat kepada negara tetapi motif untuk kepentingan diri. Ini terbukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa soalannya, Yang Berhormat?

**Tuan Tan Kok Wai:** Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, memandangkan kebanyakan anugerah-anugerah ini diberikan kepada mereka yang tidak layak atau mereka kemungkinan tidak tulen, ini dianggap oleh orang ramai, sebab ramai penjenayah masih ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah soalan?

**Tuan Tan Kok Wai:** … masih memegang anugerah bintang-bintang, fugitive masih Dato' dan mereka yang mengkhianati parti pembangkang sangat mudah dapat bintang anugerah. Maka ini kebenaran …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Cheras!

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, kebenaran memang menyakitkan hati ramai orang. *[Sorak]* Soalan saya, untuk memastikan anggapan orang ramai ini tidak akan wujud, apakah tindakan dapat diambil untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak seperti Tuan Yang di-Pertua …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai:** ….. dapat diterimakan bintang-bintang seperti kami di sini juga dan bukan mereka yang tidak patut menerima ganjaran seperti itu, sebab anggapan orang ramai, banyak pingat boleh dibeli….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada peraturan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ….. boleh menjalankan satu siasatan. Macam mana boleh pastikan anggapan ini tidak akan wujud lagi? Terima kasih.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, parti pembangkang ini memang selalu mempunyai sangkaan yang jahat. Kita dapati kawan-kawan di sebelah sana, dahulu menyokong kerajaan seperti Dato' ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada soalankah, kalau ada jawab, kalau tidak ada tak payah jawab.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Ada. Soalannya dia tidak puas hati. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab kerana dia tidak puas hati seolah-olah anugerah bintang ini boleh diberi kepada sesiapa sahaja yang kita suka sedangkan kita mempunyai jawatankuasa tertentu, menentukan penerima anugerah atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dan untuk perhatian DAP ini, kita anugerah pingat kepada kawan-kawan kita seperti Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, Dato' Kamarudin dan setelah menjadi pembangkang pun kerajaan tak tarik pun, kita biarkan dia menggunakan gelaran Dato'. *[Tepuk]*

Untuk pengetahuan Cheras, sebenarnya pembahagian pingat ini adil kerana dia tidak dapat pingat, jadi dia soallah kita. *[Ketawa]* Jadi, di sini ingin saya maklumkan daripada bilangan sebanyak 50,113 pingat yang telah dianugerah sejak tahun 1958 sehingga sekarang, saya ingin membaca pecahan kepada Cheras.

(i) Perkhidmatan Awam termasuk kakitangan awam, badan berkanun, sukarela dan swasta, kita telah anugerahkan sebanyak 20,852 dan pada tahun 2000 kita telah pun menganugerahnya kepada seramai 878 orang;

(ii) Perkhidmatan Tentera – 7,255 orang dan pada tahun 2000 kita telah anugerah seramai 266 orang;

(iii) Pasukan Polis kita telah anugerah seramai 7,084 orang dan pada tahun ini kita anugerah sebanyak 184 orang;

(iv) Ahli-ahli politik seperti saya nyatakan – 14,039 orang dan pada tahun ini 434 orang;

(v) Warganegara asing ada seramai 883 orang dan tahun 2000 ada tujuh orang sahaja.

Ingin saya mengingatkan kepada pembangkang bahawa anugerah ini diberi kepada mereka yang taat setia kepada kerajaan. Sekian. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan. Yang Berhormat hendak mohon bintangkah?

**Tuan Moktar bin Radin:** Tidak, soalan tambahan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Yang tidak dapat itu tak setiakah?

**Tuan Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini soalan terus. Adakah kerajaan akan membuat cadangan baru untuk menganugerahkan pingat-pingat kebesaran ini kepada mereka yang hampir-hampir berjaya memecahbelahkan perpaduan rakyat *[Ketawa]* juga mengganggu-gugat ketenteraman negara di luar negeri mahu pun di dalam negeri seperti PAS, DAP dan KeADILan? Apakah kerajaan akan membuat cadangan untuk memberi anugerah pingat kepada mereka ini?

**Seorang Ahli:** Point of order, sangkaan jahat itu. Peraturan Mesyuarat 36(6) ini, sangkaan jahat itu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Dia langgar peraturan, tak payah jawab.

**Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pingat seperti saya nyatakan tadi, kita beri kepada yang taat setia, walaupun duduk di penjara, di mana dia taat setia pada satu ketika dan kita tidak berhasrat untuk tarik balik walaupun dia tidak taat kepada kita. Sekian.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini, nanti sekejap, Tuan Yang di-Pertua, taat setia ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin.

**Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ….

**Puan Chong Eng:** … tak setiakah?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tak setiakah, ini salah *emphasis*.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Ramai dari Barisan pun …..

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Dia sudah beri jawapan, tidak boleh lagi, Tuan Yang di-Pertua sudah buat itu, tak boleh!

**Tuan Kerk Kim Hock:** …yang bodoh! *[Pembesar suara ditutup]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat! Ya, ya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Gunakan perkataan 'bodoh' itu, out of order, betulkan perkataan itu dahulu.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun][Dewan kecoh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat! Sila ikut peraturan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka menyatakan perkataan 'bodoh' – tarik balik!

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** Tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila. Yang Berhormat, diamlah, Yang Berhormat, sila duduk!

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kita ada peraturan, kita tahu peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ya.

**Seorang Ahli:** Baca peraturan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya kata emphasis ke atas perkataan taat setia itu yang bodoh. Saya bukan kata Yang Berhormat bodoh. Jadi, ……

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ha, ini salah, ini telinga korek dulu telinga. Kita cek *Hansard*. Saya sedia, kita cek *Hansard* besok, bila saya datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ….

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya dengar dengan telinga, you cakap 'jawapan bodoh'.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Apa yang bodoh, betullah. Itulah saya cakap, jawapan yang bodoh sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya buat keputusan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …menghina semua rakyat yang termasuk orang-orang Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Melaka, saya akan rujuk kepada rekod …..

**Tuan Kerk Kim Hock:** Bila-bila saya sedia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau perkataan digunakan, Yang Berhormat perlu tarik balik.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, 36(6). Sebelum ini pun, ada perkataan 'bodoh' digunakan ditarik balik. Jadi, kenapa hari ini tidak diminta Kota Melaka tarik balik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi dia kata, ….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dahulu pun sudah berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bodoh itu, dia bukan sebut manusia.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Betul, sebelum ini ada ruling mengatakan penggunaan 'bodoh' ditarik balik. Jadi, kita minta ruling yang sama digunakan pada hari ini kepada Kota Melaka ditarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, keputusan saya buat. Kalau rekod ada, tunjukkan itu digunakan, saya akan minta Yang Berhormat Kota Melaka tarik balik.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, perkataan yang digunakan adalah perkataan 'jawapan yang bodoh'. 'Jawapan yang bodoh' itu juga is unparliamentary dan perlu dibuat ruling.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tak perlu dirujuk lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Macam mana boleh dibiarkan, tidak boleh digunakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan rujuk! Jadi, Yang Berhormat, sila.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 36(6). Tarik balik, berlaku ucapan yang sama.

**Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-7.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah buat keputusan. Saya akan rujuk.

**Tuan Moktar bin Radin:** Perkataan 'bodoh' dengan apa cara sekalipun tidak boleh digunakan dalam Dewan ini.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** *Unparliamentary word*! Bukan, perkataan 'bodoh' bukannya ditujukan kepada mana-mana Ahli kecuali 36(6) betul, sangkaan jahat hanya kepada Ahli. 36(4) *is unparliamentary word*. Dia tidak semestinya ditujukan kepada sesiapa, waimma dia tidak tuju kepada Ahli tetapi perkataan itu adalah perkataan yang tidak boleh disebut di dalam Dewan. *Unparliamentary word*, ia ada beza 36(4), 36(6), Tuan Yang di-Pertua!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat! Yang Berhormat, kita ada peraturan. Saya faham, saya faham, saya akan rujuk, akan rujuk, kalau itu tidak boleh digunakan dan beliau sudah gunakan keputusan akan saya minta dia tarik balik. Jadi, berikan ……..

**Beberapa Ahli:** *[Riuh rendah]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** No, dia mengaku kata 'jawapan yang bodoh'. Itu jawapan yang bodoh. Jadi, saya minta maaf, saya sendiri kena rujuk, kalau itu tidak boleh digunakan dan digunakan oleh beliau, saya akan buat keputusan minta dia tarik balik.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay!

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan lepaskan Yang Berhormat macam ini sahaja. Mesti mahu tarik balik! Tak boleh macam ini! *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, Kepong berdiri atas apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 99, kita ikut peraturan. Jangan teriak!

**Tuan Moktar bin Radin:** Tarik balik Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya terangkan sekali lagi. Ini tak payah susah hati.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ha, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan rujuk dan saya akan buat ruling, saya akan buat ruling. Jadi, apa yang diputuskan oleh Kerusi di sini, saya harap dapat dipatuhi.

**Tuan Moktar bin Radin:** Perkataan 'bodoh' tidak boleh digunakan dalam Dewan. Tarik balik!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 99.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Mesti tegas, kena tarik balik. Ini kena tarik balik – tidak boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, ini perkataan kita akan guna.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sekejap ya. Duduk dahululah. Sekejap! Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sudah buat ruling hendak membuat keputusan, kita pulangkan kepada Tuan Yang di-Pertua oleh kerana perkataan itu.

**Beberapa Ahli:** *[Sorak]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini pandai, pandai, ini pandai!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, soalan 7. Yang Berhormat daripada Kementerian Kewangan.

7. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kejayaan polisi yang diperkenalkan oleh kementerian untuk menggalakkan penyertaan modal teroka, dan setakat ini

berapa ramaikah peserta yang terlibat serta berapakah jumlah pembiayaan yang telah diluluskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pengumuman kerajaan dalam Belanjawan tahun 2000 yang lalu, maka sebuah dana modal teroka yang berjumlah RM500 juta telah ditubuhkan dan RM200 juta daripada peruntukan ini disediakan oleh kerajaan dan telah disalurkan kepada Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad (BITMB). Manakala RM300 juta disediakan oleh, pertama, Bank Negara Malaysia sebanyak RM200 juta, manakala dana daripada Malayan Banking Berhad dan Bumiputra Commerce Berhad masing-masing RM50 juta.

Dana RM300 juta ini telah disalurkan melalui dua buah syarikat modal teroka iaitu Maybank Ventures Capital Company Sdn. Bhd. (MVCC) dan Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd. (VTC) dan dalam Belanjawan tahun 2000 kerajaan mengumumkan bahawa pendapatan yang diperolehi oleh syarikat modal teroka akan dikecualikan daripada pembayaran cukai dalam tempoh hayat sesuatu dana modal teroka atau bagi tempoh sepuluh tahun yang mana terdahulu.

Bagi mendapat pengecualian cukai, syarikat modal teroka diperlukan melabur sekurang-kurangnya 70% daripada dana dalam syarikat teroka di peringkat awalan, permulaan dan pertama.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 31 Disember 1999 terdapat 30 syarikat modal teroka yang melabur dalam 270 syarikat penerima pelaburan dengan jumlah pelaburan bernilai RM1.4 bilion.

Bagi dana yang disediakan oleh BITMB, usaha untuk memasarkannya sedang giat dijalankan. Sehingga Jun 2000 sebanyak 22 permohonan untuk pinjaman projek berjumlah RM201.7 juta telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM1 juta telah diluluskan untuk sektor elektronik termaju, manakala terdapat lapan projek berjumlah RM95.4 juta sedang dalam peringkat kajian.

Bagi dana-dana Modal Teroka yang disediakan oleh MVCC dan CTB belum ada pelaburan diluluskan setakat ini kerana kedua-duanya baru sahaja dilancarkan pada 19 Jun yang lalu. Pada masa ini usaha mempromosikan sedang giat dijalankan dan perkembangan ini adalah menggalakkan walaupun pembiayaan melalui Modal

Teroka di Malaysia secara relatifnya masih rendah berbanding dengan negara-negara maju yang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 79 adalah dijilid dalam buku berasingan]***

## USUL

## MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG

**11.06 pagi.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menangguhkan Rang Undang-undang seperti berikut untuk dibacakan bagi kali kedua dan ketiga pada mesyuarat akan datang:

| | | |
|---|---|---|
| (i) | (D.R. 26/2000) | Rang Undang-undang Akauntan (Pindaan) 2000; |
| (ii) | (D.R. 32/2000) | Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000; |
| (iii) | (D.R. 28/2000) | Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000; |
| (iv) | (D.R. 27/2000) | Rang Undang-undang Kanak-Kanak 2000; |
| (v) | (D.R. 34/2000) | Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000. |

Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

## RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2000

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.07 pagi.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang dinamakan Agreement on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights atau dengan ringkasnya TRIPS yang telah dipersetujui oleh negara-negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) termasuk Malaysia dalam bulan April 1994, telah mewujudkan satu garis panduan yang seragam mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan harta intelek di kalangan negara-negara ahli WTO dan ia perlu dipatuhi oleh semua negara ahli.

Bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah Perjanjian TRIPS, semua perundangan berkaitan dengan harta intelek perlu dikemaskinikan termasuk Akta Paten 1983. Bagi Akta Paten 1983, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan untuk diselaraskan dengan peruntukan perjanjian TRIPS adalah seperti berikut:

Pertama, pindaan Seksyen 35 Akta ibu bagi mewujudkan tempoh perlindungan paten selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan. Pada masa ini undang-undang paten negara kita memberi perlindungan selama 15 tahun yang dikira dari tarikh pemberian paten. Perjanjian TRIPS telah mewujudkan tempoh perlindungan selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan. Ini adalah untuk memastikan bahawa sesuatu reka cipta yang dipohon untuk dipatenkan akan dilindungi sebaik sahaja ia mula difailkan. Peruntukan baru ini bertujuan untuk memberi perlindungan yang secukupnya kepada pemilik paten. Tempoh perlindungan selama 20 tahun ini tidaklah dianggap sebagai perlanjutan tempoh paten kerana tempoh pemberian paten biasanya mengambil masa kira-kira lima tahun dari tarikh ianya difailkan. Oleh itu tempoh perlindungan selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan itu dirasakan munasabah bagi memastikan tidak ada peniruan paten semasa ianya dalam proses pemeriksaan untuk pemberian geran.

Selaras dengan perubahan ke atas tempoh perlindungan paten, tempoh perlindungan bagi pembaharuan utiliti juga perlu dipinda iaitu daripada lima tahun dari tarikh pemberian geran kepada sepuluh tahun dari tarikh pemfailan. Pindaan ini juga adalah selaras dengan kehendak perjanjian TRIPS.

Kedua, mengemaskini peruntukan sedia ada bagi membolehkan pemberian paten ditolak atas sebab berlawanan dengan prinsip moral. Tujuan peruntukan ini adalah untuk memberi kelonggaran kepada pihak berkuasa pendaftaran paten menolak pemberian paten ke atas mana-mana reka cipta yang didapati berlawanan dengan prinsip moral. Misalnya reka cipta yang membolehkan diubah sifat manusia dan binatang.

Ketiga, mengemaskini peruntukan Seksyen 49 Akta ibu iaitu mengenai syarat-syarat mendapat lesen wajib. Peruntukan yang sedia ada membolehkan mana-mana orang membuat permohonan untuk mendapatkan lesen wajib bagi mengeksploitasi sesuatu paten sekiranya paten itu tidak dieksploitasi selepas tiga tahun mendapat pemberian paten atau sekiranya produk daripada paten berkenaan tidak terdapat di Malaysia atau produknya terdapat di Malaysia tetapi harganya tinggi dan tidak mampu memenuhi kehendak pengguna.

Perjanjian TRIPS mengenakan syarat bahawa pemohon yang ingin mendapat lesen wajib hendaklah terlebih dahulu berusaha untuk mendapatkan kebenaran daripada pemilik paten dalam jangka masa yang munasabah tetapi tidak berjaya mendapatkannya. Dengan itu pindaan ini bertujuan untuk memasukkan syarat tersebut ke dalam Seksyen 49 Akta ibu yang sedia ada. Di samping itu, pindaan juga dibuat ke atas Seksyen 53 bagi menjelaskan lesen wajib tidak boleh diserahkan dan pembekalan produknya hanya terbatas dalam Malaysia sahaja.

Keempat, pindaan bagi membenarkan parallel import. Cadangan pindaan ini melibatkan Seksyen 58 Akta ibu bagi membenarkan aktiviti import bagi produk yang dipatenkan selepas produk itu dipasarkan di mana-mana negara luar Malaysia. Ia adalah untuk memastikan bahawa wujud persaingan harga yang sihat. Adalah diharapkan bahawa persaingan itu akan membolehkan pengguna untuk mendapat produk yang tulen pada harga yang lebih berpatutan.

Kelima, peruntukan bagi menjelaskan hak-hak kerajaan untuk mengeksploitasi sesuatu paten dalam keadaan tertentu. Seksyen 84 Akta ibu akan dipinda bagi menjelaskan hak-hak kerajaan yang sedia ada dalam mengeksploitasi sesuatu paten. Pindaan itu bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan itu dengan kehendak perjanjian TRIPS. Hak-hak kerajaan dalam mengeksploitasi sesuatu paten tanpa persetujuan pemunya paten adalah terhad dalam keadaan tertentu sahaja. Keadaan tertentu yang dimaksudkan termasuklah keadaan darurat.

Selain daripada itu eksploitasi sesuatu paten boleh juga dibenarkan oleh Menteri jika pihak berkuasa kehakiman atau pihak berkuasa yang berkenaan telah memutuskan bahawa pemunya paten telah mengeksploitasikan patennya dengan cara antipersaingan. Dalam keadaan-keadaan di atas, pemunya paten mesti diberitahu dengan segera cadangan mengeksploitasi patennya dan dia mestilah dibayar saraan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan bagi menyesuaikan dengan kehendak perjanjian TRIPS, pindaan ke atas Seksyen 37 Akta Paten 1983 juga dicadangkan untuk membenarkan pembuatan sampel ubat-ubat yang masih dalam tempoh paten bagi tujuan mendapat kelulusan pihak berkuasa. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan pengusaha ubat-ubatan generik mendapat kelulusan pihak berkuasa lebih awal supaya ubat-ubatan itu dapat dipasarkan sebaik sahaja tempoh sesuatu paten tamat. Pengeluaran ubat-ubatan generik adalah berfaedah kepada pengguna kerana ia adalah lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya cadangan pindaan-pindaan ini akan menjadikan undang-undang paten negara kita selaras dengan undang-undang paten di negara-negara ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) iaitu mengikut sebagaimana yang dipersetujui di perjanjian TRIPS di mana Malaysia adalah anggota kepada perjanjian tersebut. Dengan itu ia diharapkan boleh menggalakkan lagi pelaburan dan aktiviti perdagangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Pengerusi, saya berhajat untuk menyentuh sedikit mengenai Fasal 1 hingga 12.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya…..

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tidak boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya perlu…..sebab kita sudah luluskan semua.

**Fasal 13 - Pindaan:**

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan "Rang Undang-undang dipinda dalam subfasal 13(2) dalam teks Bahasa Kebangsaan dengan menggantikan perkataan "peruntukan" dengan perkataan "seksyen". Ini adalah untuk memperbetulkan kesilapan taip.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

**Fasal 13** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG BANK LUAR PESISIR (PINDAAN) 2000

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**11.23 pagi.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Luar Pesisir 1990 ataupun dengan ringkasnya ABLP mula berkuat kuasa pada 30 Ogos 1990.

*[*Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Ia mengandungi peruntukan undang-undang yang menyeluruh bagi pelesenan, pengawalan dan pengawalseliaan bank-bank luar pesisir di Labuan. Semenjak ABLP berkuat kuasa, ia telah dipinda untuk pertama kalinya dalam tahun 1997. Sebagaimana undang-undang lain, ABLP juga perlu dipinda dari masa ke semasa bagi memastikan ABLP adalah satu undang-undang yang dinamik dan mengikuti perkembangan semasa.

Terdapat pelbagai perkembangan dan aktiviti kewangan antarabangsa masa kini. Di antara perkembangan yang perlu diberi perhatian khusus melibatkan minat

serius yang ditunjukkan oleh institusi bukan bank dalam aktiviti pemajakan dan pemfaktoran. Pada masa ini, institusi bukan bank hanya boleh menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut sekiranya ia mendapat lesen perbankan luar pesisir atau mendapat pengecualian Menteri daripada keperluan untuk mendapatkan lesen perbankan luar pesisir.

Definisi perniagaan perbankan luar pesisir yang sedia ada meliputi kesemua aktiviti kewangan luar pesisir. Oleh yang demikian, mana-mana individu atau institusi yang ingin menjalankan aktiviti tersebut perlu memperolehi lesen perbankan luar pesisir. Walaupun definisi ini menguntungkan bank luar pesisir kerana ia memberi ruang yang luas untuk berurus niaga, namun ianya menjadi masalah kepada mana-mana institusi bukan bank yang ingin menjalankan aktiviti tersebut.

Dalam sistem kewangan domestik, aktiviti-aktiviti seperti pemajakan dan pemfaktoran tidak diklasifikasikan sebagai aktiviti perbankan dan boleh dijalankan oleh mana-mana institusi bukan bank dan dikenali sebagai institusi terjadual. Institusi terjadual tidak perlu untuk dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan hanya perlu mendaftarkan perniagaan mereka dengan Bank Negara Malaysia.

ABLP juga perlu dipinda setelah mengambil kira perbankan pesat industri kewangan antarabangsa teknologi maklumat. Pindaan yang dicadangkan akan membolehkan industri kewangan menawarkan kemudahan perkhidmatan berasaskan pemindahan wang secara elektronik.

Keadaan ini akan meningkatkan kecekapan dalam Perkhidmatan Perbankan Luar Pesisir dan secara tidak langsung meningkatkan imej Labuan. Berdasarkan faktor-faktor di atas, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) berpendapat bahawa beberapa pindaan perlu dibuat terhadap ABLP bagi memperluaskan skop perniagaan kewangan luar pesisir tanpa menjejaskan aktiviti perbankan yang sedia ada.

Secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan:

(i) untuk memastikan peruntukan-peruntukan ABLP seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan global serta sejajar dengan peranan LOFSA sebagai sebuah agensi kawal selia sehentian luar pesisir;

(ii) mengembangkan skop perniagaan kewangan luar pesisir selaras permintaan global;

(iii) membolehkan industri kewangan menawarkan kemudahan perkhidmatan berasaskan pemindahan wang secara elektronik.

Peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam rang undang-undang tersebut ialah seperti berikut:

(i) Fasal 1 memperuntukkan bagi tajuk ringkas dan tarikh mula berkuat kuasa akta pindaan.

(ii) Fasal 2 memperuntukkan bagi pindaan kepada tajuk panjang untuk memperluaskan skop Akta 443 kepada orang yang terlibat dalam perniagaan kewangan luar pesisir.

(iii) Fasal 3 bertujuan meminda definisi perniagaan perbankan luar pesisir, memperkenalkan definisi baru, pemindahan wang secara elektronik ataupun terminal elektronik, perniagaan kewangan luar pesisir dan institusi berdaftar.

(iv) Fasal 4 merupakan satu bahagian baru yang memperuntukkan bagi pendaftaran mana-mana orang yang menjalankan perniagaan kewangan pesisir. Bahagian ini terdiri daripada enam seksyen baru seperti berikut:

(a) Seksyen 23A

Memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang ingin menjalankan perniagaan kewangan pesisir perlu didaftarkan.

(b) Seksyen 23B

Memperuntukkan bagi pendaftaran perniagaan kewangan luar pesisir.

(c) Seksyen 23C

Merupakan satu peruntukan yang memberi kuasa kepada bank sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan bagi pendaftaran perniagaan kewangan luar pesisir.

(d) Seksyen 23D

Merupakan satu peruntukan yang memberi kuasa kepada bank untuk mengawal selia perniagaan kewangan luar pesisir sekiranya bank menyifatkan sebagai perlu.

(e) Seksyen 23E

Merupakan peruntukan bagi pembayaran fi tahunan perniagaan kewangan luar pesisir.

(f) Seksyen 23F

Merupakan satu peruntukan yang memberi kuasa bank untuk membatalkan perniagaan kewangan luar pesisir.

(v) Fasal 5 bertujuan untuk memperkenal Seksyen 23G bagi mengawal selia mana-mana individu yang mengendalikan sistem pemindahan wang secara elektronik.

*(vi)* Fasal 6 merupakan pindaan kepada Seksyen 24, ABLP untuk menjelaskan bahawa, *"Sesiapa yang menjalankan perniagaan kewangan luar pesisir tanpa didaftarkan dengan LOFSA adalah melakukan satu kesalahan yang boleh dipenjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi RM10 juta atau kedua-dua sekali."*

(vii) Fasal 7 merupakan pindaan terhadap Seksyen 28 ABLP bertujuan untuk menjelaskan bahawa Akta Syarikat Luar Pesisir juga terpakai kepada institusi berdaftar.

(viii) Fasal 8 bertujuan untuk meminda Seksyen 30 ABLP bagi menjelaskan bahawa Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983, adalah tidak terpakai kepada mana-mana Bank Luar Pesisir berlesen dan institusi berdaftar.

(ix) Fasal 9 merupakan satu peruntukan bagi mengadakan tempoh peralihan bagi pendaftaran mana-mana orang yang telah

menjalankan perniagaan kewangan luar pesisir sebelum pindaan ini berkuat kuasa.

Secara amnya pindaan-pindaan yang dicadangkan bertujuan mengembangkan skop aktiviti kewangan luar pesisir selaras dengan perkembangan semasa di samping membolehkan peserta luar pesisir merancangkan sebarang produk baru berdasarkan pemindahan wang secara elektronik. Pindaan yang dicadangkan juga akan mempertingkatkan daya saing Labuan sebagai Pusat Kawalan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang ulung di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990 dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Labuan.

**11.30 pagi.**

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 2000.

Bagi mewakili rakyat Labuan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia kerana telah memberikan satu status bertaraf antarabangsa kepada Labuan bila mana kedudukan International Offshore Financial Center diberikan kepada Labuan. Wala upun pada ketika itu kerajaan sedar bahawa kelengkapan dan kemudahan komunikasi serta persiapan infrastruktur yang ada di Labuan belum melayakkannya untuk memikul status yang begitu berat.

Namun di atas komitmen yang tidak berbelah bahagi dari kerajaan untuk melihat Labuan berubah wajah dari sebuah pulau yang bertarafkan daerah, maka tugas sebagai Nasional Flag Carry of Malaysia, tetap diteruskan dan sebagai pengiktirafan dari pihak yang terlibat, maka berdirilah sebuah bangunan yang menjadi kebanggaan rakyat Labuan yang dikenali sebagai Hujana Kewangan ataupun Financial Park.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, rakyat dan seluruh penduduk Labuan juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih di atas komitmen kerajaan yang begitu tinggi dalam memastikan arus pembangunan bergerak cergas seiring dengan tugas dan tanggungjawab Labuan sebagai sebuah pulau bertarafkan IOFC dan bebas cukai.

Komitmen ini dapat dilihat bila mana kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1.3 bilion untuk Rancangan Malaysia Kelapan, sekali lagi terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berbahagia Tun Menteri Kewangan di atas komitmen kerajaan kepada Labuan ataupun pearl of the south east tenancy.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 2000 amat penting untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kerana setelah hampir 10 tahun LOFSA beroperasi, maka pelbagai kekurangan telah didapati di dalam akta yang sedia ada yang mana boleh melambatkan proses pencapaian maksimum IOFC di Labuan atau Malaysia khasnya.

Oleh itu saya ingin memberikan sedikit latar belakang berhubung kait dengan sejarah penubuhan, pencapaian, perancangan jangka panjang serta sumbangan yang diberikan oleh IOFC ini kepada negara Malaysia amnya dan warga dan rakyat Labuan khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan telah dinobatkan sebagai ……

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun di hadapan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta sedikit Tuan Yang di-Pertua, ulasan daripada Ahli Parlimen Labuan, orang Labuan ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya,

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Orang Labuan ya? *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Labuan]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Mengangguk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, menghadap ke sini Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tanya dia itu sebab takut dia membaca atau apa dan kata tidak dengar soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau pandang ke sini pun boleh bertanya dia.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]* Takut dia keluar ke mana susah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidaklah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab dia ini ligat sedikit orangnya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia hari-hari kena hubungi isteri dia, takut dia ke mana sahaja.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Labuan, adakah masyarakat di Labuan ini merasa bangga kerana satu pusat kewangan diletakkan di Labuan sebab saya rasa pulau-pulau lain pun Tuan Yang di-Pertua, hendak juga tempat dia dijadikan pusat kewangan negara. Bukan sahaja satu pusat kewangan negara tetapi ini jendela kewangan dunia.

Saya ada pulau saya, Pulau Tioman. Saya hendakkan kalau boleh jadi pusat kewangan dunia. Sebab itu saya hendak bertanya dengan Ahli Parlimen Labuan ini bagaimana hasrat dan hati orang Labuan, adakah mereka bersyukur kerana Labuan ini dijadikan pusat kewangan negara dan dunia oleh sebab apa kalau tidak, saya Ahli Parlimen Rompin hendak mengesyorkan kepada kerajaan mungkin pindahlah dari Labuan ke pulau-pulau yang lain seperti Pulau Tioman.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan dari Ahli Parlimen Labuan ini.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Seperti yang saya ucapkan di awal ucapan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Seluruh rakyat Labuan berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana meletakkan IOFC di Labuan dan memilih Labuan untuk membawa IOFC ini sebagai flag carrier untuk negara.

Jadi, soalan daripada Rompin untuk memindahkan ataupun diminta dipindahkan IOFC ini ke Tioman, saya ingat selepas dunia kiamatlah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua. Labuan telah ….

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Sipitang bangun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat bagi Labuan meneruskan – tadi di awal dia ada pembuka kata, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Labuan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, pembuka katanya mengenai dengan Labuan itu cukup menarik. Saya ini daripada Sipitang, Tuan Yang di-Pertua….

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** ….Sipitang – Labuan dia berjiran, apa yang berlaku di Labuan itu kenalah juga di Sipitang dan apa yang berlaku di Sipitang itu, kenalah juga Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan ini ia tidak banyak buah, semua durian, pisang daripada Sipitang *[Ketawa]* kalau Sipitang tutup jalan, Labuan susah. Tetapi ramai saudara saya di Labuan, Tuan Yang di-Pertua, okay tidak apa ….

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada jalankah ke sana, bukan ……

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** …..belum ada jalan, Tuan Yang di-Pertua. Naik kapal, naik speed boat, 35 minit daripada Sipitang menyeberangi laut tetapi musim angin kuat Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh pergi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Walau macam mana pun apa yang berlaku di Labuan memang menjadi perhatian, menjadi suatu kesan yang rapat kepada Parlimen Sipitang dan juga Parlimen Beaufort. Ada rakan Timbalan Menteri sebelah sana.

Saya minta pandangan Yang Berhormat dari segi pemerhatian, masa sebelum Labuan diserah kepada Kerajaan Persekutuan atau sebelum menjadi wilayah dahulu, Labuan itu bagaimana keadaannya? Apakah perubahan besar yang berlaku kerana pembangkang selalu mengatakan bahawa Labuan ini telah dijual, telah diserahkan dan mengambil alih hak-hak orang Labuan.

Jadi, bagaimana perasaan orang Labuan sendiri, apakah orang Labuan itu berpuas hati ataupun merasa senang apabila telah diambil menjadi wilayah berbanding dengan sebelum ini. Ini pembangkang punya isu di negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan pihak pembangkang yang mengatakan bahawa Labuan dijual adalah tidak betul. Sebenarnya pemimpin sebelum ini dan saya masih ingat pada waktu tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah Perdana Menteri pada waktu tersebut mempunyai wawasan. Mereka melihat jika Labuan dikekalkan tarafnya sebagai sebuah daerah, tidak mungkin Labuan boleh dimajukan seperti mana yang diimpikan oleh negara.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Sabah serta seluruh rakyat Labuan dengan rela hati menerima tawaran Kerajaan Persekutuan untuk mewartakan Labuan menjadi Wilayah Persekutuan Labuan. Berhubung dengan hak-hak keistimewaan rakyat Labuan diambil alih dan sebagainya juga tidak betul.

Jika dilihat Labuan pada tahun 1983 dengan Labuan pada abad 2000, perbezaan cukup ketara. Wilayah Persekutuan ……

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Tumpat bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya amat tertarik dengan ……

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Habiskan dahulu jawapan kepada Yang Berhormat bagi Sipitang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** …ini dapat dilihat, Tuan Yang di-Pertua, daripada peruntukan RMK-7 yang diperuntukkan oleh kerajaan bernilai hampir

RM900 juta, manakala Rancangan Malaysia Kelapan pula kerajaan memperuntukkan hampir RM1.3 bilion.

Jadi, tidak nampak tuduhan-tuduhan pembangkang itu berasas. Jadi, saya harap pembangkang-pembangkang tidak lagi akan menggunakan isu Labuan untuk memenangi kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen di negeri Sabah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan sedikit. Saya ada dua perkara daripada apa yang disebutkan dan pohon penjelasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Pertamanya, saya perhatikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional ini seperti Rompin sekejap tadi, seolah-olah berebut kata Rompin pun ada pulau, Labuan pun pulau, kalau boleh hendak pindah ke Rompin dan sebagainya.

Kita di pihak pembangkang memikirkan kepentingan negara Tuan Yang di-Pertua, kita tidak fikirkan untuk kepentingan pulau itu atau pulau ini. Kebimbangan kita berkaitan dengan IOFC Malaysia ini ialah sebagai contoh, pengumuman yang dibuat oleh Sultan Brunei Darussalam minggu lepas, di hari keputeraan Baginda bahawa dia kata, “Brunei pun akan menjadi sebuah Pusat Kewangan Antarabangsa.”

Jadi, saya fikir kita ketepikanlah kepentingan Labuankah, kepentingan Rompinkah, kepentingan Tumpatkah, kita pentingkan kepentingan negara. Jadi, saya pohon Ahli Yang Berhormat bagi Labuan bercakap juga tentang bagaimana kita hendak memajukan Labuan untuk negara, bukan Labuan untuk Labuan atau Rompin untuk Rompin atau Sipitang untuk kebun-kebun dan ladang-ladang di Sipitang itu.

Keduanya, saya hendak juga memohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Labuan, sebab saya Tuan Yang di-Pertua, pernah ke Labuan beberapa kali. Dan saya akuilah dalam kedudukan saya sebagai Ahli Lembaga Pengarah, syarikat terbesar di Labuan yang menjadikan majikan terbesar di Labuan iaitu yang bernama Sabah Ship Yard Sdn. Berhad. Syarikat itu dahulunya maju dan mempunyai pekerja yang ramai, dapat menampung kegiatan ekonomi masyarakat di Labuan.

Saya sudah berhenti daripada syarikat tersebut kerana sebab-sebab politik yang difahami oleh semua orang. Tetapi saya dapati syarikat itu sudah tidak begitu berjalan dan keadaan ekonomi berbeza dengan Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya

dimaklumkan dalam keadaan menurun sekarang ini kerana tidak ada pekerjaan yang diberikan oleh majikan terbesar di Pulau Labuan itu. Pohon penjelasan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terdapat sedikit kebenaran berhubung dengan Sabah Ship Yard tetapi tidaklah mengganggugugatkan kedudukan ekonomi di Labuan.

Memang terdapat kekurangan dari segi peluang pekerjaan kerana sebelum ini Sabah Ship Yard menawarkan peluang pekerjaan hampir 3,000 orang. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi ….

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** …Tumpat harus faham. Sabah Ship Yard sebuah syarikat swasta. Saya bercakap tentang komitmen kerajaan dalam membangunkan Labuan. Syarikat swasta tidak ditadbirkan oleh kerajaan, syarikat tersebut lingkup pun kerana pengurusannya begitu buruk daripada pemilik-pemilik sebelumnya.

Jadi, kalau bercakap pasal kekurangan pekerjaan di Labuan, sebenarnya yang patut disalahkan pengurusan ataupun pemilik syarikat sebelumnya dan sekarang ini usaha untuk mengembalikan syarikat tersebut ke zaman kecemerlangannya sedang dalam proses.

Saya mohon meneruskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua. Labuan telah dinobatkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa ataupun International Offshore Financial Center (IOFC) pada bulan Oktober 1990 dengan tiga matlamat utama.

(i) melengkapkan Kuala Lumpur sebagai Pusat Kewangan Serantau;

(ii) meningkatkan sumbangan sektor kewangan kepada Keluaran Negara Kasar; dan

(iii) memajukan Pulau Labuan serta kawasan sekitar seperti yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Sipitang tadi.

Itu makanya tiga matlamat utama IOFC ini. Setelah 10 tahun menjadi IOFC Labuan menunjukkan perkembangan yang amat positif. Ia berjaya menarik hampir 2,300 syarikat yang terdiri daripada 61 bank, 73 syarikat insurans dan berkaitan dengan insurans, 19 syarikat amanah, 15 syarikat pemajakan, 6 pengurus dana dan lain-lain. Malah peserta-peserta luar pesisir di IOFC terdiri dari berbagai negara mencerminkan kesedaran dan pengiktirafan global ke atas Labuan sebagai pangkalan operasi yang menarik, berdaya maju dan menjimatkan. Ternyata kombinasi peluang perniagaan, insentif yang ditawarkan dan persekitaran operasi yang liberal…

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang bangun di belakang.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih ini kawan saya ini Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat, setelah sepuluh tahun dan telah menarik lebih kurang 2,360 lebih syarikat untuk memajukan Pulau Labuan, jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat dari segi pekerja-pekerja tempatan di Labuan, adakah mereka yang dahulu pada suatu ketika bekerja dengan *Sabah Shipyard* telah diserapkan ke syarikat-syarikat yang telah mula bertapak di Labuan ini. Kalau ya dan apakah kemajuan-kemajuan yang telah diperolehi oleh pulau ini dari segi peningkatan buruh tersebut iaitu pekerja-pekerja itu kerana kalau dikira 2,300 lebih syarikat ini amat besar. Kalau satu syarikat ambil 50 orang pun sudah…, rasa saya rakyat di Labuan hampir semua bekerja. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih saudara daripada Kinabatangan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau saya diberikan peluang menghabiskan ucapan saya mungkin lebih ramai Yang Berhormat akan faham apa sebenarnya IOFC. Kita tidak boleh masukkan orang yang diberhentikan di Sabah Shipyard dalam syarikat-syarikat IOFC kerana dua struktur perniagaan yang berbeda. Yang di *Sabah Shipyard* mereka kebanyakannya pekerja mahir dalam bidang teknikal. Sedangkan di IOFC ini lebih banyak menitikberatkan kepada kepakaran di segi kewangan pesisir. Mungkin dalam bentuk jawatan kerani ataupun pegawai yang mana kelayakan yang diperlukan mereka miliki mungkin dapat diterima bekerja. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, IOFC ini seperti yang Yang Berhormat bagi Tumpat katakan tadi bukanlah untuk Labuan tetapi imej negara. Jadi kriteria pengambilan pekerja juga begitu ketat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meneruskan. Ternyata kombinasi peluang perniagaan, insentif yang ditawarkan dan persekitaran operasi yang liberal merupakan resipi utama yang membawa mereka ke Labuan. Prospek adalah cerah untuk perkembangan yang pesat ini berterusan pada masa hadapan bagi mengekalkan Labuan sebagai IOFC bertaraf dunia di rantau Asian. Faktor utama yang akan memastikan perkembangan berterusan Labuan IOFC ialah sokongan kerajaan yang tidak berbelah bahagi dan berterusan.

Pembangunan Labuan atau lebih dikenali sebagai 'mutiara Laut China Selatan' seharusnya menjadi agenda kebangsaan jangka panjang dan kerajaan perlu merancang pembangunan Labuan dengan teliti demi memastikan ia mampu berperanan sebagai IOFC bertaraf dunia.

Dengan kemasukan alaf baru, LOFSA akan terus menggiatkan usaha dan tumpuannya untuk mewujudkan lebih kesedaran dan minat terhadap Labuan terutama di kalangan pelabur antarabangsa serta meningkatkan prospek pertumbuhan Labuan. Usaha sedang dijalankan supaya Labuan berupaya menembusi pasaran global dengan kaedah penghantaran yang paling menjimatkan. Lantas membolehkan ia menarik institusi baru ke Labuan. Pada masa yang sama, Labuan perlu terus mengembangkan perniagaan istimewa dan daya tarikannya terutama dalam dunia luar pesisir yang terlalu kompetitif.

Lanskap kewangan Labuan IOFC dalam alaf baru ini seharusnya lebih menonjol dan menyerlah di mana keperluan kewangan pelanggan yang canggih dapat dipenuhi dengan kos yang minimum dan berkesan. Ini akan menjadikan Labuan IOFC penyedia perkhidmatan yang berjaya di rantau ini.

Sehubungan ini LOFSA akan memperkenalkan strategi dan inisiatif baru untuk industri luar pesisir. Pertama gerbang e-dagang ataupun *e-commerce gateway* atau ECG. Labuan akan meningkatkan penggunaan teknologi maklumat yang serba canggih dalam rangka kerja operasinya. Dan ini akan melengkapkan cita-cita MSC. Dengan pemikiran strategik ini, LOFSA akan melabur dalam gerbang e-dagang di mana semua peserta luar pesisir akan dihubungkan kepada gerbang ini dengan *knot* yang disediakan untuk memudahkan inovasi dan hubungan dengan pelanggan. Ia juga akan memberi maklumat komprehensif mengenai Labuan IOFC dan pelanggan di

seluruh dunia boleh mengetahui produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh berbagai peserta di Labuan dengan hanya menekan papan kekunci mereka sama ada di rumah ataupun di pejabat. Adalah dijangkakan setelah dilaksanakan gerbang ini akan menjadi mekanisme yang strategik dan berkesan untuk menembusi pasaran global.

Kedua, Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa ataupun *International Islamic Financial Market* atau IIFM. Malaysia bukan sahaja dikenali sebagai pelopor malah diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang perbankan dan kewangan Islam serta Takaful kerana pengalaman dan kepakaran kita di pasaran tempatan dalam bidang tersebut. Ia menyedikan asas yang kukuh untuk Labuan IOFC mengembangkan perniagaan ini ke pasaran global dan seterusnya menjadikan Labuan perbankan dan kewangan Islam yang unggul.

Dalam hal ini LOFSA menerajui penubuhan rangkaian global pasaran wang Islam untuk mengambil kelebihan daripada peluang sasaran yang memberangsangkan dalam kewangan Islam sedunia serta menyediakan alternatif kepada pasaran kewangan konvensional. Rangkaian pasaran-pasaran wang ini bertujuan memenuhi keperluan institusi kewangan Islam di seluruh dunia yang memerlukan pembiayaan global dan tidak bermotifkan pasaran domestik. Ini akan memberikan keterampilan yang lebih antarabangsa kepada institusi yang terlibat dalam aktiviti perniagaan mereka. Secara khusus, pasaran kewangan Islam antarabangsa ataupun IIFM di Labuan akan berurus niaga dalam Dolar Amerika yang memudahkan pengurusan kecairan sepanjang masa.

Ia adalah sebahagian daripada rangka kerjasama yang membolehkan penyertaan oleh institusi kewangan Islam dan pihak berkuasa. Lebih penting lagi IIFM akan menjadi pemangkin untuk mengembangkan kepelbagaian dan ufuk perbankan dan kewangan Islam. IIFM dijangka akan memberi manfaat sampingan kepada perkembangan pasaran modal dan ekuiti Islam yang aktif dan berdaya maju.

Projek IIFM yang diterajui oleh LOFSA mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan daripada beberapa negara dan pertubuhan Islam seperti Saudi Arabia, Bahrain, Sudan, Iran, Indonesia, Brunei dan Bank Pembangunan Islam ataupun Islamic Development Bank atau IDB. Memorandum persefahaman telah

ditandatangani dan kumpulan kerja telah ditubuhkan untuk merealisasikan IIFM yang dijangka akan dilancarkan dalam bulan Oktober 2000. Pengiktirafan dunia serta kepercayaan mereka kepada LOFSA dan Kerajaan Malaysia untuk menerajui inisiatif ini membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia begitu prihatin terhadap perkembangan syiar Islam dan dalam menyatupadukan seluruh umat Islam di muka bumi ini.

Ketiga, Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan ataupun *Labuan International Financial Exchange* atau LFX. Perkembangan Labuan IOFC juga akan terus dimajukan dengan pelancaran Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan. Bursa maya ini akan menyediakan kemudahan penyenaraian dan perdagangan bagi pelbagai produk kewangan dan bukan kewangan termasuk dana, *bond*, *derivative,* produk berkaitan insurans dan mungkin harta intelek. Ia akan mengikut amalan pasaran dan menjimatkan. Dikendalikan oleh peserta pasaran dan menerima pakai amalan antarabangsa yang terbaik di dunia bagi bursa luar pesisir. Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah diberi mandat untuk menubuhkan LFX yang dijangka akan beroperasi sepenuhnya dalam bulan Oktober 2000.

Untuk memastikan kejayaan LFX di peringkat permulaan ….

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas penjelasan atau ucapan daripada Yang Berhormat bagi Labuan.

Saya ingat memang wajar Tun pasal tempat dia kecil. Dia satu pulau Tun. Kita ini kawasan saya daripada hujung Parlimen ke hujung, Tun tujuh jam. Labuan daripada hujung ke hujung 20 minit sudah tembus laut. Tumpat pun kecil juga Tun dia tidak besar. Tetapi bagi Labuan, tadi Yang Berhormat ada menyatakan mengenai dengan sistem kewangan secara Islam. Labuan juga akan dijadikan sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Saya begitu berbanggalah dan saya berharap azam Ahli Yang Berhormat sebagai ahli Parlimen Labuan inginkan ini menjadi kenyataan dan perlu mendapat sokongan daripada Kementerian Kewangan. Bila Labuan begitu Tun, Sipitang pun dapat tempias. Ini pasal dekat, kita kena sokong. Saya bersetuju juga dengan rakan daripada Tumpat tadi menyatakan tadi memang Labuan – saya tidak memikirkan kepentingan Sipitang. Labuan itu kita wujudkan untuk lambang negara kita Malaysia.

Saya bukan mengatakan bahawa saya memperjuangkan Sipitang. Saya ahli Parlimen Malaysia. Kita perjuang. Tumpat pun kita ikut perjuangkan selagi dia di Malaysia.

Jadi untuk kewangan Islam ini kita juga mesti sama-sama menyokong. Jadi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah keinginan Yang Berhormat supaya Labuan ini menjadi lebih terkenal dan menjadikan pusat kewangan Islam. Apakah ada panel ataupun jawatankuasa khas dalam mencari ataupun sebagai penasihat dalam menubuhkan sistem produk-produk yang lain bukan sahaja bursa kewangan tetapi dalam Islam ini dia luas, menyeluruh. Banyak peluang lain yang boleh dibuat melalui perniagaan Islam ini. Apakah sudah ada panel ataupun kumpulan daya fikir ataupun apakah LOFSA ada satu unit khas untuk mengendalikan perkara ini. Jadi saya minta pandangan, berkongsi pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Yang Berhormat Tun, melalui perbincangan saya dengan beberapa pegawai kanan LOFSA, beberapa langkah untuk menjayakan apa yang dipanggil pasaran wang antarabangsa Islam ini sedang rancak berjalan di mana beberapa rundingan ataupun forum dengan pihak berkuasa kewangan di negara-negara Islam lain sedang rancak berjalan seperti perjumpaan, perbincangan demi perbincangan rancak diatur oleh LOFSA. Dan bagi merealisasikan objektif tersebut, LOFSA telah memaklumkan kepada saya pada perbincangan dua minggu yang lalu bahawa dijangka sebuah badan yang akan dikenali sebagai Jawatankuasa Pasaran Wang Antarabangsa Islam di Labuan mungkin akan memulakan operasinya dalam bulan Oktober tahun ini nanti. Jadi LOFSA memang serius dan kerajaan lebih komited dalam memastikan satu produk baru bertaraf antarabangsa dikendalikan di Labuan melalui IOFC.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kejayaan LFX ataupun *Labuan International Financial Exchange*, di peringkat permulaan, sokongan dan komitmen masyarakat tempatan amat perlu. Sehubungan ini saya ingin menyarankan agar syarikat *blue chip* di negara ini seperti Petronas, Telekom dan Tenaga Nasional menggunakan LFX sebagai landasan untuk mendapatkan sumber dana antarabangsa. Dengan pelaksanaan IIFM, gerbang e-dagang dan LFX,

kemampuan peserta untuk menghasilkan dan menjadi penyedia perkhidmatan yang berkesan akan ditingkatkan, seterusnya daya tarikan Labuan juga akan bertambah.

Walau bagaimanapun hasrat untuk memajukan Labuan mungkin tidak tercapai jika rangka perundangan kita tidak dikemaskinikan. Justeru untuk memastikan Labuan tidak ketinggalan, malah sentiasa mampu berdaya saing serta memastikan rangka perundangan kita tidak menjadi penghalang kepada perkembangan Labuan, saya mencadangkan agar pindaan ke atas Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan Akta Perbankan 1990 yang akan dibentangkan sebentar nanti diluluskan. Ini penting kerana ia mencerminkan perkembangan terkini dalam sistem kewangan di peringkat antarabangsa serta memastikan pelaburan kerajaan ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat ada yang berdiri ya. Hendak beri jalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ada yang berdiri, ya, beri jalan.

**Tuan Mokhtar bin Radin:** Saya ingin penjelasan. Adakah pindaan terhadap Akta Bank Luar Pesisiran ini akan menjejaskan pasaran kewangan domestik dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya ditanya seperti menteri yang harus menjawab sebenarnya. Saya terpaksa baca nota saya balik ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Secara dasarnya tidak ada percanggahan dengan perbankan domestik kerana pelanggan-pelanggan di IOFC haruslah mereka yang beroperasi di luar negara. Saya mohon mencadangkan kepada Yang Berhormat Kinabatangan untuk bertanya perkara dasar kepada menteri semasa sesi soal jawab nanti kerana saya tidak boleh menjawab bagi pihak menteri …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada lagi yang berdiri, Yang Berhormat ya Parit Sulong, ya, sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada rakan saya dari Labuan. Daripada pergaulan saudara dengan pegawai-pegawai di LOFSA, adakah saudara mendapati bahawa LOFSA

mempunyai satu mekanisme untuk mengesan sama ada dana-dana yang masuk ke Labuan itu bebas daripada elemen-elemen jenayah sebagaimana mungkin dana itu dimasukkan sebagai satu proses money laundering dan mungkin juga ada duit atau wang yang sumber asalnya adalah daripada gerakan jenayah mafia ataupun daripada pengedar dan penyeludup dadah terbesar dalam dunia. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa LOFSA mempunyai garis panduan yang begitu ketat sebelum menerima pakai modal-modal yang dilaburkan di Labuan. Untuk itu, saya yakin bahawa tidak ada wang-wang yang hasilnya daripada money laundering ataupun kegiatan haram yang dilaburkan di Labuan dan saya rasa Yang Berhormat Menteri nanti mungkin akan menjelaskan jauh lebih detail daripada apa yang saya jawab tadi. Saya mohon meneruskan Tuan Yang di-Pertua….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila, sila.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Ini penting kerana ia mencerminkan perkembangan terkini dalam sistem kewangan di peringkat antarabangsa serta memastikan pelaburan kerajaan berbilion ringgit untuk menyediakan infrastruktur yang sesuai dan memberi insentif kepada tenaga pakar dan mahir yang berkhidmat di Labuan dimanfaatkan sepenuhnya. Pelaburan infrastruktur di Labuan telah melebihi RM1.5 juta bilion merangkumi pembinaan Kompleks Ujana Kewangan yang menyediakan 726,000 kaki persegi ruang pejabat, 344,000 kaki persegi kawasan kediaman serta 276,000 kaki persegi ruang membeli belah.

**Tuan Mokhtar bin Radin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Hospital Nukleus dengan 109 katil….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Berdiri hendak keluar ke, berdiri apa ni? Ya, ya Parit Sulong ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kenyataan sahabat saya mengenai pembinaan infrastruktur oleh pihak kerajaan tapi

adalah menjadi satu hakikat bahawa pelaburan yang besar di Labuan tidak dapat menarik industri-industri lain dan perniagaan-perniagaan lain untuk merupakan sebagai synergy kepada pelaburan yang asas itu. Oleh kerana Labuan mempunyai volume yang kecil iaitu dari segi manusia, jumlahnya kecil dan juga kuasa belinya kecil. Adakah dalam hal ini saudara mahu mencadangkan supaya digalakkan satu pemindahan beramai-ramai 'mass exodus', dengan izin, umpamanya daripada kawasan Sipitang atau di kawasan-kawasan lain yang over populated di sekitar itu supaya Labuan ini mempunyai satu kelompok manusia yang ramai dan dengan itu juga diwujudkan institusi-institusi pengajian tinggi supaya ini menambah kepada value add kepada Labuan itu sendiri untuk menarik pelaburan-pelaburan sebagai synergy kepada pelaburan kerajaan yang telah pun saudara sebutkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Memang kerajaan bercadang untuk membawa lebih ramai penduduk ke Labuan dan sebelum ini teras pembangunan Labuan yang ditetapkan oleh LDA adalah tiga. Pertama, IOFC; kedua, bebas cukai dan yang ketiga, pelancongan. Sektor perindustrian tidak dimasukkan dalam teras pembangunan Labuan tapi sekarang telah digubal di mana perindustrian telah dimasukkan dan selaku Ahli Parlimen Labuan, saya juga sedar bahawa sebenarnya kilang-kilang yang labour intensive memang diperlukan di Labuan dan cadangan telah dikemukakan kepada kerajaan melalui LDA dan saya yakin kemasukan penduduk daripada mana-mana tempat juga tidak menjadi halangan kepada penduduk Labuan. Sekarang ini pun jika diambil secara statistik terdapat melebihi 30% penduduk yang duduk di Labuan seramai 70,000 orang datang daripada kawasan sekitar dan juga tanah Semenanjung.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah ini termasuk pendatang-pendatang haram dan pendatang-pendatang yang menggunakan bot untuk buat barter trading daripada Filipina dan persekitaran pulau-pulau yang boleh membahayakan Labuan. Mungkin mereka ini adalah penjenayah-penjenayah Abu Sayyaf dan sebagainya.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri melalui petugas khas telah bertindak menangani masalah pendatang tanpa izin ini dan barter traders yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari

Parit Sulong tadi sebenarnya mereka ini legal atau sah berniaga di Labuan kerana mengikut proses imigresen yang telah ditetapkan. Jadi di Labuan sebenarnya, Alhamdulillah, tidak ada ancaman seperti Abu Sayyaf yang berlaku di Sipadan, Insya-Allah.

Ini penting kerana ia mencerminkan perkembangan, maafkan Tuan Yang di-Pertua. Salah satu isu utama yang dihadapi oleh Labuan ialah …..

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batang Lupar berdiri.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini, Dato', saya pun tertarik hati oleh kerana Yang Berhormat dari Parit Sulong sudah membangkitkan soalan Abu Sayyaf yang datang ke Semporna, Sipadan. Saya bukanlah persoalan ini dianggap satu persoalan remeh tetapi saya memandang serius soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi. Oleh kerana kita lihat satu-satu tempat kawasan ataupun negara yang mana kawasannya dilingkungi oleh tepian pantai dan tahap penjagaan keselamatan adalah amat payah melainkan kita mempunyai pangkalan-pangkalan yang menumpu perhatian mereka kepada soalan keselamatan.

Jadi soalan keselamatan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Labuan untuk memberi penjelasan dan jawapan sedikit pada persoalan saya iaitu mestilah diberi penekanan yang khusus oleh kerana kredibiliti tempat ini sebagai tempat perbankan antarabangsa pesisir. Jadi amatlah penting kredibiliti keselamatan dia mestilah amat penting untuk dijagakan. Jadi dalam keadaan yang sedemikian kalau terjejas sedikit pun kerana saya tahu, kita semua tahu sebesar debu perkara berlaku di Malaysia, sebesar gunung diperhebahkan di luar negara. Jadi ini bukan saja orang daripada luar negara yang menghebahkan tapi orang dalam negara kita sendiri yang akan menghebahkan perkara ini.

Jadi persoalan keselamatan, Dato', bukan persoalan remeh. Saya tahu Dato' sendiri menekankan perkara ini tapi saya hendak emphasis perkara keselamatan. Kita kena jaga bank kita di situ. Bank ini kalau tak jaga akan terjejas walaupun bank luar pesisir. Kita kena jaga kredibiliti dia, kita kena jaga keselamatan dia, kita kena jaga segala-galanya supaya kredibiliti ini dipertahankan. Itu pertama.

Kedua, orang tengah berurusan dengan pihak bank, tengah berurusan dengan CEO Bank, datang pula perompak Abu Sayyaf kah, Abu Terbangkah datang ke sana bawa senjata, bawa senapang, bawa parang hendak merompak, hendak mencuri, Al-Ma'unah kah ataupun siapa saja. Jadi ini kena kita pertahankan. Jadi apakah perancangan, apakah tindakan pihak Labuan, pihak kerajaan untuk menjaga pesisiran Labuan itu tidak menjadi satu sasaran pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini untuk menjejasnya. Mungkin bukan tujuan mereka untuk menjejas dari segi politik, dari segi kewangan, dari segi apa, oleh kerana mereka dengarkan bank, bila mereka dengarkan bank, mereka ingat banyaklah duit - Dato' boleh berhenti sekejaplah, saya cakap sikit persoalan panjang ini - oleh kerana mereka dengarkan wang, dengarkan duit dan sebagainya dia akan datang melihat kerana perompak, pencuri, orang jenayah dan jahat ini dia perangai macam buaya, buaya dia makan masa seminggu, dua minggu, sebulan, dua bulan dia mengecam target dia. Kalau Datuk melintas macam tu dia tak ganggu, buaya tak ganggu. Saya faham buaya, kawasan saya Bujang Senang dan sebagainya semua banyak.

Jadi macam itulah Labuan, mungkin mereka ini akan melihat dan memerhati gerak-geri dan kawasan keadaannya dan apabila kita lengah sedikit, kita lemah sedikit dalam pengawalan kita, 'ngap sayut' berlaku. Sekali terkena, sepuluh tahun kita hendak perbaiki pun susah kerana banyak lawan kita akan memperbesar-besarkan isu ini. Media-media antarabangsa akan membesar-besarkan, orang-orang negara tak akan senang dengan kemajuan Malaysia akan membesar-besarkan. Jadi apakah tindakan pihak Labuan, pihak kementerian supaya jangan terjejas kredibiliti dan nama-nama ini. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Lupar. Tuan Yang di-Pertua, sebagai bukti bahawa kerajaan memberikan perhatian yang serius berhubung kait dengan keselamatan di Labuan, dulu balai polis di Labuan dikenali sebagai Balai Polis Daerah dan hari ini ia sebuah kontinjen. Dulu cuma ada ASP yang menjadi Ketua Polis di Labuan, hari ini Superintendent dan juga peningkatan di segi kakitangan ataupun pegawai-pegawai polis juga telah dipertingkatkan di Labuan.

Saya juga ingin menjelaskan bagaimana cara kemasukan para barter traders daripada Southern Philippines, Zamboanga City dan sekitarnya ke Labuan. Untuk masuk ke Labuan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mereka harus melalui beberapa check point. Dari segi geografi, mereka harus the main gate is, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pintu masuk utama daripada Philippines ke Labuan ialah melalui Tawau, Semporna, dia ada check point, mereka akan off load segala barang-barang yang tidak dibenarkan dibawa masuk ke negara kita. Sebelum sampai ke Labuan, satu lagi check point yang diadakan oleh polis di Kudat dan barulah sampai ke Labuan. Saya boleh maklumkan di Dewan yang mulia ini. Alhamdulillah, sehingga ke hari ini belum ada jenayah-jenayah serius yang melibatkan pendatang asing ataupun peniaga-peniaga asing yang berlaku di Labuan. Pujian harus diberikan kepada pihak polis yang mana telah mengendalikan keselamatan di Labuan dengan begitu baik.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, alhamdullilah ada penjelasan terbukti bahawa Yang Berhormat bagi Labuan ini, dengan izin, knows his staff very well. Tetapi yang dipohon oleh sahabat saya bagi Batang Lupar tadi kita harus menanam satu mentaliti dan mempunyai satu *mind set* yang kita sentiasa harus waspada terhadap kemungkinan-kemungkinan perkara yang disebut oleh sahabat saya bagi Batang Lupar itu dari terjadi. Itu yang pertama.

Yang keduanya, saudara membincangkan mengenai kedatangan barter traders yang halal, bagaimana kalau ada wujudnya di kalangan mereka traitors. Ini dia kita minta saudara salurkan kepada pihak Kementerian Kewangan atau kepada kerajaan supaya soal keselamatan jangan dikompromikan di Labuan sama ada dari segi monitoring intelligence, police intelligence, economic intelligence harus jangan dikompromikan di Labuan.

Sebelum perkara ini berlaku memang betul kalau kita melihat Western movie, kita banyak tahu bagaimanakah international movement, gerakan-gerakan antarabangsa mahu merosakkan imej sesuatu negara menerusi ekonomi sedangkan sekarang ini ekonomi menyebabkan jadi satu *tool*, menjadi satu perkara yang amat penting sehingga boleh mencorakkan wajah sesuatu golongan, sesuatu kerajaan atau boleh mencorakkan wajah sesuatu gerakan politik.

Jadi saya harap saudara salurkanlah kepada pihak kerajaan supaya soal-soal keselamatan dari segi aspek apa sekali pun jangan dikompromikan di Labuan. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya akan lakukan seperti yang dicadangkan kerana cadangan beliau adalah cadangan yang baik dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mana tanpa disangka-sangka begitu prihatin ke atas Labuan yang mana menjadi *flag's carrier,* dengan izin, kepada negara Malaysia dari segi FOC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang bangun.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Ya silakan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Memang kita rakyat Malaysia merasa begitu bangga kerana kita ada LOFSA di Labuan dan ia merupakan satu lagi produk yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan yang merupakan produk yang ditawarkan ke peringkat antarabangsa. Sebab itulah saya rasa semua yang bangun pada hari ini memberikan pandangan-pandangan supaya Labuan itu sendiri menjadi suatu tempat yang boleh kita banggakan sebagai satu lokasi yang memberikan tarikan kepada masyarakat antarabangsa.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat, mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, saya pernah mendengar pandangan wakil daripada Labuan sendiri di dalam mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan dengan penagihan dadah. Saya dimaklumkan bahawa sekarang ini peningkatan kepada mereka yang terlibat dengan gejala dadah ini meningkat di Labuan. Adakah kenyataan ini benar ataupun ia sebagai satu tanggapan sahaja kerana apa yang berlaku kepada masyarakat yang ada di Labuan itu sendiri sebagaimana disebut oleh rakan-rakan yang lain, ia akan menjejaskan kepada usaha-usaha kita menjadikan Labuan sebagai tempat yang boleh meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada semua pihak untuk menjalankan perniagaan. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat tanggapan tersebut tidak betul. Di Labuan kes-kes dadah ini tidaklah sehebat

seperti yang disangka-sangkakan. Yang ada cuma mungkin aktiviti ringan seperti menghidu gam, dahulu sebelum dikuatkuasakan hukuman gantung ataupun death penalty memang ada kejadian-kejadian berbentuk dadah yang dikenali di Sabah iaitu syabu. Tetapi sejak dibuat amendment ataupun pindaan undang-undang di mana syabu diletakkan sebagai sebahagian daripada dadah yang merbahaya maka aktiviti tersebut menurun dengan begitu drastik sekali.

Jadi, Yang Berhormat saya beri jaminan selaku Ahli Parlimen Labuan, aktiviti-aktiviti seperti penagih-penagih dadah yang bergelimpangan di streets ataupun di jalan-jalan di Labuan, alhamdulillah, tidak ada.

Saya mohon meneruskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terminal lapangan terbang yang moden dan satelit bumi untuk telekomunikasi multimedia serta menarik taraf jalan raya dan lanskap. Pembangunan berkenaan perlu diteruskan bagi membantu bukan sahaja industri luar pesisir tetapi juga sektor ekonomi lain di Labuan. Salah satu isu utama yang dihadapi oleh Labuan ialah jumlah penduduk yang kecil. Ini sama seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong sebentar tadi.

Sehubungan ini saya ingin mengesyorkan agar kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambah bilangan penduduk di Labuan dalam masa yang singkat bagi menyediakan keperluan tenaga manusia dan kuasa membeli kepada ekonomi tempatan.

Bilangan penduduk di Labuan dapat ditingkatkan dengan cepat melalui, pertama penubuhan lebih banyak institut latihan dan kemahiran untuk lepasan sekolah, mengambil kursus Kewangan Luar Pesisir dan bekerja dengan industri luar pesisir. Labuan adalah strategik dari segi..…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Lokasi untuk dibangunkan sebagai pusat pembelajaran cemerlang di rantau ini.

**Dr. James Dawos Mamit:** Pohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bangga kerana Labuan memang sudah maju sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir tetapi negara Brunei juga ingin menjadi Pusat Kewangan Luar Pesisir. Apakah langkah-langkah yang harus diambil dalam memajukan Labuan supaya Labuan lebih berjaya lagi daripada Brunei?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Seperti yang nyatakan di awal ucapan saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara Brunei Darussalam mengumumkan bahawa mereka juga akan memulakan apa yang dipanggil Offshore Banking ataupun Bank Luar Pesisir namun IOFC di Labuan mempunyai kelebihan. Pertama, kita telah pun wujud selama sepuluh tahun beroperasi; dan kedua, IOFC Labuan akan menjadi peneraju utama ataupun pertama di kawasan South East Asia Pacific ini dalam pasaran Kewangan Islam Antarabangsa ataupun International Islamic Financial Market. Jadi, tidak ada yang meragukan kepada LOFSA di Labuan berhubung dengan wujudnya saingan daripada negara Brunei Darussalam kerana daripada pelbagai aspek Labuan lebih terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi langkah penting yang perlu disegerakan ialah untuk menarik lebih banyak industri ke Labuan. Program mencantikkan Labuan sebagai pulau tercantik di dunia seharusnya diseimbangkan dengan usaha untuk meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan. Adalah dirasakan perlu *free tax status* yang diberikan kepada sektor kewangan antarabangsa juga dipanjangkan ke sektor perindustrian bagi meningkatkan keupayaan Labuan untuk menarik industri ke sini.

Saya menerima jawapan bertulis daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa yang mana menyatakan bahawa Labuan mempunyai kelebihan dari segi *pioneer status* di mana negeri-negeri lain hanya menawarkan 70% untuk tempoh lima tahun, Labuan menawarkan 85%. Tetapi mungkin untuk menarik lebih ramai pelabur membawa industri perkilangan mereka ke Labuan, mungkin wajar kerajaan mempertimbangkan supaya diberikan 100% pengecualian cukai untuk tempoh lima tahun pertama kerana hanya tinggal 15% sahaja lagi. Mungkin

dengan memberi insentif seperti demikian akan menarik lebih ramai pelabaur datang ke Labuan.

Sehubungan ini, saya mencadangkan *free tax zone status* diberikan untuk selama lima tahun untuk mempercepatkan usaha menarik industri tertentu terutama *high value-added industries,* dengan izin yang menggunakan ramai tenaga pekerja tetapi tidak mencemarkan persekitaran udara Labuan yang sememangnya segar dan bersih.

Lebih penting lagi kemudahan pengangkutan keluar masuk Labuan perlu dipertingkatkan. Labuan perlu mempunyai lebih kerap penerbangan ke dan dari Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching. Bukan itu sahaja, tambangnya hendaklah berpatutan untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri. Di samping itu Labuan juga perlu mempunyai penerbangan terus ke Brunei, Singapura, Hong Kong, Taiwan Seoul, Manila dan Jakarta.

Usaha untuk meningkatkan industri pelancongan Labuan IOFC akan terbantut jika sekiranya accessibility, dengan izin ke Labuan tidak diambil kira. Itulah makanya, Tuan Yang di-Pertua, cadangan MAS untuk menaikkan tambang penerbangan dalam negeri ataupun domestik sebanyak 50% daripada kadar tambang domestik yang ada sekarang dilihat sebagai tidak prihatin ke atas rakyat Malaysia. Di samping itu juga hasrat MAS itu juga dilihat sebagai tidak berwawasan kerana hasrat itu bercanggah dengan hasrat murni kerajaan yang ingin melihat integrasi nasional dicapai dengan maksimum terutama bagi negeri-negeri di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Saya mencadangkan jika sekiranya MAS menanggung kerugian yang besar dalam operasi domestiknya, maka wajarlah MAS menumpukan perhatian dengan sepenuhnya kepada sektor antarabangsa. Dengan itu bermakna penerbangan domestik bolehlah diamanahkan operasinya kepada Air Asia, Transmile Air ataupun Pelangi Air demi untuk memastikan bahawa para pengguna ataupun rakyat Malaysia tidak mengalami tekanan dengan cadangan MAS untuk menaikkan tambang domestik penerbangan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun cabaran yang dihadapi adalah genting dengan usaha bersepadu dan pakatan bistari antara kerajaan dan peserta Luar Pesisir pastinya kita boleh mengatasi rintangan yang mendatang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya beri Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Duduk dulu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terpulanglah, saya sebut nama Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Ha, Yang Berhormat bagi Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jeli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Baik, Yang Berhormat bagi Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Sebelum saya terus kepada Akta Bank Luar Pesisir 1990 bernombor 30/2000, izinkan saya merujuk kepada satu Firman Allah Subhanataala dalam surah Al Furqan yang berbunyi *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* maksudnya: "*Dan bila mana diamanahkan sesuatu perkara maka mereka memikulnya dengan bersungguh-sungguh*".

Di dalam akta yang dibentangkan pada pagi ini kalau dahulunya ia hanya terhad kepada pelesenan dan pengawalseliaan tetapi sekarang ini telah mencakupi urusan perniagaan Kewangan Luar Pesisir.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ah, awal lagi. Okay, boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri jalan ya. Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat bagi Jeli memang hebat orangnya. Setiap kali saya lihat hendak memulakan mukaddimahnya dia akan memperdengarkan kepada kita sepotong ayat Al-Quranul Karim, satu permulaan yang baik. Maksud ayat tadi maknanya apabila kita diberi tangungjawab kita mengusahakannya dengan bersungguh-sungguh. Jadi apa yang dibuat oleh kerajaan ini menepati apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah komenlah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Itu bicara selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, nanti melarat pula.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi, sekarang ini akta ini telah mencakupi urusan perniagaan kewangan luar pesisir. Bilamana kita dibentangkan dengan Akta Bank Luar Pesisir 1990 maka janganlah igauan BMF kerugian RM2.5 ribu juta bermain di kepala lagi, kerana kita bimbang keikhlasan adalah sangat penting kerana rata-rata mereka yang terlibat di dalam sektor perniagaan ada menceritakan bahawa kadang-kadang syarikat tempatan sukar untuk mendapat pinjaman bernilai besar daripada bank-bank hak milik luar negara. Oleh kerana syarikat-syarikat ini sukar untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman besar daripada bank kepunyaan luar negara, maka dibimbangi dijadikan ini sebagai satu helah untuk mengizinkan pinjaman bersaiz besar diberikan kepada syarikat-syarikat gergasi tempatan yang sepatutnya dengan keupayaan mereka, mereka mendapat pinjaman secara langsung daripada bank-bank bertaraf dunia daripada hakmilik luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini, semenjak 1990 sudah berapa banyak pinjaman yang diberikan kepada syarikat-syarikat asing daripada modal bank tempatan yang beroperasi sebagai bank luar pesisir dan juga sudah berapa banyak pula syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai atau mendapat manfaat daripada bank-bank tempatan yang beroperasi di Labuan sebagai Bank Luar Pesisir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Saya kagum pada hari ini Yang Berhormat bagi Jeli berhujah tentang kewangan. Saya ingat kepakaran dia hanya dari segi mengukur tanah, tetapi alhamdulillah selain daripada politik dia ada kepakaran kewangan juga. Agama itu dia pakai sahaja, kalau tidak, tidak melambangkan PAS, hari ini dia pakai songkok mungkin besok dia pakai kopiah. Tetapi saya di kawasan pun, kami pakai kopiah juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan soalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, dari segi syarikat-syarikat tempatan, pengalaman Yang Berhormat peribadi sendiri adakah dalam Yang Berhormat cuba hendak mengembangkan syarikat Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat memandangkan syarikat-syarikat lain di negara ini mungkin juga dalam mereka hendak membesarkan syarikat mereka, mereka akan menggunakan Bank Luar Pesisir ini untuk membantu seperti mendapatkan capital venture, modal teroka. Bagaimana pandang Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat nampak masyarakat di negara kita kurang menggunakan kesempatan yang ada ini. Macam Yang Berhormat sendiri sebagai satu syarikat ukur tanah, mengapa tidak kalau Yang Berhormat hendak membeli komputer yang baru hendak ikatkan dengan satelit sebab saya nampak ada juga keluhan daripada pekerja Yang Berhormat, sudah lama Yang Berhormat tidak pergi ke office. *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat ada satu note book boleh menghubungi terus kepada Yang Berhormat.

Saranan daripada Yang Berhormat sendiri, mengapa tidak pengusaha tempatan menggunakan kemudahan yang luas ini untuk mendapat sumber-sumber sudah semestinya kalau ia bank pesisir ia punya syarat itu mungkin kurang sedikit, tidak terikat kepada undang-undang tempat yang ketat. Sekarang nampaknya kurang sedikit. Bagaimana saranan Yang Berhormat supaya pengusaha bumiputera, bukan bumiputera menggunakan kesempatan ini. Saya difahamkan LOFSA juga akan ada instrumen Islam juga. Saya minta Yang Berhormat buat seruan kepada seluruh

masyarakat Malaysia tidak kira parti, jangan hanya seruan Yang Berhormat kepada yang ahli parti PAS sahaja. Saya minta pandangan Yang Berhormat sedikit.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kesemua kita bila berada di sini tidak mewakili parti, kita mewakili seluruh rakyat Malaysia. Jadi, sekarang ini yang sebenarnya keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat cikgu saya Rompin, cikgu saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh derhakalah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jangan gitu, yang betul kita taatlah, tidak betul kita lawan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi, daripada penerangan itu jelas bahawa dengan adanya bank luar pesisir ini memudahkan pinjaman diperolehi oleh syarikat-syarikat tempatan yang berhajat untuk membesarkan operasinya. Cuma saya menekankan kebimbangan saya kerana sepatutnya syarikat ini sudah dilabelkan di dalam billionaire punya kelab, dengan izin, sepatutnya kemampuan dia lebih kepada mendapat pinjaman langsung daripada Bank of Tokyo umpamanya, Bank of Sumitomo, dan kalau boleh bank-bank yang beroperasi di luar pesisir ini berilah kepada pengusaha usahawan Malaysia yang bermain di liga pertama atau liga kedua, bukan liga perdana. Minta faham, insya-Allah. Itu satu saranan yang baik memang kita perlu mengambil manfaat kesempatan daripada wujudnya bank-bank yang didaftarkan sebagai bank luar pesisir.

Saya teruskan kepada masalah-masalah yang dihadapi, kekangan-kekangan atau dengan izin, limitation kepada untuk menjadikan Labuan sebagai pusat yang dinamakan LOFSA itu apakah limitation dengan izin, atau kekangan yang terpaksa dihadapi dalam beliau menyaingi, dengan izin, British Virgin Island yang diiktiraf sebagai yang terbesar sekarang ini dan satu lagi Vanuatu. Sekarang ini masalahnya, antara kekangan yang terpaksa diterima oleh kerajaan di dalam hendak menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir ini ialah pertama, kita perhatikan secara benar sekarang ini penduduk Labuan bukan semakin membesar tetapi semakin

mengecil. Itu angka yang mungkin Yang Berhormat bagi Labuan tidak boleh nafikan kerana statistik sudah diperolehi.

Yang kedua, bangunan-bangunan banyak yang kosong termasuk menara kebanggaan di Labuan yakni menara Bank Negara sendiri di Labuan.

Yang ketiga, kita minta kerajaan supaya.....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Oh, boleh.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Boleh beri jalan kepada saya, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang mana hendak bagi, ada dua Yang Berhormat. Dia beri Arau dahulu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, saya ingat lepas ini Labuan boleh tanya. Yang Berhormat tadi menyebutkan dari segi penduduk Labuan yang makin mengecil dan angka ada pada Yang Berhormat. Memang apabila LOFSA diwujudkan kita tahu baru-baru ini kita menghadapi kegawatan ekonomi dalam satu jangka waktu yang agak panjang juga dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang kita anjurkan di Labuan sebagaimana yang kita harapkan adalah terbantut. Jadi, dari segi kajian mengatakan penduduk yang berkurangan itu daripada tahun bila ke bila? Bolehkah Yang Berhormat beri penjelasan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Penduduk berkurangan daripada tahun - angka yang kita perolehi dari tahun 1997 sampai yang terbarulah kerana banyak projek hartanah yang tidak dapat dijual kepada bakal-bakal pembeli dan juga.....

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya cukup tertarik dengan soalan ataupun kenyataan yang dibuat oleh sahabat saya bagi Jeli, penduduk Labuan semakin berkurangan. Saya ini Tuan Yang di-Pertua, lahir di Labuan, membesar di Labuan dan sekarang jadi Ahli Parlimen Labuan.

**Seorang Ahli:** Kahwin tidak di Labuan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Kahwin pun di Labuan, pembetulan. *[Ketawa]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Jadi, sepanjang proses Labuan diserahkan daripada negeri Sabah hingga menjadi Wilayah Persekutuan yang mana penduduknya pada waktu tersebut hanya sekitar 20,000. Hari ini penduduk yang berdaftar mengikut banci penduduk yang ada, Labuan mempunyai jumlah penduduk hampir 70,000. Tidak ada rakyat Labuan, penduduk Labuan yang meninggalkan Labuan sehingga menunjukkan satu indeks yang ketara, jumlah penduduk Labuan berkurangan.

Saudara saya, Yang Berhormat bagi Jeli, sebenarnya Labuan itu kecil, ayam satu ekor hilang pun kita boleh tahu, apakan satu rakyat Labuan hilang. *[Ketawa]* Jadi, saya mohon Yang Berhormat bagi Jeli memandangkan kita bersahabat, saya jemput Yang Berhormat bagi Jeli dengan penuh hormat datang ke kawasan saya beramah mesra dengan syarat jangan memperkembangkan PAS sudah ke Labuan. Sahabat ya Jeli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi, sedikit pembetulan untuk kita kaji bersama. Pengundi Labuan sekitar 21,000 - lebih sedikit 20,000. Kalau 70,000 saya rasa, dengan izin, seolah-olah orang yang layak mengundi itu 70,000 di tempat-tempat lain di Malaysia ini puratanya 1:2 (one is to two), dengan izin.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia minta laluan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saudara Yang Berhormat bagi Jeli, saya ingat ini satu lagi kesilapan Yang Berhormat, jangan emosi saudara. Di mana-mana tempat juga di negara Malaysia jumlah penduduk tidak menunjukkan jumlah pengundi. Bolehkah Yang Berhormat jawab kepada saya jumlah pengundi berdaftar di Malaysia berbanding jumlah penduduk yang ada di negara Malaysia. Apakah sama daftar pengundi yang ada di dalam negara kita berjumlah 20 juta kerana jumlah penduduk Malaysia dianggarkan sekitar 20 juta.

Jadi, itu sebagai ukuran. Saya beri contoh, selain daripada Labuan, Wangsa Maju. Wangsa Maju mempunyai penduduk melebihi 200,000 orang, betul tak saudara saya? Pengundi cuma 90,000. Jadi, saya mohon janganlah saudara saya Yang

Berhormat bagi Jeli, I love you, *[Ketawa]* janganlah gunakan angka pengundi 20,000 orang itu sebagai ukuran bahawa sebilangan rakyat Labuan sudah missing in action.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of oder. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada apa Rompin. Point of order apa, Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Perkataan yang membahayakan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa mungkin niat dia bagus, tidak apa.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional UMNO adalah memiliki pemimpin-pemimpin yang penyayang. Biar pihak lawan pun kita sayang, itulah keprihatinan UMNO dalam masyarakat Malaysia.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih atas ungkapan tersebut, saya sandarkan kepada firman Allah (s.w.t) *[Membaca sepotong ayat Al-Qur'an]* dengan izin, "Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara". Untuk rakan-rakan daripada bukan Islam *[Membaca sepotong ayat Al-Qur'an]* "Wahai manusia, Aku jadikan kamu lelaki, perempuan, berpuak-puak, bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal di antara satu sama lain".

Jadi, sekarang ini kita rasa angka itu satu benda teknikal dan perkara itu kita boleh bincang di luar. Saya boleh bukti di Jeli 1:2 (one is to two) dan banyak tempat di Kelantan 1:2 (one is to two). Tetapi saya pun sudah ada angka penduduk Labuan berdasar pada 1997. Jadi, itu benda teknikal, yang pentingnya content, dengan izin, apa yang kita hendak sampaikan.

Yang ketiga, kita minta kerajaan lebih berhati-hati dalam meluluskan pinjaman-pinjaman bernilai besar kerana dengan wujudnya bank-bank luar pesisir ini membolehkan bank-bank tempatan yang beroperasi di sana mengeluarkan pinjaman kepada syarikat-syarikat asing dan tidak terhad kepada syarikat-syarikat tempatan sahaja. Janganlah peristiwa pahit dan kerugian BMF pada tahun 1982 sebanyak RM2,500 juta akan berulang lagi sehingga menjadi seolah-olah satu tragedi pada ketika itu sehingga menyebabkan Ketua Audit Negara pada ketika itu diminta berhenti secara tidak matang, dengan izin, oleh Perdana Menteri pada ketika itu.

Di samping itu kita perhatikan pertuduhan saling bertindih di antara dua calon Presiden UMNO pada 1987....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan sedikit, saya tidak faham, siapa yang diminta letak jawatan?.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kita tidak perlu beritahu namalah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Auditor Generalkah?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ketua Audit Negara pada ketika itu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....diminta.....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Maknanya, dia tidak disambungkan perkhidmatannya, walhal dia belum cukup 65 tahun lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Itu pembetulan maknanya sebab saya Pengerusi PAC saya tahu kedudukan yang sebenar.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Beritahu maklumat, Dewan perlu tahu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak minta penjelasan apa maksud kenyataan Jeli sebab saya tidak mahu menuduh. Kalau dapat saya minta penjelasan sedikit tentang Ketua Auditor ini, apa penyataan Yang Berhormat bagi Jeli supaya dapat saya ulaskah, beri pandangan sebab saya tidak mahu mengatakan sesuatu saya kurang jelas. Minta sedikit penjelasan yang lebih tentang kenyataan Yang Berhormat bagi Jeli tentang Ketua Audit Negara, sebab mereka itu melaksana tugas yang baik, tidak payah kita merosakkan nama mereka ini. Pegawai kerajaan menjalankan tugas mereka, jangan kita ada - mungkin Yang Berhormat, orang lain yang menyediakan ucapan itu. Minta sedikit kenyataan yang lebih daripada - penerangan sedikitlah tentang pandangan Yang Berhormat tentang Ketua Audit Negara ini.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kebetulan, saya mengikuti beberapa ceramah yang disampaikan oleh Ketua Audit Negara ketika itu yang mana sepatutnya perkhidmatannya diteruskan, disambung tetapi telah tidak disambung. Itu kenyataan diberikan oleh bekas Ketua Audit Negara.

Seterusnya yang keempat, janganlah syarikat-syarikat gergasi tempatan yang mendapat pinjaman mudah dari bank tempatan yang berdaftar sahaja mendaftar sebagai Bank Luar Pesis ir Pantai sahaja kerana kita melihat akta ini telah meluaskan lagi skop, bukan hanya terhad kepada pelesenan dan pengawalseliaan tetapi juga merangkumi perniagaan kewangan. Jadi, ianya juga termasuk perniagaan-perniagaan syarikat kewangan yang bakal menge luarkan berbagai-bagai jenis pinjaman dan berbagai-bagai bentuk pinjaman yang tidak terhad setakat kepada perniagaan bank semata-mata.

Jadi, kita bimbang akan lebih banyak wang pinjaman akan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat bank dan kewangan tempatan yang beroperasi di Labuan sebagai bank dan juga syarikat luar pesisir. Saya kira kemudahan kewangan dan pinjaman yang besar itu baik. Tetapi saya minta kerana sudah makin banyak *offer*, dengan izin, jenis-jenis *offer*, dengan izin, maka kita perlu lebih berhati-hati.

Yang kelima, saingan-saingan daripada pusat luar pesisir pantai yang lain seperti Vanuatu dan British Virgin Island perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan kerana kita dapati bank-bank antarabangsa yang besar-besar lebih cenderung kepada melaburkan dana-dana mereka kepada pusat-pusat perniagaan pesisir pantai yang saya sebutkan tadi dan tersangat jarang kita perhatikan bank-bank gergasi dunia yang beroperasi atau berdaftar sebagai bank luar pesisir di Labuan sama ada Bank of Tokyo, Presdner Bank daripada Jerman yang dikatakan gabungan bank yang kedua terbesar sekarang ini dan seterusnya Bank Sumi Tomo, Tokai dan lain-lain.

Yang keenam, kerajaan hendaklah lebih berhati–hati kerana rakyat sangat bimbang kalau-kalau syarikat yang bermasalah sekarang tetapi dibebaskan daripada ditelan pengurusan Danaharta atau Dana modal yang mempunyai hutang (liabiliti) sehingga ada yang melebihi RM5,000 juta dan sentiasa terlepas daripada seks yen 176 yakni Akta Penggulungan Syarikat. Nanti-nanti diberi pinjaman mudah oleh kerana tangan-tangan ghaib yang tertentu., dengan izin.

Yang ketujuh, hajat negara supaya bank-bank hak milik luar negara. Membawa masuk wang di Labuan nampaknya kurang kesampaian kerana yang jelas bank-bank yang hakmilik tempatan sahaja yang memasukkan modal-modal di sana secara besar-besaran. Sepatutnya dengan wujudnya LOFSA ini banyak wang yang

akan masuk ke Labuan tetapi apa yang berlaku, banyak wang tempatan yang keluar kerana pekerja-pekerja, takut-takut kerana pekerja-pekerja Indonesia dan Filipina hantar balik wang tersebut ke negara masing-masing.

Seterusnya yang kelapan, perlu wujud hospital-hospital, sekolah-sekolah yang bertaraf antarabangsa untuk mengajak bank-bank asing untuk beroperasi di sana dan seterusnya kita hari ini melihat tentang kos operasi dan pembinaan sangat besar berbanding dengan tempat-tempat lain jika berbanding dengan Labuan. Sekian, terima kasih..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sipitang ya.

**12.49 tgh.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk ikut serta membahas kata Bank Luar Pesisir 1990 ini. Seperti yang diketahui bahawa akta ini telah diamalkan sejak 10 tahun yang lalu dan memang sesuai pada masanya akta ini dipinda sesuai dengan keadaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang peletakan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, pada mulanya tidak begitu diterima oleh banyak orang dan menjadi isu oleh pembangkang. Pada masa itu rakyat tidak begitu jelas apakah tujuan kerajaan, apakah rancangan yang akan dibuat dan mereka tidak dapat melihat satu unjuran bagaimana Labuan satu hari nanti. Jikalaulah ada masa itu, sebelum Labuan itu diserah kepada Persekutuan, ada gambar Labuan pada hari ini ditunjuk kepada setiap orang, tentu sekali pada masa itu sokongan yang begitu segera dan cepat diterima oleh rakyat.

Jadi, saya mohon pada masa-masa akan datang sesuatu rancangan yang baru itu ada gambar, misalnya buat projek bangunan yang akan dibina itu ada gambar dia, tunjuk kepada orang ramai, inilah bentuk pusat membeli-belah yang akan dibuat dan inilah bentuk tempat itu apabila dibangunkan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Barulah rakyat senang dan begitu juga dengan imej Malaysia, saya dapat lihat gambar-gambar mengenai dengan masa depan Malaysia yang ditunjukkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batang Lupar. Ya, beri jalan. Sila.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Datuk. Saya pun hendak tanya tunjuk gambar ini. Sekarang pun kalau Kementerian Pelancongan hendak membuat brochure dan sebagainya dia buat gambar juga tetapi Yang Berhormat cadangkan itu saya tidak tahulah. Mungkin kita buat macam P. Ramlee dulu, kalau hendak tayang wayang gambar itu, kita bawa kereta, van, bas ataupun lori di kampung-kampung hendak tunjuk gambar.

Jadi, macam manakah gambar-gambar yang dicadangkan itu, adakah gambar yang menunjukkan fakta-fakta infrastruktur yang bakal kita adakan di kawasan-kawasan tersebut ataupun structure undang-undang yang kita hendakkan wujudkan di tempat tersebut ataupun macam mana gambar yang hendak ditunjuk. Adakah gambar itu sahaja ke ataupun gambar yang menunjukkan Labuan yang pulau di tengah lautan berdekatan dengan Brunei atau menunjukkan topografi, geografinya sekali ataupun macam mana gambar yang Datuk maksudkan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakan saya dari Batang Lupar, dia peguam, gambaran dia memang nyata tetapi latar belakang saya ini, Tuan Yang di-Pertua, doktor perubatan – memang gambaran itu lebih dalam. Bila saya tengok orang itu, nampak tembus ke dalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bahaya ini.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Memang bahaya. Maksud saya ialah gambaran orang itu ada dua. Yang pertama sekali ialah gambaran daripada segi fizikalnya, nyata, yang boleh rakyat yang tidak berpendidikan tinggi nampak benda itu pada satu hari nanti, bagaimana rupanya, bagaimanakah keadaan kita, misalnya Labuan itu. Itu fizikal yang pertama untuk rakyat yang kurang daya imaginasi yang tidak boleh menggambarkan oleh kerana faktor pendidikan.

Gambaran yang kedua ialah untuk orang-orang yang mempunyai intelektual yang tinggi, yang boleh melihat bahawa satu hari nanti, Labuan itu akan menjadi satu pusat perdagangan pesisiran yang maju dan sebanding dengan Vanuatu, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi, yang sebanding dengan British Region Island, sebanding dengan Gibraltar di wilayah jajahan British. Itu gambaran saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang perlu diperjelaskan kepada rakyat keseluruhan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Sipitang. Berbalik isu Jeli, ha dia sudah balik. Dia sudah pergi ke syarikat dia. Difahamkan dia ada mesyuarat pengurusan syarikat dia – dia kena balik. Tak tahu dia minta kebenaran Ketua Pembangkang atau tidak.

Tentang manfaat ataupun pembangunan Pulau Labuan apabila LOFSA ditubuhkan. Isu yang cuba dipamerkan tadi kononnya dengan adanya usaha dan pembangunan kerajaan, tidak memberikan manfaat kepada Labuan sehinggakan orang berkurang. Orang lari dari Labuan. Saya hendak bertanya adakah ini benar kerana saya difahamkan daripada 70,000 penduduk di Labuan sekarang, orang Labuan adalah 20,000 sahaja dan ia juga memberikan banyak manfaat sampingan kepada Sabah itu sendiri, lebih kurang 10, 15 ribu sahaja saya difahamkan orang Sabah sendiri yang mencari tumpang makan atau mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi di Labuan, banyak juga daripada usaha penubuhan LOFSA ini. Mungkin ada juga yang tinggal di Labuan juga adalah pengundi Sipitang. Saya hendak minta pandangan Sipitang sendiri.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Rompin. Memang saya ada pengundi, lebih kurang 600 pengundi Sipitang berada di Labuan. Memang akibat daripada penubuhan Labuan sebagai pusat pesisir pantai ini, ia menjadi satu berita yang begitu menarik dan mempelawa rakyat dari Sabah dan Sarawak, khususnya yang

berjiran dengan Labuan iaitu kalau ikut kawasan, kawasan Parlimen Beaufort, Sipitang, Parlimen Bukit MAS. Ini yang di sekitarnya. Begitu juga dengan daerah – daerah kecil Menumbuk di daerah Kuala Penyu dan juga daerah Sipitang, Lawas dan Limbang. Tentu sekali ini memberi satu peluang kepada rakyat di sekitar ini untuk sama-sama melihat kepada kemajuan yang diperolehi ataupun perubahan-perubahan yang berlaku di Labuan itu semenjak Labuan ini diisytiharkan sebagai pusat kewangan pesisir pantai.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kinabatangan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya, ini mahu tanya sedikit juga pandangan kerana ini Yang Berhormat Sipitang dengan Labuan ini, dia pun banyak pengundi di Labuan. Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ingin saya tanyakan, walaupun Kinabatangan ini jauh daripada Labuan tetapi pada satu ketika dulu saya juga ada membuka perniagaan kecil-kecilan di Labuan. Jadi, persoalan bagi saya, mengapa kerajaan mendirikan bangunan-bangunan besar di Labuan tanpa ada perancangan yang teliti. Bangunan itu kosong, tidak ada syarikat-syarikat yang ingin untuk menyewa bangunan-bangunan tersebut. Apakah ini perancangan yang betul ataupun merupakan perancangan pembaziran. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pada mulanya memang bangunan itu kosong tetapi kita telah pun melihat bahawa dari hari ke hari bahawa bangunan itu telah pun diisikan, aktiviti mula kelihatan dan sebab itulah beberapa perkara perlu diambil. Sebab itu dalam ucapan saya di sini juga, ingin menyarankan bahawa satu tindakan bukan sahaja daripada kerajaan tetapi keseluruhan masyarakat ….

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** …masyarakat Malaysia itu…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sekejap ya. Biar dia berhenti elok sikit.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** …sama ada daripada kerajaan. Baru saya hendak jawab, ini Labuan kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Labuan. Sila.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan kenyataan saudara saya dari Kinabatangan yang mengatakan kepada YB Sipitang hujahnya yang kosong. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sipitang, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang dinyatakan oleh saudara dari Kinabatangan itu berlaku di peringkat awal bangunan tersebut siap dan sekarang ini hanya tinggal lebih kurang 20% ruang yang kosong – itupun ruang pejabat, bukan ruang niaga. Ruang niaga pada keseluruhannya habis diguna pakai oleh peniaga-peniaga tempatan dan juga peniaga luar. Jadi, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Sipitang yang mana sudah selalu datang ke Labuan secara senyap-senyap– Tanpa memberitahu sayalah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Semua bangunan baru siap memang kosonglah. *[Ketawa]* Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih rakan dari Labuan ya. Dia memang prihatin. Kadang-kadang memang saya pergi Labuan senyap-senyap itu bukan saya tidak bawa keluarga, saya bawa keluarga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Keluarga memang satu keluarga sahaja. Saya malas kacau dia Tuan Yang di-Pertua. Bila saya bawa dia – dia ini prihatin, dia bagi pinjam keretalah, susah saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Jadi, saya pergi senyap-senyap. Mengenai dengan bangunan tadi, saya setuju, memang bangunan baru siap memang kosong. Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini bangunan telah diisi dan Hujana Kewangan ini kalau kita melihat di ruang bawah itu, salah satu pusat perniagaan yang begitu menarik. Setimpal dengan Sungei Wang, sama dengan di Lot

10 dan lain-lain. Sebab itu saya merayu kepada syarikat-syarikat, kakitangan juga agensi-agensi swasta yang lain supaya membantu sama-sama, bukan sahaja kerajaan. Contohnya, semasa saya Pengerusi Bank Rakyat, kita buka cawangan di Labuan. Kita mengisi…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masa sudah pukul satu Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** …ruang kawasan ini, ruang kosong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh sambung petang ini Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Insya-Allah, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**2.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:-** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan dan usul menangguhkan mesyuarat yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan, apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu hari yang tidak ditetapkan."

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa sokong.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Moktar bin Radin:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua ada buat ruling bahawa akan membuat keputusan berhubung ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Biar kita selesaikan usul ini dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul atas nama Yang Berhormat Menteri;

> "Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan dan usul menangguhkan mesyuarat yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan, apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu hari yang tidak ditetapkan."
>
> Hendaklah disetujukan,

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Pagi tadi Tuan Yang di-Pertua ada buat satu ruling bahawa akan membuat keputusan berhubung dengan ungkapan 'bodoh' yang dikeluarkan oleh Kota Melaka, jadi kami hendak tanya keputusan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan peraturan mesyuarat yang kita bangkitkan semasa soal-jawab pada pagi ini ingin saya memaklumkan bahawa setelah saya meneliti kepada hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka di dapati perkataan jawapan yang 'bodoh' yang digunakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka itu merupakan bahasa kurang sopan. Maka dengan ini saya memutuskan bahawa Yang Berhormat bagi Kota Melaka dengan menggunakan perkataan 'bodoh' itu telah melanggar peraturan mesyuarat 36(4). Jadi, beliau adalah diminta menarik balik

perkataan itu. Jadi inilah keputusan yang sudah saya buat untuk makluman Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat saya hendak jemput Yang Berhormat Kubang Kerian menyambung ucapannya. *[Disampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sipitang belum habis lagi, lepas itu boleh bagi Kubang Kerian. Bukan saya hendak menolak hak Kubang Kerian hendak bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana catatan di sini ada sedikit kesilapan jadi betul Yang Berhormat bagi Sipitang di minta sambung.

**2.35 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada orang hendak potong jalan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan potong jalan sebab catatan ini ada silap sikit.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih atas peluang untuk menyambung semula perbahasan saya mengenai dengan Akta Bank Luar Pesisir ini. Seperti yang saya katakan tadi bahawa Labuan sebagai satu kawasan pusat pesisir mestilah disokong oleh semua pihak bukan sahaja kerajaan, rakyat tetapi seluruh jentera negara termasuk badan-badan swasta dan juga agensi-agensi yang boleh menyumbang ke arah itu. Ini termasuklah mengisi ruang-ruang bangunan yang kosong ataupun membuka pejabat-pejabat agensi mereka khususnya agensi yang ada kaitan dengan perbankan dan juga agensi-agensi yang ada hubungan dengan antarabangsa. Inilah yang saya minta supaya kita faham dan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus kepada Akta Bank Luar Pesisir. Sememangnya akta ini telah pun kita guna selama 10 tahun dan sekarang ini untuk dipinda yang bertujuan untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sipitang, Kinabatangan bangun.

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, ini masih isu Labuan. Jadi, saya minta pandangan daripada Sipitang. Apakah patut kerajaan harus

merancang pembangunan di wilayah yang kecil ini secara terperinci sebelum melaksanakan apa-apa pembangunan ataupun aktiviti perniagaan. Kerana pada pandangan saya ianya akan melibatkan kerugian bukan sahaja kepada kerajaan bahkan masyarakat di Labuan juga di Sabah. Tetapi kalau program-program pembangunan, perniagaan dirancang secara teliti tanpa mengikut selera satu, dua orang sahaja, rasa saya akan memberi manfaat kepada semua pihak, setujukah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya setuju bahawa satu perancangan yang teliti perlu dibuat dan memang ini telah pun dibuat di Labuan sebab itulah beberapa peraturan dan beberapa projek-projek besar telah pun diatur di Labuan. Saya pasti ini ada dalam perhatian Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab tentang pertumbuhan Labuan ini. Walau apa pun perancangan tidak akan jadi kenyataan, jikalau tidak dilaksanakan dan saya yakin Kementerian Kewangan akan melaksanakan apa yang telah mereka rancangkan. Terima kasih rakan saya dari Kinabatangan.

Saya terus kepada Akta Bank Luar Pesisir yang ingin dipinda ini yang saya katakan tadi bahawa telah pun diguna pakai selama 10 tahun dan memang sudah sampai masanya bila kita melihat apa yang terkandung dalam pindaan itu yang bertujuan untuk memastikan peruntukan-peruntukan Akta Bank Luar Pesisir ini seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan juga global serta sejajar dengan peranan LOFSA itu sendiri sebagai sebuah agensi kawal selia sehentian luar pesisir.

Ia juga sebagai mengembangkan skop perniagaan kewangan luar pesisir selaras dengan permintaan global dan juga membolehkan industri kewangan menawarkan kemudahan-kemudahan perkhidmatan berasaskan perkhidmatan wang secara elektronik. Saya pun tidak tahulah bahawa Kementerian Kewangan bila digubal 10 tahun yang lalu tertinggal – mungkin terlepas pandang bahawa sistem kewangan ini mungkin tidak ada dalam, tidak boleh ditukar dalam alat peralatan secara elektronik tapi sekarang barulah dikesan. Tetapi di samping akta-akta lain, kita juga mesti meneliti bahawa apakah akta-akta lain yang banyak di Labuan itu seperti akta Syarikat Amanah Labuan, Akta Perbankan Luar Pesisir, Akta Insurans

Luar Pesisir, Akta Amanah Luar Pesisir Labuan, Akta Perkongsian Terhad Labuan, ini juga sudah dikemas kini supaya sejajar dengan sebarang perubahan yang berlaku di Labuan itu sendiri. Jadi, saya yakin pihak LOFSA akan mengawasi perkara ini dan membuat penyesuaian mengikut keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa Akta Syarikat Luar Pesisir ini sama ada sekarang ini kita telah melihat bahawa unjuran pertumbuhan kita lima tahun, sepuluh tahun akan datang, ke mana kita ini, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, siapa yang menjawab nanti dapat memberi gambaran ataupun unjuran akan pencapaian kita, apa yang seharusnya kita boleh capai dalam masa lima, sepuluh tahun yang akan datang mengenai kedudukan Labuan ini sebagai Pusat Kewangan Pesisir yang kita rancang.

Dan dari segi kepakaran ataupun kakitangan dalam bidang perbankan ini, maksud saya di sini tenaga kerja yang terlatih, apakah kita akan ada kakitangan ataupun pekerja yang faham betul-betul dengan yang kita inginkan, maksud saya di sini soal perbankan atau kewangan pesisiran luar pantai ini yang mana jikalau kita tidak dari sekarang bersedia untuk melatih kakitangan, melatih pegawai-pegawai yang faham dan juga membuat persediaan terhadap keseluruhan di Labuan itu, dari segi menjemput cerdik pandai untuk mereka yang tahu mengenai dengan perniagaan ini, mungkin kita tidak akan boleh berkembang. Jadi, kita tidak mahu Labuan ini menjadi satu pusat yang *stagnant*, dengan izin, ia mesti tumbuh berkembang sejajar dengan keperluan masa.

Dalam pada ini, apakah ada penyelarasan dengan kursus-kursus universiti tempatan, khususnya dengan Universiti Malaysia Sabah yang dibuka di Labuan, yang menawarkan kursus perbankan pesisiran pantai, apakah kursus ini boleh nanti apabila mereka telah lulus menjadi graduan daripada Universiti Malaysia Sabah di Labuan ini, bolehkah mereka ini diserap ataupun ditawarkan bekerja di Labuan ini oleh syarikat-syarikat pesisir ini dan apakah kualiti mereka itu memenuhi kehendak syarikat-syarikat pesisir yang akan dibuka di Labuan ini.

Dan juga untuk menarik lebih ramai orang datang ke Labuan dari segi kemudahan ini, apakah kita juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar luar negeri untuk berkursus di Labuan dalam bidang perbankan ini dan mereka ini nanti akan

menjadi orang yang boleh diserapkan kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di Labuan.

Jikalau ini boleh berlaku, tentu sekali Labuan itu akan menjadi daya tarikan kepada orang-orang luar khususnya negara-negara Timur Tengah yang mungkin mementingkan pengkhususan dalam perbankan Islam ataupun negara-negara baru merdeka blok Rusia dahulu misalnya Kazakhstan dan lain-lain negara di rantau itu yang mana mereka ini ingin menimba kepakaran dalam perbankan Islam ini.

Jadi, inilah yang perlu kita lihat dan saya minta unjuran itu daripada kementerian, apakah perancangan yang sebenarnya. Berikutan dengan itu, bahawa Labuan juga akan menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa ataupun *Islamic International Money Markets*. Kita inginkan juga bahawa ini betul-betul akan menjadi pusat, bukan cuma kita bercakap tetapi tidak ada aktiviti, tidak ada *transaction*, dengan izin, mesti berlaku *transaction*, maknanya sistem itu mesti hidup di Labuan dan adanya pelabur-pelabur ataupun jutawan-jutawan Arab misalnya, mereka syarikat-syarikat besar yang menumpukan perniagaan mereka di tempat lain, kita boleh menarik mereka supaya beralih pandangan di bawa ke Malaysia ini.

Kita juga sudah melaung-laungkan bahawa Malaysia ini negara aman, negara yang baik, yang mempunyai peluang yang cerah. Kalau boleh kita melalui keupayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang begitu gigih, mesti dibantu oleh Menteri Luar Negeri, dibantu oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya dapat membawa ke Labuan dan mereka menyimpan atau melabur di Labuan dan Labuan itu sentiasa aktif. Ini dari segi perbankan Islam.

Kita tidak mahu berhenti di situ sahaja. Ia mestilah juga berkembang dalam industri kewangan Islam ini. Sepatutnya, misalnya saya bertanya kepada kementerian, apakah sekarang ini sudah ada badan penasihat daripada antarabangsa ataupun wakil-wakil antarabangsa dijemput untuk memberi penerangan ataupun diberi penerangan dan juga dibawa berbincang, misalnya wakil-wakil OIC ataupun negara-negara lain daripada Timur Tengah ataupun di pusat-pusat yang menyimpan wang yang banyak di Switzerland, banyak! Bank Islam di New Zealand pun ada dan apakah hubungan kita dengan mereka ini?

Saya ingin mencadangkan supaya badan ini melantik orang-orang tertentu yang terkenal menjadi panel ataupun badan penasihat kepada sistem kewangan antarabangsa ini yang meliputi masyarakat Islam seluruh dunia dan ini kita buat liputan, kita buat publisiti, kita buat supaya ianya kelihatan sebagai satu pusat yang benar-benar diakui dan apabila mereka datang ke Labuan tentu sekali mereka akan membawa perbincangan, cerita, menambah pengalaman dan apabila mereka berada di Labuan, mereka mungkin membawa keluarga mereka, membawa saudara mara dan di samping menghadiri persidangan, mereka juga berbelanja di Labuan, membeli barangan di Labuan. Ini sebagai satu industri pelancongan juga secara tidak langsung.

Begitu juga dengan apabila mereka balik, mereka membawa berita bahawa Labuan itu sebagai suatu tempat yang menarik dan boleh dibentangkan di negara mereka dan menarik perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi apakah LOFSA telah ada satu badan panel ataupun kumpulan pakar penyelidikan dan pembangunan (R&D), dengan izin, untuk meneroka peluang-peluang baru ataupun istilah-istilah baru dan juga produk-produk baru supaya ini boleh dikembangkan dalam sistem perbankan Islam di Labuan itu. Jadi, inilah yang saya inginkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak kekangan-kekangan yang mungkin berlaku yang menjadi daya saing di Labuan ini, seperti yang disebutkan oleh rakan Yang Berhormat bagi Tumpat, Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Mambong mengatakan bahawa Brunei juga sekarang ini beria-ia ingin menjadikan negara mereka sebagai pusat perdagangan kewangan antarabangsa kerana mereka tahu, saya difahamkan rizab minyak cuma tinggal 25 tahun lagi, kalau tidak mempelbagaikan perniagaan, selepas 25 tahun akan ada masalah dan sekarang ini pun mereka merancang supaya *personal income tax* akan dikenakan, selama ini Brunei tidak pernah mengenakan *personal income tax.*

Dan kita juga mempunyai daya saing daripada negara-negara jiran seperti Singapura, Hong Kong dan sebagainya. Tetapi apa yang penting ialah kita mesti juga melihat kelemahan-kelemahan negara lain ini dan kekurangan-kekurangan negara lain ini, kita analisa dan kelebihan-kelebihan mereka, apa yang lebih di Singapura, apa yang lebih di Hong Kong, apa yang lebih di Virgin Ireland, kita mesti mencatatkan,

membawa kelebihan-kelebihan negara lain itu dan mengimplementasikan di Labuan ini, supaya negara kita itu seimbang, jangan apabila kita ada masalah barulah kita ingin mengkaji di Hong Kong, kita ingin mengkaji di Singapura ataupun di British Virgin, dan sebagainya.

Sepatutnya sekarang kita sudah ada di hadapan kita, inilah kebaikan, inilah masalah. Yang masalah kita cuba selesaikan, yang kebaikan kita cuba serapkan. Jadi, kita mesti bertindak awal, jangan dalam banyak hal, kita "terantuk baru tengadah". Saya selalu tekankan ini, dalam masa yang sama selari itu kita buat kajian, kita laksanakan. Bukan bila sudah ada masalah. Jadi, kita juga melihat tempat-tempat lain yang maju seperti di negara-negara yang lain seperti saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga masalah-masalah yang perlu diselesaikan di Labuan ini yang boleh mengekang pertumbuhan IOFC Labuan ini. Tadi banyak dikatakan soal keselamatan. Saya setuju soal keselamatan ini walaupun betul, kuching hilang di Labuan pun kita boleh cari, ayam hilang pun boleh cari – kecil. Dari hujung ke hujung 15 minit. Sebab itu saya tidak tahu ada orang pakai kereta begitu besar di Labuan tetapi dia tidak ada tempat hendak pergi. Kalau S320 kita tidak sampai pun 10 minit sudah tembus ke laut tetapi kita kena beli, Tuan Yang di-Pertua, kereta Labuan ini murah, begitu murah di Labuan. Begitu juga dengan kereta sport. Sebab itulah saya ingin mencadangkan supaya jambatan itu dibuat cepat supaya orang Labuan ini boleh bawa kereta besar itu ke Tanah Besar. Sekarang ini dibenarkan cuma dalam setahun, sebulan kalau tidak silap saya. Sebulan dibawa ke Tanah Besar, lepas itu terpaksa balik ke Labuan. Dahulu tiga bulan setahun. Jadi, kalau boleh inilah yang saya ingin huraikan.

Jadi, soal keselamatan ini, dari segi persediaan polisnya, oleh kerana ia akan dijadikan satu pusat perdagangan antarabangsa, mesti polisnya, tenteranya yang kemas dari segi kelengkapan supaya ini menunjukkan gambaran keyakinan, bukannya polis sentiasa berjalan di bandar sampai 20-30 orang sekali, tidak, tetapi maksud saya kesediaan kita untuk menyelesaikan sebarang kemungkinan masalah mesti disediakan. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, Labuan – saya pun selalu ke Labuan, memang ada tempat-tempat masih lagi menjadi sarang pendatang asing. Tempat yang tidak begitu bersih, keadaannya begitu memualkan. Contohnya, Kampung Muslim –

betulkan saya Yang Berhormat Dato' bagi Labuan, Kampung Muslim, Hujung Pasir – ini perlu diperbaiki, perlu dibersihkan – Pulau Dahat, walaupun Pulau Dahat itu jauh tetapi Pulau Dahat ini menjadi sarang kepada pendatang asing. Jadi, ini perlu dibersihkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi, memang benar dan jelaslah bahawa kerajaan harus mengadakan perancangan lebih teliti kerana bagaimana kita hendak menarik pelabur-pelabur luar melabur di Wilayah ini sedangkan martabat anak bangsa kita sendiri belum terjamin, belum terbela. Jadi, banyak perkara yang perlu dikaji dan diteliti. Martabatkan dahulu kawasan-kawasan kita yang menjadi sarang penyamun ataupun pendatang-pendatang tanpa izin ini untuk memastikan bahawa pedagang-pedagang, pelabur-pelabur datang melabur dan saya rasa kalau ini dapat kita lakukan Labuan akan menjadi syurga bagi kita semua dan juga pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur luar. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih rakan saya bagi Kinabatangan. Saya bersetuju inilah perkara yang perlu kita lihat. Kadang-kadang kita tidak nampak. Kita mahu kementerian dan kerajaan melihat perkara ini. Bagi saya kita kena bersihkan once for all, dengan izin, sekali licin, habis. Pulau Dahat kita kena bersihkan, tidak ada kompromi. Pulau Dahat inilah tempat penyamun-penyamun merompak di Sipitang, merompak di kawasan Menumbok, di Weston, ini kawasan-kawasan Parlimen saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Saya sendiri pernah melawat ke situ. Memang keadaan di situ mendaifkan, rumahnya rumah haram, lepas itu mereka menggunakan sewenang-wenang tanah yang ada di situ. Lepas itu mereka menggunakan kekayaan negara kita, ikan dibom menggunakan peralatan yang tidak boleh diterima. Ini kita kena bersihkan. Kita jangan takut. Ini negara kita, kita kena selesaikan. Yang khususnya dahulu Labuan ini dan yang lain-lain juga termasuk di Sabah, Sarawak dan di Semenanjung tetapi mesti kita buat dengan berani. Jadi, saya ingin tekankan di sini kesediaan tentang keselamatan di Labuan ini, walaupun pulau memang penjenayah itu susah dia lari kalau dia buat jenayah di Labuan tetapi kita

tidak mahu ada jenayah. Kita mahu Labuan ini satu kontinen yang begitu baik, imejnya aman, selamat dan sebagainya supaya menjadi tempat tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga di Labuan ini dari segi infrastruktur tadilah. Jadi, sudah ada tempat-tempat membeli-belah yang baik. Sudah ada bangunan baru, landskapnya yang cantik, dengan penyeliaan dan penyelenggaraan yang baik, yang teratur, ini kita teruskan tetapi ada juga kekurangannya bahawa Labuan ini mesti juga sesuai dengan tempat yang akan menjadi tumpuan pendatang antarabangsa, mesti juga ada tempat-tempat yang lebih kurang mengikut selera antarabangsa kerana tabiat mereka di negara mereka bila mereka berada di negara kita, kita mesti juga accommodate, dengan izin, memberi ruang kepada mereka ini dengan selera supaya mereka ini tidak akan duduk di sini sekejap dan terus balik.

Contohnya, di Kuala Lumpur ini. Saya pergi ke satu jalan malam di Bangsar, saya ingat seolah-olah bukan berada di Bangsar tetapi saya berada di tempat lain. Memang mungkin ada tentangan daripada setengah pihak tetapi kita mesti berhadapan dengan realiti. Tuan Yang di-Pertua mungkin tidak pernah pergi ke Bangsar. Cuba jalan malam di sana, cantik tempatnya. Jadi, kita seolah-olah berada di satu tempat yang lain, dengan suasana yang begitu baik, lampunya, lorongnya yang bersih, yang teratur dengan restorannya yang tersusun dan sebagainya. Jadi, ini juga perlu ada di Labuan. Ini pandangan sayalah kerana untuk menerima selera pelabur-pelabur dan juga pengunjung-pengunjung ini. Perlu ada tempat yang menjual kebabnya, ada jual pizzanya – memang sudah ada jual pizza pun di Labuan tetapi maksud saya mesti ada tempat untuk memenuhi selera antarabangsa ini di Labuan, barulah kita boleh mengatakan bahawa inilah bandar antarabangsa, tempat antarabangsa tetapi kalau kita sekarang ini gerai kita mengikut selera kita sahaja, kita tidak memikirkan selera orang lain, ini mungkin lambat sedikit tetapi memang ada masalah juga dari segi penduduk tempatan tetapi kita kena bersedia menyelesaikan masalah ini.

Itulah yang saya katakan tadi bahawa infrastruktur. Kemudian dari segi Labuan itu sendiri. Bagaimana Labuan itu menjadi tarikan. Sekarang ini Labuan memang pelabuhan bebas tetapi tidak sebegitu bebas, Tuan Yang di-Pertua. Kita dibenarkan membeli barang sedikit, lepas itu kita bawa kena cukai. Kalau boleh tidak payahlah cukai, kita beli di Labuan, kita bawa ke Sabah, ke Sarawak tidak payah

cukai supaya orang akan membeli di Labuan tetapi mesti ada kawalan-kawalan tertentu. Kalau dia bawa barang pakai lori, kita semaklah buat apa dia, tentu ada tujuan lain tetapi kalau cuma bawa dalam beg pakaian, saya cakap ini untuk siapa kita tanya, ini untuk emak saudara saya, ini untuk pak cik saya, ini buah tangan untuk adik-adik saya, bawalah tiga beg, empat beg pun tidak apa tetapi kalau orang itu pergi seminggu sekali ataupun dua hari sekali bawa beg untuk bapa saudara, itu kita kena tengoklah muka dia juga. Jadi, kita mesti ada sistem mengawal tetapi kalau cuma saya bawa empat, lima helai sudah soal, itu, ini untuk siapa. Jadi, dia kata tinggal dua hari tidak boleh, tiga hari baru boleh. Jadi, ini akan membantutkan industri pertumbuhan pelancongan dan juga Labuan sebagai pelabuhan bebas. Ya, beri peluang.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Datuk. Saya bersetuju dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sipitang berhubung dengan membeli barang di Labuan. Saya pun selalu pergi ke Labuan secara senyap-senyap pergi Labuan. Kalau kita pergi ke Labuan itu anggapan anak-anak dan isteri kita, kita bolehlah membeli barang sedikit bawa balik simpan dalam beg dan saya juga bersetuju dengan saranan daripada Yang Berhormat mengatakan mesti ada kawalan-kawalan yang tertentu yakni, umpamanya kita pergi balik itu mungkin menaiki kapal terbang. Bila kita masuk kapal belon itu, gunakan sukatan 20 kilogram seorang penumpang yang boleh. Jadi, itu boleh digunakan menjadi satu sukatan yang sekali datang itu boleh bawa 20 kilogram untuk itu dan kalau orang menggunakan kapal terbang yang besar, belon besar sedikit bolehlah pakai 30 kilogram.

Jadi, mesti ada pengawalan dan berapa kalikah orang ini dibenarkan tiap-tiap tahun membawa barang daripada Labuan kerana amat sedih sekali kalau kita pergi Labuan kadang-kadang dua tahun sekali, tiga tahun sekali datang ke Labuan hendak beli barang lebih sedikit, sudah kena marah pula, kena cukai dan sebagainya.

Jadi, saya bersetuju dengan saranan Datuk itu dan saya harap Datuk sebutkan fakta-fakta yang itu untuk that one. Tetapi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak tanya, berapa kerapkah orang-orang berulang alik, kalau dia datang naik belon, okaylah, macam mana kalau dia naik pakai kapal laut, macam mana sukatan yang perlu kita buat itu. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, tentang berapa berat yang dibawa itu, saya ingat dia bawa naik kapal terbang, itu adalah peraturan yang dikenakan oleh penerbangan antarabangsa ataupun MAS sendiri. Tetapi soal berat ini tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua, kita inginkan supaya orang itu datang ke Labuan, dia bawa sebanyak manalah, dua beg saya katakan tadi, tiga beg tidak apa. Kalaulah misalnya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar datang dalam rekodnya sekarang ini canggih ada komputer, rekodnya berapa kali dia datang. Kalau dia datang setahun sekali, bawalah tiga beg, empat beg, tidak apa, tentu sekali bukan untuk berniaga tetapi kalau orang itu datang hari-hari bawa perahu, bawa kapal, esok datang lagi bawa lagi, esok datang lagi tentu ada muslihat lain. Inilah yang perlu kita kawal tetapi soal untuk buah tangan, souvenir, pegawai kerajaan daripada Kuala Lumpur datang ke Labuan bermesyuarat, bawalah, beri can dia bawa. Lepas itu rakan-rakan mereka datang, saudara mara bawa ke Labuan, belilah.

Jadi, ini akan menghidupkan Labuan itu sendiri. Kita berharap kementerian mengkaji masalah ini, melihat supaya Labuan itu benar-benar menjadi pelabuhan bebas yang dikenali, bukan …..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan saranan Yang Berhormat sahabat saya dari Sipitang, usaha untuk meningkatkan kemajuan di Pulau Labuan. Antara perkara yang patut juga diberikan perhatian ialah hubungan antara tanah besar dan Pulau Labuan. Tanah besar yang saya maksudkan sebelah Kuala Penyu, di Sipitang dan yang berhampiran sekali itu, Pekan Menumbok. Saya lama di Menumbok ini, di Kuala Penyu seminggu. Memang tidak berapa menarik di Menumbok itu ataupun kemudahan di Menumbok itu tidak ada begitu lengkap.

Jadi, saya difahamkan daripada Beaufort sudah sampai ke Menumbok, ke Pulau Penyu. Jadi, ini semua sudah disiapkan tetapi di Menumbok ini amat mundur sangat kawasan nelayan ini. Itu juga kalau diberikan perhatian oleh pihak

Kementerian Kewangan, ini akan dapat membantu seperti mana hasrat Yang Berhormat bagi Sipitang.

**Tuan Moktar bin Radin:** Peraturan Mesyuarat. Tadi kita sudah buat ruling, Kota Melaka sudah sampai, minta dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, kerana atas peraturan. Ingatkan Peraturan Mesyuarat. Jadi, Sipitang sila duduk sekejap.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka, tadi saya Speaker di sini, saya sudah buat satu keputusan supaya perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat pada sebelah pagi ini memang merupakan bahasa kurang sopan dan keputusan sudah dibuat supaya Yang Berhormat diminta menarik balik perkataan itu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Rompin tidak ada ya? Tuan Yang di-Pertua, pagi ini saya masih ingat dengan jelasnya bahawa Tuan Yang di-Pertua sudah buat satu keputusan. Saya telah menujukan perkataan 'bodoh' itu kepada jawapan yang diberikan dan tidak tuju kepada sesiapa dan Tuan Yang di-Pertua telah mengatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua akan check *Hansard* untuk membuktikan apa yang saya katakan itu benar.

Jadi, saya hendak tahu apakah terkandung dalam *Hansard*. Adakah saya tujukan kepada Setiausaha Parlimen itu atau saya tujukan kepada jawapan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat memang tujukan kepada jawapan yang diberikan Setiausaha Parlimen.

Jadi, 'jawapan bodoh' itu maklumlah apa bayangnya, Yang Berhormat sendiri patut tahulah dan saya sudah buat keputusan, saya minta Yang Berhormat bagi Kota Melaka menarik balik perkataan itu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jadi, maksud itu kalau saya katakan 'jawapan itu salah' bermakna orang itu salah. Kalau saya kata 'jawapan itu bodoh', orang itu bodoh…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu tidak payah cakap lagi, Yang Berhormat…..

**Tuan Kerk Kim Hock:** ….is that the conclusion, bukan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini Yang Berhormat sendiri faham. Jadi, ……

**Tuan Kerk Kim Hock:** Faham, tidak faham itu lain perkara …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ……perkataan 'bodoh' …..

**Tuan Kerk Kim Hock:** …sebenarnya sebelum saya timbulkan …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ucapan seperti ini memang kita tidak benarkan digunakan di Dewan ini, lebih-lebih lagi selepas seorang Setiausaha Parlimen memberi jawapan dan Yang Berhormat kata jawapan itu 'jawapan bodoh'.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya faham tanggungjawab seorang Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya khuatirlah sebab satu ruling telah dibuat, ini bermakna – saya hendak tanya sahaja. Saya sanggup buat apa yang Tuan Yang di-Pertua kata tetapi saya hendak tahu dengan penjelasan yang memuaskan.

36(6) itu sangkaan jahat, selalu ruling dibuat bahawa sangkaan jahat itu kalau ditujukan kepada seseorang itu kena tarik balik tetapi bila dituju bukan kepada seseorang itu, tidak payah ditarik balik. Jadi, *unparliamentary* apakah asasnya kita mengadakan dua interpretasi dalam …….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya, ….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 36(4) bahasa biadab, bahasa yang tidak ……

**Tuan Kerk Kim Hock:** Itulah yang saya hendak tanyakan, saya hendak faham sahaja …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa Yang Berhormat, saya, saya ……

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut, beri peluang untuk saya mendengar apa yang ingin beliau sampaikan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ….tetapi kacau tidak pernah ubah sikap. *[Disampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jangan cakap dekat orang, kita perhati cermin muka kita dahulu. Kita hormat pembangkang, ikut Peraturan Mesyuarat. Kita pun hendak pembangkang ikut juga Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Jadi, sekarang bincang, dengar baik-baik, jangan kacau…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, 36(4) "Adalah menjadi kesalahan bagi ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan, biadab".

Jadi, apa yang digunakan 'jawapan bodoh' itu memang kurang sopan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ini pandangan Tuan Yang di-Pertua, saya juga rasa bila Kinabatangan dan Larut, bila mereka keluar daripada Dewan tadi, mereka gunakan perkataan 'bodoh' juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu,……

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Ini tuduhan yang tidak betul.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jangan cakap kalau tidak ada bukti …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut sila duduk. Yang Berhormat bagi Seputeh…..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua, ….

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Cakap, cakap.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ….ini Seputeh buat tuduhan yang…...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tarik balik,….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi rujuk….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** …tarik balik, tarik balik. Nanti dahulu Tuan Yang di-Pertua, ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ….rujuk kepada ….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** …ini Seputeh buat tuduhan ini …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** …apa yang dikatakan oleh Larut kepada pembangkang tidak ada dalam *Hansard*.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** …..sangkaan jahat. Tuan Yang di-Pertua, Seputeh buat tuduhan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tadi ……

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dia buat tuduhan ini, tuduhan baru Tuan Yang di-Pertua, minta dia tarik balik kalau tidak ada bukti. Siapa yang cakap, minta dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, satu persatu, biar saya selesaikan Kota Melaka punya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ha.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* ……buat tuduhan kalau tidak ada bukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka dahulu. Jadi, saya sudah buat keputusan. Jadi, saya hendak ingatkan …..

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi kata saya akan bekerjasama dan buat apa yang sesuai supaya kita tidak akan buang masa di sini. Tetapi saya cuma hendak tahu supaya satu asas yang jelas boleh ditentukan pada hari ini, kemudian kita tidak akan ada apa-apa kekeliruan pada masa yang akan datang.

Jadi, adakah ini bermakna 36(4) itu…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ….bahasa biadab itu dia punya asas tidak sama dengan sangkaan jahat. Sangkaan jahat ini boleh ditujukan kepada sebuah kumpulan ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang saya tujukan kepada 36(4), …..

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya tahu, cuma saya hendak tanya ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ….yang dibangkitkan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ….sebab ini interpretasi kita selama ini ialah bahawa perkataan 'bodoh' itu kalau ditujukan kepada jawapan itu tidak bermakna kita hina orang itu …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak semestinya Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …..cuma saya …..

**Tuan Moktar bin Radin:** Peraturan Mesyuarat 44(4).

**Tuan Kerk Kim Hock:** Bukan, maksud saya jelaskan dahulu. Kemudian saya kata akan buat …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingat berikan …….

**Tuan Moktar bin Radin:** Kalau masih berdegil-degil, saya mengesyorkan gunakan Peraturan Mesyuarat 44(4).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, keputusannya saya sudah buat. Kalau Yang Berhormat tidak mahu menerima *[Disampuk]* saya ingin mengingatkan Yang Berhormat dengan terpaksa saya ……

**Tuan Kerk Kim Hock:** Itu bukan maksud saya, saya kata bolehkah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling bahawa kedua-dua ini lain kali akan apply sama-sama, tidak boleh ditujukan kepada kumpulan pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak akan libatkan diri dalam 36(1), saya hendak tujukan kepada 36(4) dan saya akan buat keputusan supaya perkataan 'bodoh' ini tidak akan digunakan lagi di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Okay, boleh nasihatkan apakah guna, apakah perkataan yang harus digantikan oleh kerana saya percaya perkataan ini ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Senang, 'kurang pandai' …..

**Tuan Kerk Kim Hock:** ….memang itu tidak ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ….. 'kurang memuaskan'.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ….pada pandangan saya itu memang satu jawapan yang bodoh tetapi saya – okay, saya boleh tukarkan tetapi bagaimana saya sifatkan perasaan saya dan kebenarannya iaitu jawapan itu kurang ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat patut pandai….

**Tuan Kerk Kim Hock:** You give the word, please give the word to me. I accept your advice.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah gunakan, ada perkataan yang lebih elok untuk menggantikan 'bodoh' itu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sebelum itu boleh saya buat satu usul 26(1), saya tukarkan perkataan itu tidak apa *[Disampuk]* …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kena tarik balik.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ….dengan satu jawapan yang kurang memuaskan dan kurang logik *[Disampuk]* dan okay …….

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat….

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan sedikit Tuan Yang di-Pertua kerana ….

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sekarang saya, saya…

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, betul kita boleh ubah…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …new words…

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** …tetapi perkataan itu sebelum kita berehat pada jam 2.30 tadi…

**Tuan Kerk Kim Hock:** You pergi please wait for the whole speech firstlah…

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ..no, no, no. Jam satu tadi ….*[Ketawa]*. Kita telah akur dengan keputusan Speaker bahawa …

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya sudah tukar gantikan perkataan saya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:**…baiklah Speaker untuk menyiasat terlebih awal ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat…

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** …dan kita akan akur sebarang keputusan yang akan dibuat pada jam 2.30 petang ini. Dan keputusan sudah dibuat. Dan keputusan itu bukan hendak ubah perkataan itu. Kita minta supaya perkataan ditarik, bukan hendak minta perubahan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia kata boleh gantikan dengan perkataan yang boleh diterima, okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan. Ini bukan terpulang kepada Speaker. Speaker buat keputusan bahawa perkataan Yang Berhormat gunakan diminta tarik balik.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya, tarik baliklah!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Bagaimana jawapan yang tidak elok itu macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, jadi…

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kita hendak buat bantahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sama ada Yang Berhormat sanggup tarik balik perkataan 'bodoh' itu atau tidak?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya tarik balik dan saya gantikan dengan perkataan baru iaitu 'kurang memuaskan'.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua telah pun mengeluarkan ruling. So, Kota Melaka kena patuh, sudahlah. Jangan panjangkan kepada perkara-perkara yang lain. Cukuplah patuh kepada keputusan habis kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat Sri Gading. Jadi, Yang Berhormat sanggup untuk....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini sebenarnya taktik kerana defect daripada jawapan itulah. Saya kata saya sanggup tarik balik dan saya gantikan dengan perkataan 'kurang memuaskan dan tidak berlogik'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Itu boleh diterima.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Speaker, saya minta Seputeh... Tuan Speaker point of order 36(6) ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 36(6)…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Seputeh menuduh saya menyebut perkataan bodoh. Saya tidak bercakap. Saya minta dia tarik balik. Saya minta dia tarik balik! Tuduhan ini cukup ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa yang dikatakan oleh Seputeh kata mereka …

**Tuan Kerk Kim Hock:** ....check to a recording.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak payah check. Tidak payah check saya tidak pernah bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay Yang Berhormat, sila duduk. Saya hendak minta ini…

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada dengar tetapi saya tidak pasti siapa dia.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Siapa makan cili dia merasa pedas lah.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya tak pasti sama ada Larut, Kinabatangan…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak pernah bercakap perkataan-perkataan yang tidak apa. Saya minta Seputeh tarik balik.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya nasihat siapa yang cakap mengakui.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak bercakap. Ini Seputeh tuduh saya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya dengar seorang cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut sama…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta ini ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk. Saya akan terangkan. Jadi, sekarang Yang Berhormat Seputeh menyatakan mereka gunakan perkataan 'bodoh' dan dinafikan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Check recording.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak payah check recording. Saya tidak pernah sebut saya minta tarik balik!

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Check recordinglah jangan bergaduh.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Check recording apa Seputeh cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang saya ada recording. Ini *Hansard* saya ada. Dan saya tidak …

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jangan gaduhlah dengan perempuan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**…tidak nampak ada ada apa-apa …

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Cool downlah. Tunggu *Hansard* lah! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Kedah, saya sudah rujuk ini tidak ada satu perkataan 'bodoh' yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain selain daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta tarik balik. Suruh!.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya kata pagi tadi sebenarnya ramai Ahli Yang Berhormat di sini mereka dengar. Bila mereka tidak puas hati bila mereka keluar dari Dewan ini mereka gunakan perkataan 'bodoh'.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dalam *Hansard* tidak ada. Jangan buat tuduhan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Berani buat tak berani mengaku!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tetapi apa yang …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu persatu. Saya…Yang Berhormat Seputeh, …

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 99.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini tidak berkait dengan Peraturan 99, sebelum buat keputusan terhadap kes yang kedua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kes yang kedua pun sudah buat keputusan, janganlah Sri Gading bangun lagi. Buat keputusan kita terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa yang ditegurkan oleh Sri Gading sudah selesai.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa Sri Gading pula? *[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Bodoh sikit-sikit bolehlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Bodoh sikit-sikit itu bolehlah. Apa ini bising. *[Ketawa]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** …kebenaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Seputeh, adakah Yang Berhormat tadi tuju kepada Yang Berhormat bagi Larut yang gunakan perkataan itu.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sikit-sikit bodoh apa salah!

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, sebab perkataan 'bodoh' yang diluahkan oleh backbencher di sana tidak dimasukkan dalam rekod kerana mereka tidak gunakan mic. Mereka gunakan perkataan ini semasa mereka berjalan ke luar. Jadi, ini memang ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat tidak ada bukti.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jangan main tuduh, jangan main tuduh, jangan main tuduh!

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kerana itu tidak dimasukkan dalam rekod dalam minit mesyuarat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Berani mengakulah!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jangan main tuduh, saya cabar jangan main tuduh!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Berani mengakulah!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak pernah sebut perkataan-perkataan yang sedemikian rupa!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini siapa takut katalah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta tarik balik hormat Dewan yang mulia ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk. Ya, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat tidak dapat memastikan bahawa perkataan ini digunakan oleh siapa orang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Digunakan oleh mereka!

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Pergi keluar minum tehlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak maklumkan bahawa disebutkan oleh sesiapa atau tidak tahu sesiapa.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya cadangkan Seputeh dengan Larut keluar minum teh. *[Ketawa]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi sebut tidak ada dalam *Hansard*. Nama saya disebut. Saya minta tarik balik. Itu sahaja. Gentlemanlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, sekiranya Yang Berhormat, sebutkan nama Larut, sanggup Yang Berhormat tarik balik perkataan itukah?

**Tuan Chow Kon Yeow:** Kinabatangan tidak bantah. Nama dia disebut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini tidak kena-mengena. Saya yang bercakap atas diri saya!

**Tuan Chow Kon Yeow:** Dia tidak bantah. Tidak bantah maksud akui!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** No, no, no. Dia sebut saya, saya minta dia tarik balik.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Teruskan ucapan ya. Teruskan perbahasan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Kalau saya bantah….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita teruskan urusan kita Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Teruskan, teruskan.

**Tuan Moktar bin Radin:** Saya pun tadi terlibat, jadi saya mintalah kita ini kawan biar pun lain parti. Tariklah, tidak baik Yang Berhormat buat tuduhan. Saya tidak cakap pun.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Moktar bin Radin:** Aip!..duduk dulu, pakai peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan…

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Moktar bin Radin:** Dulu lain sekarang lain. Itu dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Apa dulu belum berubah pun.

**Tuan Moktar bin Radin:** Tarik baliklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat fikir sudah salah sebutkan itu tarik balik sahajalah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Hari akhir ini baik-baiklah sikit. Ala kawan semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mungkin Yang Berhormat dengar tetapi Yang Berhormat tidak dapat pastikan siapa yang cakaplah. Yang itu senang sahaja.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, tadi apa yang saya kata..

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tarik baliklah jangan main masa lagi. Ini aya, ini hal kecil. *[Ketawa]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** Mahu cakap berdiri hormat Dewan ini!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Speaker baru sana ya. *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, tadi apa yang saya kata bila Larut, Kinabatangan mereka keluar dari Dewan mereka gunakan perkataan 'bodoh' dan mereka tidak gunakan mic ini..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya sudah kata saya tidak cakap. Saya tidak cakap!

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kalau ada mesti saya cakap. Dalam *Hansard* Tuan Yang di-Pertua sebut tadi tidak ada. Kenapa buat tuduhan macam itu!

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tariklah, tariklah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini perlu diperbetulkan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *Hansard* mana keluar lagi!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebut tadi. *[Ketawa]* Minta diperbetulkan Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara urusan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seputeh. Kalau dia yang diterangkan oleh beliau munasabah terpaksa kita terima. Jadi, saya hendak dengar dulu. Jadi, adakah Yang Berhormat membuat tuduhan kepada Yang Berhormat Larut yang mengatakan …

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bukan Larut sahaja. Bukan Larut seorang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi bererti Larut yang gunakan perkataan itu..

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kumpulan dari sanalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, bila beberapa orang Ahli Yang Berhormat mereka keluar daripada sudut sana.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tetapi jangan sebut nama orang kalau tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi kalau Yang Berhormat sudah sebut ini Larut adakah Yang Berhormat sanggup tarik balik.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Dia tidak sebut Larut dengan spesifik.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tarik baliklah, tarik balik. Jangan buang masa lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya kata mereka …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi Yang Berhormat ada sebut ..

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kerana ini perkataan memang diutarakan dan semua di sini boleh jadi saksi, jadi ini adalah satu fakta yang tidak boleh ditarik balik…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak boleh, jangan main. Jangan main saya tidak pernah cakap dalam Dewan yang mulia ini perkataan-perkataan yang bertentangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Seputeh tadi, mengatakan Larut cakap, tidak ada cakap tidak ada, tarik balik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Kamu tidak hormat Speaker. Kamu sekarang bukan Speaker.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ini tuduhan liar!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pernah cakap.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Itu sahajalah, apa tuduhan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berucap. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini kita dapati pelabur-pelabur banyak datang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tahu, saya tahu.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Apa, saya hendak berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita di Dewan Yang Berhormat. Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Pelabur-pelabur banyak datang dan bank kita mendapat sanjungan daripada luar negara. Sekarang inilah tanda kerajaan Malaysia di bawah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat ada gunakan....

**Seorang Ahli:** Kuala Kedah, siapa Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ikut peraturan tahu.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sepuluh minit ini rugi. Pergi minum tehlah!

**Seorang Ahli:** Ala, tariklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Seputeh, Seputeh, saya ingin cadangkan kalau ada sebut tolong tarik baliklah. Jadi, selesaikan perkara ini.

**Seorang Ahli:** Tidak ada malu, tarik balik sikit punya hal sahaja ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada sebut.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Yang Berhormat Seputeh kata sekumpulan orang cakap. Kalau siapa sudah cakap hendak nafi …

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak. Dia sebut nama kawasan!

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sebab dia memang dengar itu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** You duduk, you duduk. Kota Melaka duduk ini…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Untuk tidak membuangkan masa juga akan kita rujuk kepada rekod. Jadi, Sipitang teruskan ucapan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak boleh buat begitu Tuan Yang di-Pertua. Itu peraturan mesyuarat, satu tuduhan yang tidak betul. Tuduhan liar. Tidak boleh buat begitu sahaja. Saya minta dia tarik balik itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut saya ....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu ruling minta Kota Melaka tarik balik yang hanya …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka sudah tarik balik apa yang dikatakan dan diganti dengan perkataan yang baru dan kita sudah terima.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tidak dengar Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Seputeh dia menafikan, jadi terpaksa saya rujuk kepada rekod.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya sendiri dengar Tuan Yang di-Pertua, ramai dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu awak dengar, Yang Berhormat dengar. Saya tidak..Yang Berhormat…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta dia buat pengakuan bersumpah sekarang kalau berani. *[Disampuk]* Saya minta tarik balik saja, itu saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat….Yang Berhormat…

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Datuk Yang di-Pertua…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak, tak, Timbalan Menteri….

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta laluan sedikit. Datuk Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini kita tahu peraturan-peraturan mesyuarat sudah pun dibuat dan Dewan ini Dewan yang mulia, berhadapan di sini ahli-ahli yang mulia sepatutnya membuat satu peradaban yang cukup baik kerana bukan hanya yang kita mendengar kerana di belakang ini adalah pegawai-pegawai kerajaan orang awam. Kalaulah di sini rang undang-undang yang diluluskan yang mulia dan peradaban kita, perkataan yang digunakan tidak selari dengan peradaban kita maka ini adalah satu saya rasa perbuatan yang tidak baik maka dengan itu keputusan yang telah dibuat oleh Datuk Speaker tadi 36(4), perkataan itu harus ditarik balik dan saya sendiri mendengar bila Seputeh menyebutkan menuduh bahawa Larut dan Kinabatangan menyatakan sesuatu. Apa yang berat dia, kalau dah kita luahkan, kita tarik balik kerana peradaban kita selaku manusia. Satu, kita tidak boleh berkata sesuatu yang tidak benar dan kedua perkataan-perkataan yang boleh seakan-akan merendahkan martabat kita selaku manusia. Selaku apa lagi, Ahli Yang Berhormat …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh, saya memang menyokong apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri dan kalau Yang Berhormat sudah sebut tadi, ini yang di sebelah sana termasuk Larut juga menggunakan perkataan ini saya fikir ini juga kurang baik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Didengar oleh semua. Jadi macam mana Yang Berhormat boleh membuktikan….

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Siapa yang ada dengar bila mereka meninggalkan Dewan ini mereka kata bodoh. Sila berdiri, kami semua di sini dengar.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …..kita selesai di sini…tak ada habis ceritalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Pembesar suara dimatikan]* Datuk Speaker, saya orang Islam *[Disampuk]*

*[pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat Larut saya mintalah supaya dapat semua mengikut nasihat sayalah mulai sekarang kita tidak akan gunakan perkataan-perkataan yang kurang sopan ini dan apa yang dikatakan oleh Seputeh kalau saya dapat membuktikan bahawa perkataan bodoh ini disebutkan tuju kepada Yang Berhormat ini keputusan yang sama akan saya buat minta beliau tarik balik, jadi supaya kita dapat teruskan urusan lain. *[Disampuk]* Okay, cukuplah Yang Berhormat. Tak apalah kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat kita kena tunjuk baik kepada orang ramai …

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya tunjuk baik pada orang, orang mesti tunjuk baik pada kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik juga kalau Yang Berhormat boleh bagi peluang kepada kita semua ….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta dia tarik balik itu saja untuk direkodkan…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan semak kalau dapat perkataan digunakan tidak sesuai tindakan sama akan diambil.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Point of order, saya hendak rujuk pada 80, Peraturan Mesyuarat 80A terhadap ahli Seputeh. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu kena buat usul, tak apalah Yang Berhormat saya minta Sipitang menyambung ucapan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, inilah Tuan Yang di-Pertua Parlimen ni menarik kadang-kadang. Lawyer-lawyer pun kadang-kadang dia tak faham, dia macam susahlah hendak cakap Datuk Yang di-Pertua, tapi rakan-rakan di belakang, pegawai-pegawai kerajaan bolehlah menilai bagaimana keadaan kita di sini. Jadi tadi sepatutnya bukan masa saya berucap Datuk Yang di-Pertua, sekarang ucapan saya antiklimaks *[Ketawa]* Tapi walau

bagaimanapun saya ingin meneruskan mengenai dengan Akta Syarikat Luar Pesisir ini bahawa Labuan itu mestilah kita bela. Maksud saya tadi mengenai dengan Labuan menjadi kawasan bebas cukai ini. Jadi kalau dia hendak membeli-belah itu Datuk Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan kenalah membuat peraturan. Tidak payahlah ada cukai, banyak mana mereka hendak membeli pun, belilah di Labuan lepas tu juga bagi pelancong-pelancong yang dari Brunei misalnya biarlah mereka membeli barangan dari Brunei. Bukan tugas mereka untuk – biarlah kerajaan mereka membayar cukai mereka, kita bagi dia beli kerana kita ingin memajukan Labuan ini.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua bahawa harga barangan Labuan itu sesuai dengan kedudukannya yang bebas cukai mestilah menggambarkan …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:**……bebas cukai yang betul-betul murah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat, saya minta maaf, adakah perbahasan Yang Berhormat ini adalah spesifik kepada rang undang-undang yang kita bekalkan ataupun perkara-perkara yang kita bangkitkan itu adalah agak umum? Saya memohon untuk minta jasa baik Yang Berhormat meringkaskan ucapan kerana saya juga ingin ambil bahagian dan saya ada aturcara yang lain pada sebelah petang nanti. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih rakan saya dari Kubang Kerian. Saya faham beliau ingin berucap, saya cuma ingin menerangkan yang berkaitan dengan bagaimana hendak memajukan Labuan ini sebagai Pusat Kewangan Pesisir Luar kerana ia tidak begitu cukup sekarang ini penduduk kurang jadi kita ingin memperbanyakkan orang datang ke Labuan dan sesuai dengan kedudukannya sebagai pusat perniagaan pesisir supaya bila pelancong luar datang situ dia ramai. Jadi kalau bolehlah soal cukai ini kita tiadakan dan barangan di Labuan itu mestilah betul-betul murah dan barangan itu lengkap. Jangan ada lagi bila kita ingin ke Labuan banyak barang yang tidak ada di Labuan dan terpaksa beli barangan di Kota Kinabalu, lebih banyak daripada barangan di Labuan. Ini yang kita perlu lihat.

Perkara yang penghabisan Datuk Yang di-Pertua iaitu mengenai dengan perhubungan menghubung Labuan ini baik yang pertama dengan Tanah Besar di sekelilingnya khususnya di Sabah dan juga antarabangsa. Saya melihat bahawa Labuan ini perlu ada hubungan terus dengan Tanah Besar maksud saya jambatan itu perlu dibuat. Ini kita melihat jangka masa yang panjang. Sekarang ini Labuan ini kereta murah, banyak orang yang ingin ke Labuan tetapi perhubungan terhad. Mereka terpaksa kalau dari Kota Kinabalu sama ada naik feri ataupun daripada Menumbok juga naik feri. Kereta pula kalau ingin membawa kereta perjalanan lebih kurang tiga jam daripada Menumbok ke Labuan. Kalaulah ada mekanisme supaya mereka boleh membawa kereta sementara jambatan ini belum dibuat boleh membawa feri yang lebih laju. Maknanya kereta itu dibawa ke Labuan atau orang Labuan membawa kereta dalam masa mungkin satu jam saya boleh sampai ke Tanah Besar dan kita minta juga bahawa kemudahan-kemudahan lain dari segi terminal, jeti yang lebih baik yang menghubungkan Labuan dengan Tanah Besar, inilah yang kita lihat.

Dari segi perhubungan udara, kalau boleh kita perbanyakan penerbangan terus antarabangsa dari Hong Kong, Jepun, Australia negara-negara lain dari luar negara terus ke Labuan. Mungkin ada yang berpendapat bandar-bandar lain akan ketinggalan apabila Labuan mempunyai airport yang besar, ada penerbangan terus. Sebenarnya tidak, saya melihat bahawa jikalau ada penerbangan dari London ke Labuan mereka akan turun di Labuan, tentunya mereka akan ke tanah besar sama ada di Sabah, di Kuching, di Kuala Lumpur dan sebagainya.

Jadi ini akan memudahkan urusan pelabuhan ini sebagai Pusat Perdagangan Luar Pesisir dan juga memudahkan urusan-urusan lain yang ada hubungan dengan Syarikat Luar Pesisir. Jadi saya berharaplah Kementerian Kewangan dapat meneliti perkara ini dan kita berharap Labuan itu sebagai satu tempat yang maju, tempat yang menarik, kalau boleh satu pulau yang paling cantik di Malaysia ini. Kalau tidak lebih baik daripada Langkawi ataupun pulau-pulau lain di rantau ini. Inilah yang kita inginkan.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong akta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidaklah pakar tentang apa yang kita akan bincangkan tetapi saya amat berminat dengan rang undang-undang yang telah dibentangkan iaitu berkaitan dengan langkah-langkah untuk membolehkan satu perdagangan kewangan berasaskan elektronik. Berasaskan minat ini saya cuba memberanikan diri untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini.

Saya amat mengalu-alukan langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi membolehkan perniagaan kewangan kita berkembang secara fleksibel dan terbuka bagi membolehkan syarikat-syarikat bukan bank untuk sama-sama melibatkan diri dalam perniagaan kewangan berasas elektronik sesuai dengan perkembangan semasa. Kita semua tahu bahawa kepantasan perkembangan elektronik sama ada *e-commerce*, *e- finance* dan lain-lain 'e'- yang berkaitan telah begitu pesat di seluruh dunia dan melalui dunia siber.

Kita telah melihat pembayaran dan penerimaan kewangan dapat dilakukan dalam masa yang begitu pantas melintasi sempadan dengan begitu meluas dan menyeluruh dan akan mempengaruhi corak dan perkembangan interaksi perdagangan dan kewangan kita pada masa akan datang. Dengan rang undang-undang ini membolehkan syarikat-syarikat yang bukan didaftarkan sebagai bank untuk sama-sama mengambil bahagian yang selama ini hanya bank-bank yang dibenarkan beroperasi, melakukan perdagangan kewangan dan langkah ini adalah sangat bijaksana dan sesuai dengan keperluan semasa di mana sebenarnya dalam perkembangan dunia elektronik yang ada pada hari ini, peralihan kewangan ataupun transaksi kewangan dilakukan melalui dunia siber oleh syarikat-syarikat yang kecil, yang biasa.

Pada saya salah satu perkara yang amat penting untuk kerajaan menilai dengan perkembangan ini ialah selaras dengan hasrat negara sendiri untuk mempunyai satu mekanisme alternatif kepada sistem kewangan dunia. Kita lihat dalam dunia siber, sebagai satu contoh satu syarikat yang beroperasi di Amerika dengan nama *'e-gold'*. Sebuah syarikat yang beroperasi di atas sebuah premis yang sangat kecil tetapi oleh

kerana kekuatan perkakasan elektronik yang dipunyai oleh syarikat ini telah berjaya mengasaskan satu asas perdagangan dan peralihan kewangan dunia yang dibantu ataupun yang di '*back*' dengan izin, oleh emas.

Syarikat ini telah berkembang, mempunyai berpuluh-puluh ribu pemegang akaun dan pembayaran boleh dilaksanakan sama ada untuk transaksi perdagangan yang kecil, kita hendak oder buku daripada *amazon.com* ataupun satu perdagangan eksport yang besar termasuk perdagangan senjata telah dapat dilakukan dengan begitu mudah dan kemas melalui pembayaran elektronik ini. Sejumlah wang yang begitu besar bernilai berbilion US telah dipusing ataupun diniagakan pada setiap bulan dan syarikat ini memperolehi keuntungan yang sangat besar.

Saya ingin mengaitkan kedudukan syarikat ini dengan rang undang-undang yang kita bahaskan sekarang ini dari segi perkembangan dunia elektronik, perdagangan kewangan elektronik ini membolehkan emas digunakan semula sebagai sandaran atau sokongan kepada kewangan. Dengan itu satu masa dahulu hujah ekonomi mengatakan emas adalah satu bahan yang tidak boleh dipindah-pindahkan kerana berat dan agak lembap pergerakannya, merbahaya dari segi dapat disamun oleh orang dan sebagainya, pembawanya mesti ada *case* yang besar dengan diiringi oleh pasukan keselamatan, hari ini sudah tidak terpakai lagi oleh kerana emas mengikut apa yang dilaksanakan oleh beberapa laman perdagangan kewangan antarabangsa sekarang disimpan hanya di satu tempat yang selamat iaitu di Switzerland dan disokong oleh bank-bank antarabangsa umpamanya Nova Scotia yang menjadi *examiner*, dengan izin, iaitu pengendali yang memastikan bahawa emas memang wujud dalam deposit pengendali laman-laman ini dan pembayaran elektronik boleh berkembang dengan begitu cepat. Tetapi pada masa yang sama tiap-tiap pemegang akaun disokong oleh sandaran emas dalam akaun mereka masing-masing yang disimpan dalam satu bank di Switzerland.

Oleh yang demikian, ini membolehkan kita menilai semula satu mekanisme yang telah pernah berkembang dalam dunia Islam pada satu masa dahulu yang telah berjalan dengan begitu lama dan berkesan iaitu semua negara Islam dan juga negara bukan Islam pada masa dahulu melaksanakan perdagangan mereka melalui penggunaan emas yang dipanggil sebagai Dinar. Dinar ini telah mempunyai asas-

asas ukuran yang tertentu, yang terpakai, yang diterima sebagai mata wang melintasi sempadan mana-mana negara.

Pada hari ini, salah satu daripada sebab seperti telah dibentang oleh Perdana Menteri sendiri mengapa kedudukan kewangan dunia menjadi tidak seimbang dan membolehkan Amerika menggunakan Dolarnya sebagai mata wang dominasi dan mata wang-mata wang lain adalah mata wang 'paria', umpamanya bila kita Malaysia ingin berdagang dengan Iran ataupun Sudan, ataupun dengan Turki ataupun dengan mana-mana negara Islam, kita terpaksa menukar mata wang Ringgit kepada Dolar. Ini menyebabkan Dolar mempunyai kekukuhan dan Ringgit sentiasa dinilai berasaskan kedudukan Dolar. Sedangkan perkara ini wujud semata-mata kerana Dolar ialah *universal acceptable* kepada semua negara.

Semua kita tahu bahawa perdagangan antarabangsa kita kalau tidak silap lebih kurang 70% menggunakan mata wang asing, sama ada yang paling besar ialah Dolar dan diikuti oleh Yen dan lain-lain mata wang. Ini semata-mata kerana Dolar diterima oleh Sudan, Turki, Iran diterima oleh negara-negara bukan Islam dan kita terpaksa menukar mata wang kita kepada Dolar dan kita mengalami beberapa kesulitan dan kerugian dalam aspek tersebut. Tetapi dengan wujudnya kemudahan elektronik, perdagangan secara elektronik membolehkan kita menghidupkan semula sistem kewangan yang disandarkan kepada emas. Sehubungan dengan ini saya berharap bahawa jika sekiranya sudah wujud atau jika sekiranya belum wujud, saya mencadangkan supaya Labuan juga dikembangkan sebagai pusat depositori ataupun pusat simpanan emas yang boleh membantu perkembangan kewangan berasaskan nilai emas.

Kita semua tahu salah satu daripada kebaikan penggunaan mata wang ataupun perdagangan kewangan elektronik dibantu ataupun di *back*, disokong oleh emas ialah nilainya, inflasi *rates* yang lebih rendah, sebagai satu contoh yang paling mudah, satu Dirham pada zaman Rasulullah S.A.W di Madinah 1400 tahun yang lalu boleh membeli satu ekor ayam di pasar Madinah dan satu Dirham yang sama, satu keping perak yang sama, jika sekiranya kita pergi ke kedai emas sekarang sama ada di Switzerland ataupun di London, di Kuala Lumpur ataupun di Kota Bharu kita akan dapat nilainya lebih kurang RM8.50, dengan nilai mata wang Ringgit yang kita ada

sekarang. Bermakna dengan RM8.50 juga kita masih boleh membeli seekor ayam di pasar Kota Bharu ataupun di Pasar Chow Kit yang menunjukkan bahawa dalam tempoh 1400 tahun, Dinar dan Dirham telah kekal dari segi pegangan nilainya.

Oleh kerana itu jika sekiranya kita meneroka bidang ini dengan tersusun, dengan sistematik berasaskan electronic payment yang ada ini dengan kemudahan yang ada di Labuan dan Rang Undang-undang yang kita berikan flexibility ini, saya yakin bahawa kita boleh meneroka satu mekanisme kewangan yang baru yang kita katakan boleh mengatasi ancaman-ancaman dominasi mata wang-mata wang yang lain dan pada masa yang sama kita akan dapat mengukuhkan kedudukan ekonomi kita.

Saya sangat berharap bahawa selain daripada kerajaan sendiri melaksanakan satu kajian yang menyeluruh terhadap apa yang telah saya sebutkan secara ringkas tadi, saya berharap kerajaan lebih terbuka untuk mana-mana syarikat dalam dan luar negeri yang ingin memulakan operasi ini di Malaysia supaya kita dapat berikan satu sokongan untuk mereka berkembang. Dan saya juga berharap bahawa dalam tempoh yang singkat saya tidak dapat menerangkan secara terperinci bagaimana operasi beberapa syarikat-syarikat perdagangan kewangan yang ada di dunia umpamanya yang saya sebutkan tadi *e-gold* dan jika sekiranya kerajaan berhasrat untuk mendapatkan sebahagian daripada maklumat-maklumat ini, saya telah pun menyiapkan beberapa catatan yang agak terperinci bagaimana mereka beroperasi dan sebahagian daripada operasi ini adalah sama dengan operasi yang telah dijalankan oleh umat Islam pada masa yang lalu.

Umpamanya dalam sistem Islam selain daripada mata wang diasaskan kepada emas dan emas ini diterima oleh semua tanpa satu batasan sempadan negeri, tidak sebagaimana hari ini ringgit hanya diterima di Malaysia tetapi kita tidak boleh membeli barang di Pakistan dengan ringgit, kita terpaksa tukar ke mata wang Pakistan. Tetapi emas dapat diterima oleh semua pihak sehingga pada hari ini dan dalam sistem Islam ada satu sistem yang dipanggil wakalah ataupun satu agensi - wakalah adalah satu authority yang diberikan oleh penguasa Islam di satu-satu tempat untuk menjalankan operasi perdagangan kewangan. Melalui wakalah ini seseorang pengembara yang mempunyai kad elektronik ataupun akaun elektronik ini boleh

memberikan pin number mereka ataupun digital code mereka kepada wakalah ini ataupun kepada agensi yang diberikan authority ini dan mereka boleh mendapatkan cash mengikut currency semasa mana-mana negara.

Dengan erti ini bahawa bila kita mencadangkan electronic payment ataupun perdagangan kewangan elektronik yang disokong oleh emas bukan bermakna bahawa kita menghapuskan currency ataupun mata wang yang telah wujud di tiap-tiap negara, ini hanya satu compliment, satu pelengkapan kepada mata wang semasa yang wujud dan demikian juga apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan Islam pada masa yang lalu. Selain daripada kita mempunyai dinar dan dirham, kita mempunyai fulus. Fulus ialah mata wang kertas yang digunakan untuk domestic transaction. Kita hendak beli ikan, kita hendak beli sayur kita guna fulus tetapi kalau kita hendak bayar satu kontena barang-barang yang kita import daripada luar negara, kita melaksanakan secara pembayaran dinar dan dirham. Dinar dan dirham ini boleh dilaksanakan pembayarannya secara elektronik di abad ataupun di alaf yang kita sekarang hidup.

Dengan pandangan-pandangan yang ringkas tadi, saya berharap bahawa kita dapat sama-sama meneroka satu perkembangan kewangan yang akan saya rasa boleh memberikan satu revolusi tatacara kewangan yang baru kepada kebaikan umat manusia sejagat.

Selain daripada itu, saya ingin merujuk kepada apa yang telah dibentangkan dalam Rang Undang-undang ini iaitu berkaitan dengan apa yang disebut sebagai mengawal selia. Pada masa yang sama walaupun kita mengalu-alukan beberapa kelonggaran dalam Rang Undang-undang ini, saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimana kedudukan kewangan kita kerana dengan pembayaran ataupun kewangan elektronik ini membolehkan seseorang satu-satu pihak mengeluarkan wang daripada dalam negara ke luar negara secara yang begitu pantas. Adakah satu mekanisme yang telah wujud mengikut undang-undang yang telah digubal sebelum ini yang membolehkan kerajaan mempunyai satu mekanisme bagi memastikan bahawa ekonomi kita tidak mengalami kebocoran kerana pengeluaran wang daripada negara kita dengan begitu berleluasa melalui kewangan elektronik ini dan saya ingin dapat kepastian adakah sekatan kewangan kita tidak menghalang operasi kewangan elektronik ini berjalan dengan sempurna.

Selain daripada itu, yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah di bawah ini disebut kawal selia. Apakah yang dimaksudkan secara yang lebih terperinci kawal selia yang telah diberikan kuasanya kepada authority-authority yang terlibat dalam undang-undang ini dan berkenaan dengan pindaan kepada tambahan seksyen baru 23G Bahagian V Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 23F seksyen yang berikut, yang mengaitkan bagaimana kawal selia yang umum telah diberikan dan saya ingin dapat kepastian berkenaan dengan umpamanya bank yang boleh meluluskan atau menolak sesuatu skim yang dikemukakan di bawah subseksyen.

Adakah bermakna bahawa mana-mana syarikat perdagangan kewangan yang ingin beroperasi di Labuan mesti mendapatkan kerjasama ataupun bernaung di bawah bank-bank yang sedia ada dan apakah yang dimaksudkan dengan kelulusan-kelulusan bank yang diperlukan. Adakah bank yang dimaksudkan di sini ialah bank perdagangan ataupun Bank Negara.

Di atas perkara-perkara yang saya pohonkan penjelasan dan cadangan-cadangan yang telah saya kemukakan tadi, saya memohon menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong.

**3.47 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi untuk membincangkan Rang Undang-undang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun sekali, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekali lagi kerana tiap-tiap kali ada pindaan atau ada undang-undang mengenai IOFC ini saya bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam perkara ini, sekalilah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dalam perkara ini, bukan kali kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan gunakan perkataan sekali lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekali lagilah untuk Rang Undang-undang seperti ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh lima tahun ini, kerajaan persekutuan sudah memperuntukkan banyak wang, kalau tidak silap saya

hampir RM826 juta, dalam tempoh lima tahun untuk membangun prasarana dan Sipadan pun tidak begitu berminat walaupun lebih RM800 juta, ia lebih berminat dengan perkataan-perkataan yang tidak begitu seronok sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan wang begitu banyak untuk membangunkan prasarana di Labuan melalui pelbagai agensi kerajaan termasuk Lembaga Pembangunan Labuan (LPL) yang setakat ini diberi peruntukan hampir RM190 juta untuk LPLnya dan dengan wang yang begitu banyak kita dapati di dalam lebih dua tahun ini prestasi tidak begitu baik. Salah satu sebab utamanya ialah kerana krisis ekonomi tetapi ada gejala baik juga. Setakat ini kita ada 62 buah bank di IOFC yang menunjukkan bank-bank yang terkemuka, sepuluh bank yang terkemuka di dunia ada bertapak di Labuan. Ini memang satu gejala yang baik.

Walau bagaimanapun, sistem yang ada sekarang tidaklah begitu lengkap dan kita hanya berharap orang daripada luar untuk melabur di Labuan kerana Labuan sebagai pulau yang kecil dengan kependudukan hanya 70,000 orang dan daripada 70,000 orang di Labuan ini majoritinya mendapat pendapatan hanya RM1,000 hingga RM2,000 sebulan.

Ini bermakna kependudukan Labuan tidak mampu untuk memberi sokongan yang padat kepada aktiviti dan pembangunan IOFC di Labuan. Dan saya nampak ada satu perkembangan yang baik juga iaitu sepertimana yang kita pernah cadangkan di sini iaitu cawangan Universiti Labuan di Kiam Sam di Labuan. Ada satu cawangan Universiti Malaysia Sabah (USM), cawangan USM di Kiam Sam dan sekarang nampaknya ada 500 …..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat. Rompin yang bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin tidak ada kena-mengena dengan IOFC itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin itu balak haram ada.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Selamat datang Kepong. Pagi sangat Tuan Yang di-Pertua, dia sibuk di klinik kulit dia. Saya menyokong

pandangan Kepong bahawa untuk memajukan, minta pandangan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Untuk memajukan Labuan sebagai satu pusat kewangan pesisir ini memerlukan khidmat sokongan yang kuat dan padu – mesti ada universiti. Bagaimana dengan kemudahan-kemudahan lain seperti kesihatan. Mesti ada kepakaran dan perubatan. Saya hendak mencadangkan sama ada Yang Berhormat sebagai peribadi hendak buat satu cawangan di sana, ubat sakit kulit ini supaya mereka datang ke mari, boleh dapat treatment daripada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang seperti biasalah, Rompin terkeliru. Kita bincang mengenai IOFC kewangan. Dia terserong sedikitlah seperti biasa. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan mungkin kita boleh memberi peluang untuk menyertai cawangan UMS supaya Yang Berhormat bagi Rompin dapat belajar apakah sebenarnya maksud kita untuk mewujudkan IOFC di Labuan. Memang satu cadangan ….

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bagi satu cadangan supaya pihak IOFC bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Rompin untuk mempelajari masalah luar pesisir kita ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya setuju. Saya bercakap saya bersetuju, Kepong. Dalam isu ini kita boleh setuju. Cerita lain banyak saya tidak setuju. Dalam DAP pun, ada yang tak ramai setuju. Kalau bersetuju semua, takkanlah isteri Yang Berhormat diketepikan sebagai Ketua Wanita. Ha, kadang-kadang kami bersimpati lebih daripada dalam DAP itu sendiri.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ohh.. berbunyi. Soalan saya, pendidikan itu penting tetapi adakah …..

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha.. berbunyi pula. Ini calon Ketua Wanita DAPkah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bagilah saya peluang sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan bercakaplah sama-sama. Ya, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Kepong ….

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .. betulkah tadi universiti tetapi adakah kita perlu *a physical university*, Kepong sebab dalam era IT ini, *virtual university* sudah mencukupi. Bermakna tidak perlu kita adakan satu kampus yang tetap. Mungkin kita ada melalui *virtual* sahaja. Saya hendak tanya sebab idea Kepong baik dari segi pelaksanaan itu, saya hendak bertanya sedikit pandangan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat bagi Rompin katakan kalaupun dia ada idea yang boleh diterima juga. Cuma universiti bermaya yang dimaya-mayakan oleh beliau ini mungkin tidak akan menampung keperluan di Labuan kerana kalau kita ada di Rompin, buat melalui website kita, laman web dan sebagainya dan kita tidak ada orang di Labuan kerana kita kekurangan orang di Labuan – 70,000 pun tidak mampu untuk membangun pulau itu sebagai IOFC dan kalau kita adakan universiti bermaya, ini bermakna seperti Yang Berhormat bagi Rompin pun ada di Rompin, kalau tidak merayau-rayau setempat pun dia ada di Rompin. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat cakaplah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul, sebab apa, katanya Yang Berhormat bagi Kepong ini sensitif kepada IT. It’s a good reason. Ini kita satu dialog….

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian ini….

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kepong, bagi saya bertanya sebab ini isu pendidikan yang biasa. Jika kita mengadakan *physical university* lagi, ia mempunyai perbelanjaan yang besar dan di sana pun, pertama, aset mesti belanjanya besar. Yang kedua mesti ada pensyarah. Bermakna kalau kita mahu wujud satu universiti di sana, *SMI virtual*, dengan izin, mungkin core itu kita adakan *virtual* yang khusus dan sampingan di mana senang kita mendapatkan pensyarah, itu mungkin kita ajar secara fizikal. Ini idea yang baik, Kepong. Tolong…. Saya ingat Kepong ini *IT- friendly*, macam ini *IT-unfriendly* pula dah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rompin itu ada sedikit cadangan itu membina juga kerana dia hendak majukan pengetahuan kita secara moden. Itu memang satu perkara yang baik tetapi masalah di Labuan, tidak cukup orang di situ. Kita hendak tarik orang yang datang ke situ. Kalau kita hanya dapat universiti ataupun pelajaran bermaya sahaja, jadi di luar, jauh, tidak datang ke Labuan – itu maksud saya. Kalau Rompin hendak buat bermaya pun boleh. Bukan satu masalah yang salah. Tidak salah langsung.

Tetapi saya mencadangkan supaya sambil kita ada universiti ataupun pelajaran bermaya, fikiran pun tidak boleh bermaya. Fikiran mesti betul-betul memberi perhatian kepada masalah yang pokok. Masalah pokok di Labuan, tidak cukup kependudukan dan kebanyakan penduduk kampung tidak berpendapatan tinggi. Itu masalah di Labuan. Sebab itu kita mesti galakkan.

Ini Yang Berhormat bagi Rompin boleh memainkan peranan, sama ada dia boleh membina pusat membeli-belah di Labuan. Ha, ini satu cadangan untuk Rompin. Dan yang kedua dia boleh memajukan, membantu pihak LPL (Lembaga Pembangunan Labuan) untuk mempromosikan sukan-sukan laut atau aktiviti laut kerana laut yang dalam di sekitar Pulau Labuan. Ini boleh digunakan dengan baik untuk aktiviti atau kegiatan sukan, yachting dan sebagainya sebagai aktiviti laut. Ha, ini memang kita galakkan – ada dwi matlamat kita dan Yang Berhormat bagi Rompin boleh membantu ke atas kedua-dua walaupun dia dulu daripada McGills kalau tidak silap saya, di dalam jurusan kejuruteraan tetapi jurusan kejuruteraan beliau itu nampaknya tidak cukup. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cakap yang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak cukuplah bermaya-maya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itulah *virtual* sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini daripada prasarana, macam mana kita majukan Labuan sebagai menyokong – menumpang kepada apa maksud kita untuk memajukan IOFC ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua …..

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi jalan atau tidak? Dia bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bangun pula, cukup ….., bangun pula. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya, kalaulah Yang Berhormat bagi Kepong dalam MCA, saya yakin dia mesti sudah menjadi Setiausaha Agung. Sebab dia ada idea, ada kepakaran dia tetapi orang DAP tidak nampak yang sebelah itu intan permata bukannya kaca. Kita nampak tetapi dalam DAP sendiri tidak nampak.

Saya hendak bertanya, minta pandangan Yang Berhormat bagi Kepong. Idea Kepong baik, kita perlu mempromosi Labuan. Saya rasa kerajaan bersetuju tentang perkara ini. Saya hendak bertanya sedikit, dalam isu mempromosi ini, kita ada kaedah yang lama dan baru, Kepong, sebab Kepong nampak dia selalu membawa isu IT which I am supporting, dengan izin. Saya hendak bawa satu pengalaman saya, mungkin Yang Berhormat bagi Kepong boleh ulas sekali ini.

Minggu lalu saya balik ke Rompin. Dia ada chalet-chaletnya. Ketua kampung, setiausaha JKKK, orang biasa – 30, 40 unit. Masalah yang lalu saya melawat ialah kebimbangan saya sama ada mereka ini sudah pulih dari segi kedatangan orang, lawatan pelancong oleh kerana kegawatan ekonomi. Mereka dulu takut ke Malaysia, takut itu ini, tetapi dengan ini bagaimana alhamdulillah, dia kata sudah double daripada dahulu. Saya terkejut, bagaimana? Tetapi amat terkejut saya, dia kata peningkatan double ini melalui Internet. Yang saya tahu, ketua kampung cawangan ini menulis surat kepada saya sendiri sebagai wakil rakyat, dia suruh guru

sekolah buat. Bagaimana mereka itu? Bermakna sekarang ini k-ekonomi sudah ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Adakah Yang Berhormat setuju untuk memasarkan Labuan ini, kita juga ikut pendekatan yang baru – IT Internet ini sebab Yang Berhormat bagi Kepong tidak sebut langsung. Dia kata pasar, promosi, strategi, pendekatannya bagaimana. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rompin ini memang dia kalau kita beri dia peluang untuk penjelasan dia hendak berucap, itu masalah kita yang pokok. *[Ketawa]* Kalau dia setakat hendak gunakan Internet sebagai alat untuk rakyat kita itu baik, itu tidak salah kerana Internet ini apa yang kuat untuk kebaikan ada kuat untuk keburukan. Yang Berhormat Rompin boleh memainkan peranan untuk menggalak yang baiklah Yang tidak baik itu, walau tidak dapat kita melalui Internet, mempelajari yang tidak baik, tidak baik juga, ya.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita hendak habis pada 5.30, saya ada banyak perkara lagi yang hendak saya bangkitkan melalui Labuan kerana yang kita balik kepada 62 bank yang ada di Labuan ini yang mengalami kesusahan kerana krisis ekonomi kita. Satu perkara yang hendak saya bangkitkan di sini, saya tidak nampak daripada peruntukkan pindaan ini ialah sebutan mengenai *money laundering*, membersihkan wang juga tidak ada. Sebenarnya, ada banyak orang yang mengesyaki Labuan menjadi salah satu pusat untuk membersihkan wang yang kotor dan inilah sentiasa kita memberi peringkatan kepada pihak kerajaan supaya kita benar-benar memastikan wang yang kita terima di Labuan itu adalah wang yang mengikut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat pun akan jawablah ini, dia akan jawab semua 10 bank ataupun 62 bank ini, bank yang terkemuka di dunia dan sebagai bank yang terkemuka mereka tidak akan terima wang yang kotor. Itu jawapan yang biasa diberi kepada saya dalam tempoh lima, enam tahun ini. Tetapi saya tidak mahu jawapan yang seumpama ini kerana seringkali diulangkan, kepercayaan pun kuranglah.

Saya nampak pihak kerajaan pun sudah melanjutkan insentif termasuk kekurangan cukai ataupun membatalkan cukai di atas pelabur-pelabur termasuk melalui Internet, web diberikan kemudahan untuk inovasi dan interfacing dengan orang-orang yang terlibat dengan IOFC, pelanggan-pelanggan luar pesisir. Dan dengan itu, insentif seperti 60% rebat cukai kepada syarikat amanah yang berakhir pada tahun ini sudah pun dilanjutkan 5 tahun lagi dan rebat percukaian 50% kepada orang-orang luar *'expatriate'* yang akhir pada tahun ini juga dilanjutkan untuk 5 tahun dan seterusnya mengenai 5% elaun bagi perumahan dan kepada orang-orang yang bekerja di sektor awam dan dengan syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan. Mereka diberi pengecualian daripada cukai dari tahun 1998 hingga tahun 2001.

Melalui insentif-insentif ini bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah kerugian ke atas pihak kerajaan kerana pengecualian cukai dan rebat sangat banyak Tuan Yang di-Pertua. Untuk mewujudkan suasana IOFC di Labuan pihak kerajaan bukan sahaja melabur dengan banyak ke atas prasarana bahkan juga insentif-insentif melalui cukai rebat dan pembatalan cukai untuk menggalak orang bertapak di Labuan ini.

Satu perkara lagi iaitu mengenai sistem banking, sistem amanah dan sebagainya, itu satu rangkaian pasaran wang Islam yang mula diadakan di Labuan pada tahun 1997, kalau tidak silap saya. Ini merupakan di rantau inilah satu tapak yang baru, satu usaha yang baru yang diadakan oleh pihak IOFC di Labuan dan sistem ini boleh memberi kemudahan untuk pengurusan *liquidity* untuk selama 24 jam sehari.

Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah terjadi dengan rangkaian pasaran wang Islam ini di Labuan kerana matlamat kerajaan, kalau tidak silap saya hendaklah menjadikan satu pusat kewangan Islam yang terbesar di Asia kalau tidak di dunia. Itu hasrat yang besarlah, cuma semua langkah yang diambil termasuk kualiti kakitangan itu mesti kita jaminkan. Kalau tidak ,seperti badminton kita, Thomas Cup kitalah. *Rhetoric* banyak sebelum ada Thomas Cup kita bukan main di dalam akhbar media masa kita banyaklah yang cerita dengan begitu jaguh orang kita. tetapi apabila ada berlangsungnya kejohanan, nampaknya kita kalah dengan teruk, kecundang sama

sekali. Begitu juga saya berharap hal seumpama ini tidak berlaku dengan pasaran kewangan Islam yang diadakan di Labuan.

Mengenai sistem yang ada, ini sistem perbankan di Malaysia ini tidak begitu mantap, walaupun pihak kerajaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia memang kata ini yang terbaik sekali di dunia, tetapi kita nampak tidak juga, NPL pun banyak dan ada kelemahan-kelemahan dan sebagainya. Kalau dia tidak iktiraf *bail-out*, *bail-out* memang ada, istilah boleh tukar tetapi hakikat dan kenyataan tu boleh dilihat oleh pihak awam. Dan sistem-sistem yang ada sekarang termasuk arkiteklah kerangka kewangan Malaysia ini ada kelemahan termasuk di Labuan, kita perlukan satu pelan induk perbankan termasuk Labuan untuk mengadakan satu rancangan yang menyeluruh yang boleh mengambil kira kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam sistem perbankan di negara ini. Memang ada, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya berharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian mengenai keperluan kita adakan pelan induk perbankan termasuk luar pesisir untuk mewujudkan satu sistem perbankan yang terkemuka di rantau ini, itulah hasrat kita. Tetapi kalau kita sudah adakan ini, sistem kerajaan pun mesti ada terbuka, mesti ada ketelusan, mesti ada keadilan, mesti ada nilai-nilai yang kita harapkan oleh semua rakyat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil bahagian lagilah di dalam satu rang undang-undang lagi mengenai Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2000 yang kemudian dan saya setakat inilah, cuma menyeru sekali lagi kita mengambil perhatian, jangan kita membiayai hampir RM826 juta untuk prasarana dan kita beri kecualian cukai dan insentif cukai yang menarik kepada orang yang pergi ke Labuan dan kemudian kita tidak ada sistem perbankan termasuk kewangan Islam yang sempurna. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin.

**4.11 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyokong Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 2000 yang dibentang dalam Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan kerana mengambil

pendekatan dan usaha untuk memastikan Labuan sebagai satu pusat kewangan luar pesisir akan terus maju dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin, ramai rakyat Malaysia yakin dan mungkin agak bimbang dengan kemelesetan ekonomi baru-baru ini dengan juga dunia yang globalisasi ini, lepas itu penyatuan bank-bank, apakah implikasi kepada rancangan kita untuk menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan luar negara kita yang juga mungkin menjadi satu kebimbangan kita ialah bila Ringgit kita, kita tetapkan kepada USD1 kepada RM3.80 sen, *when we have domesticated* kembali Ringgit kita, *we stop the internalization of our currency*, dengan izin, apa impak kepada Labuan.

Alhamdulillah, kalau kita lihat dari segi akta yang dibentang pada hari ini, sudah semestinya ia merupakan pendekatan dan kaedah kerajaan untuk memastikan rancangan asal negara untuk menjadikan Labuan ini sebagai pusat kewangan dunia akan terus berjaya. Syabaslah, kita minta juga supaya kementerian pada hari ini memaklumkan kita apa lagi kaedah-kaedah dan cara-cara selain daripada kita membentangkan akta pindaan, apa lagi strategi yang lain untuk memastikan Labuan ini terus berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan sedikit untuk melihat syarikat-syarikat yang berada di Labuan ini. Pada peringkat awal kita bimbang tetapi kalau melihat statistik yang ada iaitu daripada…, ini saya bimbang sebab Yang Berhormat bagi Jeli atau Kubang Kerian yang bercakap tadi, bahawa gambaran peringkat awal kedudukan kita di Labuan ini bahawa ini mungkin yang mengambil kesempatan untuk *mileage* politik, anggapan sama ada dalam atau di luar Dewan, anggapan bahawa dengan kegawatan ekonomi ini, Labuan sebagai satu syarikat, satu pusat kewangan luar pesisir lumpuh dan mati, ini mungkin gambaran hendak diberi. Tetapi alhamdulillah ini tidak benar. Mungkin kementerian dan Timbalan Menteri boleh memaklumkan dan memberi jaminan kepada kita, tetapi dengan statistik yang ada dapat saya berkongsi bersama dalam Dewan yang mulia ini, daripada '52' bank-bank yang ada, hanya sembilan sahaja yang domestik, bermakna majoriti yang besar lebih daripada 40, lebih daripada 80% bank kepunyaan syarikat luar. Ini bermakna bahawa dari segi statistiknya …..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Saya hendak tolong dia.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh saya beri, biar saya habis dahulu, saya beri kepada Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tolong dia sahaja, 62 buah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betullah, beri saya habiskan dahulu. Lepas ini saya beri Kepong. Hendak beritahu, terima kasih. 62, tetapi yang pentingnya hanya sembilan ………

*[Yang Berhormat bagi Kepong keluar Dewan]*

Saya sudah beri jalan, hendak keluar juga. Isteri panggilkah? Oh, basuh tangan! Okay. Ingatkan hendak sembahyang tadi. *[Ketawa]*

Daripada 62, terima kasih Kepong, daripada 62, sembilan syarikat tempatan yang lainnya daripada luar negara. Sebagai contoh, Jepun – 9; Perancis – 7; United Kingdom – 6; dan banyak lagi yang lain. Dan daripada ini, hanya satu sahaja yang ditutup, ini kerana penyatuan dua bank. Bermakna tidak ada cawangan di sana yang dipunyai oleh syarikat bank luar negara kita, yang tutup kerana kegawatan ekonomi ataupun yang tutup kerana *currency* kita tidak lagi internasional. Jadi, kita tetapkan Ringgit kita pada USD1 kepada RM3.80 sen, tidak ada kesan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kesan, mesti boleh dikatakan separuh sudah ditutup. Ini hendak beritahu Yang Berhormat bagi Tumpat juga ini, takut beliau salah baca, sebab dia pakar dalam, apa ini…., badan yang dia punya *research foundation* itu, dia masih pengarah – tak tahulah *[Disampuk]* Ha! IKD, lupa. sebab mungkin Yang Berhormat, dia ganti kepada PAS sebagai Pengerusi, saya tidak tahulah, sebab dia ahli PAS sekarang. Hanya pada kad atau pada hati, saya tak tahulah, hanya pada kad, hati tidak pun saya tidak tahulah. Sebab dia bersama dengan saya dahulu, sebab itu saya boleh persoalkan. Kad *guarantee* PAS, hati saya belum tahu, hanya beliau Yang Berhormat bagi Tumpat yang boleh mengesahkannya. Harapan saya hanya kad, hati tidak.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada ini, bahawa dari segi prestasi bank, kegawatan ekonomi itu tidak melumpuhkan kedudukan Labuan sebagai pusat kewangan *offshore* kita, alhamdulillah kita bersyukur, alhamdulillah. Dan kalau kita

lihat juga dari segi deposit juga, bahawa kalau kita banding kepada keadaan masa gawat 1998 depositnya menurun daripada tahun 1997 hanya RM5 bilion lebih kurang turun ke separuh lebih kurang 1998. Alhamdulillah, 1999 naik kadar deposit pada tahap yang sama, *then, we have recovered*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga keuntungan. Kalau kita lihat keuntungan pun, kalau dahulu rugi industri, keuntungan sebelum cukai pada 1997 semua sekali industri ialah kira-kira…, data yang ada dia kira keuntungan sebelum cukai bagi setiap pekerja, 1997 kita untung RM224 ribu tetapi kita untung, tetapi 1998 kita rugi, tetapi alhamdulillah tahun 1999 kita untung balik, *that mean we have recovered*, dengan izin.

Dan kalau kita lihat dari segi pulangan kepada aset juga, 1997 – 0.4 ada *return* yang positif, 1998 negatif kerana kegawatan ekonomi, alhamdulillah tahun 1999 kita positif dan *return*nya positif kembali. Ini jelas bahawa tidak benarlah kalau ada andaian yang mengatakan bahawa Pulau Labuan ini sudah rosak, gawat, alhamdulillah ini tidak benar, ia sudah pulih dan kita sudah semestinya kejayaan ini ialah di antara oleh kerana strategi dan tindakan Kerajaan Barisan Nasional, ini kita ingat, sebab PAS, Terengganu selalu kalau Kerajaan PAS Terengganu, Federal, Kerajaan Barisan Nasional.

Tidak ada orang yang bangun tanya? Tidak ada! Terimalah itu Tuan Yang di-Pertua, dengan itu alhamdulillah.

Kalau kita lihat dari segi kos, ini saya hendak bertanya sedikit kalau boleh dari segi kos ini. Kos pekerja, saya hendak bertanya sedikit, kalau kita mahu memastikan bahawa pusat kewangan Labuan ini terus berjaya, sudah semestinya ia boleh bersaing dengan pusat pesisir yang lain.

Salah satu *attraction* ataupun daya penarik untuk mereka datang ke negara kita supaya ramai dan banyak lagi bank untuk datang ke Labuan, sudah semestinya ada kos pentadbiran mereka. Jadi, saya hendak bertanya sedikit persaingan kita dengan pusat-pusat kewangan *offshore* yang lain di dunia, bagaimana indeks kos kita, sama ada kita nombor tiga atau ke bawah ke atas, tetapi saya yakin mesti ke bawah. Macam mana kita dengan pusat-pusat yang lain di Eropah, *Isle Of Man* dan banyak

lagi pusat yang lain, bagaimana dengan kedudukan kos dan pentadbiran di pusat kewangan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kesempatan yang saya ambil sedikit, mungkin dalam lima atau sepuluh minit, tidak lebih dari sepuluh minit, elok kita jawab pada pukul 4.30 petang, tentang persaingan bank pesisir kita di Labuan ini, bagaimana kalau kita lihat, tadi saya tanya kos pekerja, bagaimana produktivitinya pula. Yang keduanya, bagaimana dari segi pelaksanaan IT kita, adakah kita *paperless* seperti juga pusat-pusat pesisir yang lain. Saya difahamkan di tempat pesisir yang lain, mereka sudah tidak ada kertas lagi, ada bank yang sudah tidak ada kertas, *they have implemented the paperless bank*, dengan izin. Jadi, bagaimana kaedah kita, arah kita kepada menggunakan e-dagang, e-elektronik, e-banking dalam pusat luar pesisir kita di Labuan.

Satu lagi kebimbangan ramai masyarakat di sini ialah bahawa kalau dalam kita hendak mengembangkan Labuan, adakah ia boleh menjejaskan bank-bank tempatan. Sekarang ini kita baru gabungkan bank kita supaya mengikut *anchor bank* sepuluh *anchor bank*. Bermakna adakah mereka ini dengan kita juga memberikan insentif tertentu, menggunakan strategi tertentu untuk membangunkan Labuan sebagai pusat *offshore* kita, adakah ia menjejaskan pertumbuhan bank tempatan di negara kita.

Satu lagi perkara yang saya hendak bertanya di kesempatan ini ialah tentang kita dengar juga ada ura-ura bahawa Brunei satu negara yang berhampiran mungkin ke arah juga untuk menjadikan satu pulau atau kawasan pesisir kewangan ini. Adakah benar rancangan itu? Kalau ia berlaku bagaimana kesan kepada pertumbuhan atau rancangan kita untuk Labuan.

Tentang *money laundering*, saya ingin hendak bertanya sedikit, melahirkan kebimbangan kita bersama dengan Yang Berhormat Kepong. Itu saya bersetuju Yang Berhormat Kepong. We do not want Labuan to be the centre of money laundering in Asia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Mungkin dapat sedikit Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini dan kepada orang ramai, umum, apakah pendekatan yang dibuat.

Saya hendak bertanya, katalah Yang Berhormat Kepong datang dari Hong Kong, orang masuk satu peti duit dalam beg dia, sampai ke hotel di Labuan orang

pegang dia, ikat tangan dia, ambil duit hantar ke bank. Boleh atau tidak duit itu sebagai cash di masukkan ke dalam bank? Can you deposit cash? Ini kalau boleh dibuat bermakna sudah terbuka kepada kaedah untuk *money laundering*.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kesempatan yang saya ambil ialah tadi saya sudah bertanya tentang isu electronic banking, penggunaan dokumen secara elektronik. Perkara yang kedua saya hendak bertanya sedikit ialah tentang….

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun di belakang, Yang Berhormat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, secara umumnya semua akta yang berkaitan dengan peserta-peserta luar pesisir di Labuan mempunyai peruntukan untuk menangani kegiatan pelaburan wang haram di Labuan. Sebagai contoh, bank-bank luar pesisiran di Labuan tidak boleh menerima wang tunai untuk dimasukkan ke dalam akaun bank-bank. Segala urusan dilakukan melalui *telegraph transfer*, ini dapat mengelakkan percubaan membersih duit-duit hasil aktiviti jenayah daripada dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Apakah ini salah satu langkah yang dilakukan untuk memastikan bahawa penyalahgunaan pertukaran wang daripada wang haram dihalalkan boleh dapat dielakkan dengan cara sedemikian? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Jawapan daripada Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen ini. *[Ketawa]* Dia mungkin lantik dua Setiausaha Parlimen oleh Kementerian Kewangan. Ini satu pandangan yang baik. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Mungkin itu boleh menjadikan satu cara, mungkin Dato' Timbalan Menteri boleh mengesahkan nanti, insya-Allah, sama ada itu kaedah yang dibuat oleh bank sekarang ini.

Namun demikian, kita kena hati-hati juga. Mungkin yang dibawa cash itu tidak dideposit di dalam bank tetapi dia boleh beli exchange of invoice dengan satu syarikat trading tempatan dan dimasukkan melalui deposit orang lain and then the other side create an IOU note – credit note or debit note. So, mungkin kaedah-kaedah yang lain juga kerajaan kena berhati-hati memastikan supaya *money laundering* ini, mereka tidak boleh menggunakan pusat kita Labuan sebagai pusat *money laundering*.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya hendak minta bertanya sedikit. Oleh kerana currency kita ini sudah diniagakan di antarabangsa, bermakna skop itu pada peringkat awalnya kita mahu menjadikan sebagai satu aktiviti pusat kewangan kita dari segi trading of futures, Malaysian futures, Ringgit futures memanglah tidak boleh buat sementara. Bagaimana dengan kekosongan aktiviti ini, adakah ia akan ditambah dengan aktiviti yang lain? Adakah instrumen-instrumen yang baru akan dikemukakan mengisi kekosongan sementara semasa ringgit kita ini ditarik sementara daripada ianya dinilai atau diniagakan di pusat antarabangsa?

Tuan Yang di-Pertua, inilah sedikit sebanyak yang dapat saya memberikan sumbangan dan saya menyokong sekali lagi cadangan kementerian untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990 dengan harapan supaya benar-benar kita boleh memajukan Labuan ini sebagai pusat luar pesisir negara bagi manfaat semua, bukan sahaja penduduk di Labuan tetapi penduduk di Sabah dan juga seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat, selepas itu Batang Lupar, selepas itu Menteri menjawab.

**4.27 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mendengar banyak pandangan yang baik dalam perbahasan berkaitan dengan cadangan rang undang-undang meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990 ini.

Memang kita tidak ada masalah untuk menyatakan sokongan dan harapan kita agar rancangan kerajaan untuk mewujudkan dan memperteguhkan IOFC ini sebagai satu dasar untuk kebaikan negara tetapi dalam saya mendengar perbahasan-perbahasan pagi dan petang ini, nampak beberapa kekeliruan juga timbul. Sebagai contoh, terdapat misalnya ucapan-ucapan yang lebih banyak menekankan tentang persoalan Labuan sebagai satu pusat bebas cukai, tentang bagaimana barangan yang dibeli dicukai oleh pegawai kastam dan sebagainya.

Saya rasa kalau kita lihat secara serius, kedudukan atau status Labuan sebagai satu wilayah bebas cukai itu boleh dikatakan seolah-olah tidak ada kena-mengena ataupun kalau kena pun amat sedikit sekali dengan kemajuannya sebagai sebuah pusat

IOFC. Itu kerana mungkin Labuan ini dari awal lagi adalah satu kawasan bebas cukai. Oleh itu perbincangan kita yang agak panjang berkaitan dengan kawasan bebas cukai ini saya rasa tidak sangat mengenai dan bertepatan dengan matlamat kita untuk melihat Labuan wujud sebagai satu IOFC yang maju.

Keduanya, saya mendengar tadi Yang Berhormat bagi Rompin dan Yang Berhormat bagi Kepong berbincang berkenaan dengan universiti maya atau virtual university. Saya tidak ingin menyentuh universiti secara langsung tetapi saya juga hendak merujukkan kepada hakikat dan saya fikir kawan saya daripada Parit Sulong akan setuju dengan pandangan ini. Dunia sekarang ini sedang beralih menuju ke hala penggunaan IT yang amat menyeluruh, sehinggakan saya kadangkala memikirkan bahawa konsep IOFC ini yang ditempatkan dan diwilayahkan dengan sempadan yang fizikal itu, mungkin sudah tidak akan lagi mempunyai erti yang besar dalam masa-masa yang akan datang.

Saya fikir misalnya, mungkin ada baiknya kerajaan memikirkan semula dua dasar besarnya ini iaitu yang pertama, IOFC di Labuan dan kemudiannya setahun dua ini ada pula dasar yang besar juga, belanjanya banyak juga iaitu Multimedia Super Corridor, dengan izin, ataupun Koridor Raya Multimedia. Sebabnya saya fikir dunia perbankan sekarang ini begitu banyak dijalankan melalui IT. Oleh itu, saya rasa adalah sesuai masanya kerajaan meninjau semula kemungkinan menyatukan dua konsep ini supaya kita tidak kerugian dalam bidang perbankan yang pada awalnya mungkin banyak merujuk kepada suatu tempat, dengan sempadannya, dengan kastamnya, dengan bangunan-bangunan besar yang didirikan di Labuan tetapi saya fikir hala tuju dunia perbankan antarabangsa, dunia kewangan antarabangsa sekarang ini kurang sangat memerlukan suatu tempat yang khusus dalam sesebuah negara.

Sebab itulah sekarang ini Brunei mengisytiharkan dirinya akan menjadi suatu negara yang ingin menjadi sebuah pusat kewangan. Oleh itu, dasar untuk mencari dan menentukan satu wilayah dalam satu negara mungkin adalah suatu dasar yang sesuai dalam alaf dan abad yang lalu, mungkin tidak begitu sesuai dalam masa ke hadapan ini.

Dalam kaitan ini saya ingin bertanya berkenaan dengan hakikat yang sudah ada 62 buah bank terwujud di Labuan, yang saya hendak tanya dalam 62 buah bank

yang ada ini, berapakah jumlah pegawai-pegawai, pekerja-pekerja yang benar-benar bermastautin di bank itu di Labuan.

Saya hendak melihat sama ada jumlahnya besar tetapi ianya hanyalah mungkin dikawal daripada Kuala Lumpur atau Singapura atau Hong Kong atau mana-mana, mungkin secara fizikalnya bank itu tidaklah wujud, yang wujud namanya. Dan ini tidak bercanggah dengan undang-undang ataupun sebagainya tetapi saya hendak supaya kita jangan sangat mengharapkan bahawa dengan IOFC itu wujud di Labuan, maka wujudlah bangunan besar, wujudlah perumahan besar, wujudlah syarikat yang berkaitan dengan besar. Sebab saya bangkitkan tadi dalam saya mencelah Yang Berhormat bagi Labuan bahawa hakikatnya, agaknya masih lagi hari ini majikan yang terbesar di Labuan bukanlah dalam bidang kewangan tetapi dalam bidang industri pembinaan kapal dan fabrication factory iaitu Sabah Ship Yard Sdn. Berhad. Jadi, ini hakikat yang mungkin susah untuk kita ubah memandangkan pergolakan dunia IT yang berkembang begitu pesat.

Perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan Labuan sebagai IOFC dalam bidang kewangan Islam. Sekali lagi kita ingin melihat ianya berjaya atau sekurang-kurangnya seluruh negara berjaya tetapi hakikatnya juga tidak begitu menggembirakan kita. Kita membaca laporan beberapa minggu yang lalu, tokoh kewangan Islam yang berwarganegara Malaysia, namanya kalau saya tidak silap Dr. Hasnita yang melancarkan suatu Sistem Kewangan Islam Maya melalui Internet tetapi beribu pejabat di London, saya fikir.

Jadi, ini saya fikir suatu yang agak memalukan kita, kenapa warganegara Malaysia yang pernah berkhidmat di Malaysia apabila hendak mewujudkan dan melancarkan suatu program kewangan Islam yang nampaknya baik, beliau tidak buat di Malaysia. Dan saya jamin Dr. Hasnita tidak dihasut oleh parti PAS kerana beliau berpakaian sahaja saya tengok, mungkin bukannya ahli PAS pun.

Jadi, ini jangan kita kait-kaitkan *[Ketawa]* dengan parti-parti politik, kita lihatlah dari sudut kepentingan keseluruhan negara kita. Jadi, secara ringkasnya …..

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Parit Sulong ya, sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya daripada PAS, saya Barisan Nasional. Tetapi dalam hal ini memang saya ingin berkongsi pendapat mengenai kemungkinan bank-bank yang wujud di Labuan kemudian hari kelak akan beroperasi secara virtual, on line banking dan sebagainya. Bermakna menggunakan alamat Labuan tetapi mereka boleh diuruskan menerusi remote control, menerusi kecanggihan teknologi yang ada.

Ini memang satu hakikat yang saya rasa harus diambil secara serius oleh pihak kerajaan supaya nanti tidak menjadi segala pelaburan yang kita laburkan di Labuan tidak menjadi satu perkara yang redundant dengan perkembangan teknologi yang baru dan juga kemunculan ekonomi yang baru.

Adakah sahabat saya daripada Tumpat mahu mengesyorkan kepada kerajaan sekiranya boleh, walaupun saudara daripada pembangkang, supaya segala facilities yang ada, kemudahan yang ada di Labuan dari segi menggalakkan dan menyuburkan perkembangan perbankan pesisir ini, offshore banking dalam erti yang sama, kita juga harus membuat satu tarikan dengan mewujudkan kemudahan-kemudahan perbankan menerusi sistem ekonomi yang baru iaitu mungkin perbankan on line ataupun perbankan secara virtual dengan satu kesedaran yang amat mendalam dan serius terhadap keselamatan-keselamatan digital transaction yang akan dilakukan kelak. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong tetapi yang saya sebutkan tadi nampaknya hakikat perkembangan, realiti dunia IT itu menghala kepada suasana seperti itu. Mungkin kalau disyaratkan oleh Bank Negara bahawa syarikat itu mesti ada pegawainya atau mesti ada mesyuarat agungnya di Labuan, mungkin setahun sekali, enam bulan sekali mereka datang ke Labuan. Sebab itu saya soal dan ingin tanya tadi berapakah jumlah sebenarnya pegawai yang benar-benar bermastautin di Labuan itu.

Saya fikir agak susah untuk kita menentang arus pergolakan IT ini tetapi lebih baik kita mempelajarinya, memahaminya dan membuat dasar-dasar selepas ini sesuai dengan pergolakan ini. Sebab itulah seperti yang saya bangkitkan dahulu, Tuan Yang di-Pertua, hakikat juga iaitu kajian oleh The Economist Intelligence Unit yang mengatakan bahawa kedudukan Malaysia dari segi rating ataupun penarafan e-

commerce readiness, dengan izin, persediaan atau kesediaan e-perniagaan ini, kedudukan negara Malaysia adalah pada tempat ke-32 daripada 60 buah negara yang dikaji. Ini membimbangkan kita.

Kita mesti membuat pembetulan-pembetulan yang segera supaya pentarafan kita, kesediaan kita dalam e-commerce ini dengan paling cepat dinaikkan tarafnya supaya kita dapat benar-benar berada kalau tidak pun di depan yang lain, berada sealiran sama barisnya supaya kita tidak dimain-mainkan dan tidak ditipu oleh pelabur-pelabur asing yang mungkin hanya ingin mengguna taraf IOFC Labuan itu untuk kepentingan perniagaan mereka yang tidak ada kena mengena dengan kepentingan rakyat dan negara Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batang Lupar. Lepas ini Menteri menjawab.

**4.37 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga bercakap sedikit berhubung dengan Akta Pindaan Luar Pesisir Bank dan Syarikat dan bahkan saya sudah lama menunggu dari pagi tadi, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap keluar berjumpa dengan Speaker Dewan Negara kerana ada urusan.

Saya juga sebagaimana kawan-kawan yang lain mengalu-alukan pindaan ini kerana dengan adanya pindaan ini kita telah membuka sedikit sejarah baru dalam industri perniagaan bank luar pesisir di Labuan. Dan dengan pindaan ini juga kita menyelaraskan perniagaan bank dan kewangan sebagaimana yang wujud di negara ini kerana dalam pindaan inilah diwujudkan satu lagi perniagaan iaitu digelar perniagaan kewangan luar pesisir iaitu telah diwujudkan dalam undang-undang BAFIA berhubung dengan bank tempatan, dalam Banking Financial Institution Act di bawah Schedule Ke-3 kalau tidak salahnya, yang mana kita mewujudkan beberapa perniagaan sebagai kredit, tanda kredit, pembiayaan pembangunan, pemajakan, pemfaktoran dan sebagainya.

Jadi, dengan adanya akta pindaan ini kita telah memperlengkapkan prasarana, perundangan dan penglibatan Labuan yang hendak kita majukan sebagai pusat bank dan kewangan luar pesisir Malaysia. Jadi, dengan itu saya mengucapkan syabas

kepada pihak kementerian dan saya syabas kepada kerajaan kerana telah mewujudkan peruntukan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, banyak, saya pun dengar setelah dari pagi tadi perbincangan-perbincangan berhubung dengan perkara ini. Banyak yang bincang soal cukai, pelancongan, prasarana, pembangunan, pelan dan sebagainya. Ada juga Yang Berhormat bagi Tumpat menyatakan ini tidak relevan. Tetapi saya ingin berlain pendapat dengan Yang Berhormat bagi Tumpat kerana persoalan prasarana kewangan ataupun prasarana bank mestilah ada hubung kait dengan keadaan pembangunan, perancangan dan segala-galanya di Labuan itu sendiri. Dengan itu, saya ingin menyarankan kepada pihak Labuan, LOFSA dan sebagainya dan pihak kerajaan supaya membangunkan Labuan secara teratur, Labuan mestilah diwujudkan dengan mempunyai makro dan mikro planning supaya apa-apa yang hendak dimajukan janganlah bercelaru.

Umpamanya, di mana hotel hendak disimpan, di mana industri hendak disimpan, di mana tempat bangunan-bangunan pejabat kerajaan dan sebagainya hendak disimpan mestilah ada perancangan awal mengikut garis panduan yang telah ditetap sebagai makro planning Labuan itu sendiri. Kerana sekarang kita juga ingin melihat Labuan akan dibangun tempat perindustrian luar pesisir. Kerana tidak lengkap Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bangun tempat ini sebagai industri perbankan dan kewangan luar pesisir Kalau tidak ada dilengkapi dengan segala kemudahan-kemudahan perhotelannya yang sejajar dengan kehendak Malaysia untuk membangunkan negara ini sebagai pusat pelancongan di kawasan ini. Jadi pusat pelancongan ini orang mungkin memikirkan pelancong yang datang. Tuan Yang di-Pertua, ada juga pelancong yang datang untuk beriadah dan melihat kawasan. Tetapi ada juga pelancong yang hendak datang ke sini melihat apa yang boleh dibuat di negara ini - kemudahan yang ada di negara ini. Dalam bentuk ini kita hendak menarik orang datang ke Labuan supaya mereka boleh melihat kemudahan-kemudahan perbankan dan kewangan luar pesisir kita.

Dengan keadaan yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kita mesti membangunkan infrastruktur ataupun prasarana-prasarana pelancongan. Orang yang duduk di hotel-hotel, pegawai-pegawai hotel, penjaga-penjaga hotel, pelayan di hotel

mestilah selaras dibangunkan. Mereka ini kalau sebagai frontliners tidak menunjukkan budi bicara, tatatertib, pekerti yang baik nescaya orang datang hendak bawa duit yang banyak hendak buat business di Labuan seterusnya di Malaysia akan menarik diri, akan lari daripada Labuan. Jadi, inilah sebabnya mengapa pelancongan ini ada perhubungannya dan hospitaliti dan penjagaan hotel dan prasarana pelancongan ini ada banyak hubung kaitnya kepada Labuan sebagai tempat, pusat pembangunan perbankan dan kewangan luar pesisir yang kita hendak majukan sebagaimana yang telah dilengkapkan di dalam pindaan yang di hadapan kita sekarang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, tadi saya ingin hendak bercakap tidak kurang dari tiga jam barulah masalah-masalah yang saya hendak bangkitkan boleh dihabiskan. Tetapi oleh kerana masa saya dipendekkan ini, jadi saya bercakap cara cepat-cepat sikitlah. Ini saya tumpukan yang tidak ada kawan-kawan menyebutkan persoalan perniagaan kewangan luar pesisir ini. Yang ini ada diwujudkan di dalam Malaysia tetapi ini di luar pesisir. Maknanya selaras dengan perniagaan perbankan luar pesisir di Labuan juga. Jadi peruntukan yang diwujud di sini sama juga dengan schedule ataupun third schedule dalam BAFIA (Banking Institution Acts). Jadi, kredit bangunan, tanda kredit, pembiayaan pembangunan, pemajakan, pemfaktoran ini. Jadi, oleh kerana ini diperuntukkan di sini adakah juga syarat-syarat yang berlainan untuk perniagaan syarikat yang ingin berniaga sebagai perniagaan kewangan luar pesisir ini.

Kalau ada syarat-syarat lain berlainan daripada apa yang diperuntukkan dalam undang-undang BAFIA yang dikhaskan untuk undang-undang di Labuan ini apakah syarat itu. Kerana dalam industri perbankan dan kewangan ada dua perkara. Perbankan dan financial institution lain mungkin business yang besar-besaran. Tetapi dalam Third Schedule BAFIA ini atau dalam peruntukan dalam pindaan ini yang Third Schedule dalam BAFIA, perniagaan kewangan luar pesisir ini mungkin perniagaan yang tidak sebesar perniagaan bank dan financial institution, dengan izin. Jadi, kalau dia tidak besar, apakah skopnya, satu-satu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya ini, apakah skop kredit pembangunan, apakah skop tanda kredit, skop pembiayaan pembangunan, skop perniagaan pemajakan dan pemfaktoran.

Kerana ini barang-barang yang baru dalam luar pesisir tidak pernah kita dengar pun. Di luar pesisir, untuk itu ini benda yang baru pada hari ini insya-Allah akan diluluskan dan kita akan menjalankan business ini.

Mungkin saya hendak tahu jugalah manakah letaknya business nanti kalau orang hendak buat tetapi tidak ada business susah juga. Jadi, saya hendak tahu berapa banyakkah sama ada daripada tahap aset dan skop business yang akan boleh dilibatkan oleh pihak-pihak yang berminat dalam bidang perniagaan luar pesisir ini.

Jadi, saya juga ingin menyentuh apa yang disentuh oleh kawan-kawan tadi walaupun di luar itu tidak ada juga benda yang disebut – kawan tidak menyebut, jadi saya akan sebut perkara yang tidak disebut. Kerana saya tidak hendaklah mengulangkan semula perbincangan. Dalam konteks money laundering ini ada dua perkara, pertama, konteksnya mungkin kewangan ini didapati menerusi aktiviti-aktiviti jenayah. Yang kedua, kemungkinan perkara ini didapati menerusi penjualan-penjualan dadah yang mana halal di satu-satu negara tetapi diharamkan di negara ini. Jadi, dalam konteks kedua ini Tuan Yang di-Pertua, kita melihat negara-negara yang terlibat dalam penjualan dadah umpamanya, banyak macam di Columbia, bahkan di Afganistan, Pakistan, golden triangle countries yang termasuk negara di Barat, the northern part dengan izin, sebelah utara negara kita, Turki dan sebagainya. Mungkin kita ada mempunyai perjanjian-perjanjian yang tertentu, peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk menjaga supaya jangan bank-bank yang ada di Labuan ini nanti diguna sebagai satu saluran menerima wang hasil daripada jenayah ataupun dadah yang sebenarnya menerusi satu mekanisme di negara-negara ini sendiri, negara yang saya sebutkan tadi sehingga sampai ke negara kita ini tidak ternampak benda ini sebenarnya hasil daripada aktiviti-aktiviti haram. Apakah mekanisme, ini yang saya hendak tanya. Kalau kita sudah buat agreement, buat macam agreement dengan negara-negara luar supaya money laundering tidak ada, wang daripada jenayah tidak ada masuk itu adalah perjanjian, tetapi mekanisme bank ini sendiri untuk menghalang supaya duit ini tidak menjadi dihalalkan apabila keluar daripada bank kita. Bahkan pinjaman juga boleh dibuat Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh buat satu instrument di antara saya dengan satu badan di luar negara umpamanya di Colombo dan saya bayar duit balik kepada orang Colombo, saya macam berhutang dengan orang Colombo.

Tetapi duit itu di antara saya, saya hantar balik bayar hutang. Dengan sendirinya nampak transaction saya adalah halal, tetapi sebenarnya itu satu mekanisme sahaja. Dan apakah pemantauan supaya agreement atau persetujuan-persetujuan kita dengan pihak luar negara untuk tidak diguna sebagai money laundering itu dapat diatasi. Kerana kita melihat kalau semua orang tahu melihat wayang gambar dan sebagainya, kita baca surat khabar. Dulu Swiss Bank menjadi satu bank yang masyhur oleh kerana siapa sahaja yang dapat duit rasuah, duit jenayahkah, duit dadahkah boleh masuklah dalam unnumbered account ataupun numbered account di Swiss Bank. Selepas itu dimasuk Swiss Bank, orang berkenaan boleh ambil turun keluar wang itu menerusi bank-bank lain dan didraw down daripada bank lain dengan izin, dan dengan sendirinya duit itu sudah boleh dikeluarkan.

Jadi mekanisme ini adalah amat penting bagi kita supaya Labuan itu tidak menjadi satu *center* yang boleh diguna pada pihak-pihak ini. Jadi Datuk Yang di-Pertua, saya juga ingin…., ada lagi masa sikit, sikit saja Datuk saya akan tamatkan persoalan saya ini. Dalam persoalan *electronic application* ataupun IT ini. Adakah kita melihat juga iaitu zaman IT telah sampai ke negara kita dan sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat juga saudara Yang Berhormat bagi Parit Sulong, orang yang berminat dengan soalan IT dan sebagainya dan saya juga berminat soalan IT ini walaupun belum lagi menjadi satu amalan kepada semua tapi ini mestilah menjadi satu praktik yang akan dibuat dan dengan IT ini juga banyak benda yang secara bersurat dahulu boleh dikesan tetapi dengan cara elektronik ini kemungkinan ini tidak boleh dikesan dengan begitu jelas dan transaksi bank dan sebagainya mungkin juga tidak dapat dikesan dengan begitu cepat oleh pihak pengawal selia sebagaimana yang telah diperuntukkan dan apakah mekanisme supaya semua perkara yang kita deal mengikut apa segala rekod pemfailan dan sebagainya menerusi elektronik ini boleh dijaga dengan begitu baik dan tidak menjadi satu lagi…, mungkin *hackers* boleh *penetrate* kita punya *secrecy* dan masuk dalam kita punya *wave* dan cari kita punya rahsia dan sebagainya.

Macam manakah tindakan yang kita telah wujudkan, mekanisme yang telah kita wujudkan supaya perkara ini tidak berlaku, supaya bank kita walaupun kita hendak transparen tetapi kita tidak hendak menjadi benda ini rahsia bank kita menjadi

satu benda terbuka kepada sesiapa saja yang boleh memecah masuk ke dalam fail elektronik yang kita wujudkan untuk bank kita di Labuan dan keselamatan di Labuan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya memohon dan berharap kepada kementerian supaya keselamatan di Labuan itu dijagakan. Kebaikan umpamanya *planning* Labuan mestilah dibuat dengan teratur dan keselamatan Labuan itu mestilah teratur. Kerana tidak siapa yang menyangka Sipadan boleh menjadi sebagai demikian, kemungkinan juga Labuan boleh menjadi begitu kerana saya pernah diberitahu Datuk Yang di-Pertua, iaitu penyeludup ini membeli enjin berkuasa 200 *horse power* di Sarawak, empat biji, simpan dalam satu bot dan bot ini lebih laju daripada bot-bot polis dan bot-bot *navy* dan boleh melarikan diri daripada kesan dan tangkapan pihak polis dan *navy*. Jadi kita tidak boleh pandang ringan kerana kita tidak mahu perkara-perkara yang buruk berlaku di Labuan dan langkah keselamatan adalah amat penting kepada kita.

Persoalan yang penghabisan iaitu persoalan *Islamic banking*. Saya cukup percaya kita boleh menguasai alam ataupun dunia *Islamic banking* ini kerana kita lebih dahulu menjelajah alam ini bahkan lebih dahulu daripada pihak Brunei. Jadi dengan itu saya tidak ingin bertanya macam mana kerajaan akan mengatasi soalan Brunei hendak buat, tak apalah persaingan yang baik, persaingan yang secara terbuka adalah baik untuk pihak bank kita.

Datuk saya ingin bertanya juga soalan bank ini kerana saya ada masalah sedikit oleh kerana pertukaran wang. Secara peribadi, saya tahulah perkara ini berlaku, banyak bank di negara kita ini tidak terima duit Amerika. Ini ganjil, duit Amerika ada dua *series*, satu yang dibuat pada tahun 70-an, 80-an dan satu lagi yang baru, yang dahulu dia punya gambar besar, yang baru gambar dia kecil, *the safety features* dia bertambah. Jadi yang lama ini tidak diterima oleh pihak bank di Malaysia. Kalau terima pun tidak melebihi USD500 sahaja. Saya baru menguruskan satu aktiviti peringkat antarabangsa. Saya menerima duit Amerika sebanyak USD30 ribu kerana dibawa oleh pendatang kerana orang yang datang itu diminta bayar dengan duit Amerika. Jadi sekarang kita dah simpan duit ni, tak boleh ditukar, pihak bank tak boleh bayar sebab duit lama ini tidak diterima pihak bank. Kenapa ini berlaku dan ini mungkin ada masalah juga di Labuan kerana kalau inilah berlaku,

orang bawa duit ke Labuan, bawa duit hendak digunakan macam ini, jadi nampaknya kita Malaysia tidak cekap dan canggih. Sepatutnya …., saya dah berbincang dengan pihak American Embassy,, duit ini memang halal, bukan buat duit palsu, kenapa tidak boleh dipakai.

Jadi pihak bank patutlah prihatin perkara ini. Barang yang dianggap legal tender itu sepatutnya diterima oleh pihak bank dan tidak boleh tidak diterima oleh kerana kalau tidak diterima kredibiliti kita akan terjejas dan masyarakat kita juga akan mendapat kesan yang tidak baik. Jadi Datuk Yang di-Pertua, saya berharap dengan pembukaan dan perluasan perniagaan bank dan perniagaan kewangan di Labuan ini kita mendapat kesan yang baik daripadanya dan saya berharap pentadbiran perbankan dan kewangan di Labuan adalah memiliki satu etika yang baik, disiplin yang baik dan tidak menunjukkan pendekatan yang kurang manis, kurang baik kerana saya pernah pergi ke Labuan Datuk, untuk berhubung dengan pihak bank berbincang soal pinjaman-pinjaman daripada syarikat-syarikat yang saya wakili dan saya dapati kadang-kadang *cost of fund* daripada Labuan itu tidaklah membuat tarikan kepada saya pada ketika itu.

Saya berharap ini dilihat juga kerana banyak saingan dengan *foreign ventures companies* dalam soalan teknologi tinggi dan sebagainya sekarang, datang ke negara ini. Saya tak tahu sama ada menerusi badan, cara-cara lain atau menerusi Labuan tapi kita mestilah prihatin persoalan *foreign ventures* yang sekarang mengalir di dunia *high technology* yang sedia memberi pertolongan dan kita berharap Labuan boleh memberi persaingan hebat dan mempertahankan kedudukan kita supaya Labuan boleh maju sebagai pusat perbankan dan kewangan luar pesisir.

Terima kasih. Dengan itu saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta Menteri menjawab.

**5.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada sembilan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun berbahas dan

membincangkan mengenai untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990. Saya akan pergi kepada isu-isu yang penting, tidak kepada orang perseorangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan dan hasrat tetapi saya rasa elok sekiranya kalau saya pergi kepada isu-isu kerana banyak isu yang dibangkitkan bertindih di antara Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat bagi Labuan, Jeli, Kepong dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah pun menanyakan sejauh manakah pindaan terhadap Akta Bank Luar Pesisir akan dapat meningkatkan taraf industri perbankan luar pesisir di Labuan.

Terdapat lebih daripada 50 Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa di seluruh dunia. Ini termasuklah apa yang dikatakan tadi di tempat-tempat yang lain, di pulau-pulau yang lain tetapi untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita lihat critical massnya ialah 61 bank yang terkemuka di dunia ada di Labuan, 62 insurance companies ada di Labuan, 20 trans-companies ada di Labuan, 1,760 none-trading companies ada di Labuan, 8 leasing dan 6 fund management companies berada di Labuan. Jadi, dengan itu kita lihat bahawa Labuan dipenuhi oleh bank-bank asing, insurance companies dan trans-companies, none-trading companies dan sebagainya.

Dalam usia yang agak mentah berbanding dengan pusat kewangan luar pesisir yang lain, yang telah jauh ke hadapan, Labuan perlu sentiasa berdaya saing dengan pusat-pusat kewangan luar pesisir yang lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Labuan yang telah menyatakan masalah ini. Pindaan yang dicadangkan merupakan satu usaha yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan bahawa Labuan terus berdaya saing. Ini adalah kerana pindaan yang dicadangkan akan memperluaskan skop aktiviti pemiagaan kewangan di Labuan.

Pindaan ini adalah juga akibat peningkatan minat serius yang ditunjukkan oleh institusi bukan bank dalam aktiviti kewangan seperti memajakkan dan pemfaktoran. Pindaan yang dicadangkan juga akan meningkatkan kecekapan dalam sistem pembayaran yang digunakan dalam sektor kewangan iaitu dengan pengenalan operasi pemindahan wang secara elektronik selari dengan perkembangan pusat e-

dagang. Faktor ini juga akan mempengaruhi daya saing Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir yang ulung di rantau ini.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah pun menanyakan adakah pindaan terhadap Akta Bank Luar Pesisir akan menjejaskan pasaran kewangan domestik. Ini yang dikatakan internalization of our money, dengan izin. Pindaan yang dicadangkan secara amnya bertujuan untuk mengekalkan daya saing Labuan sebagai satu Pusat Kewangan Luar Pesisir. Menerusi pindaan yang dicadangkan adalah dijangka bahawa Labuan akan berjaya menarik institusi-institusi bukan bank untuk menjalankan aktiviti kewangan seperti pemajakan dan pemfaktoran di Labuan. Ini adalah kerana institusi ini tidak perlu mendapatkan lesen Perbankan Luar Pesisir dan mereka adalah tertakluk kepada prosedur pendaftaran yang lebih ringkas.

Kewujudan perniagaan baru di Labuan bagi menarik pelabur-pelabur baru haruslah dialu-alukan. Ini adalah kerana secara tidak langsung pertumbuhan ekonomi di Labuan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia amnya. Dari segi ini Labuan hanya memainkan peranan sebagai pelengkap sahaja kepada sistem kewangan negara.

Yang Berhormat bagi Rompin juga telah menanyakan sejauh manakah syarikat Luar Pesisir di Labuan yang telah didaftarkan sebagai syarikat pemajakan dan berapakah nilai keseluruhan aset pajakan. Industri pemajakan telah mengalami pertumbuhan melebihi 100% tetapi sebanyak 18 buah syarikat pemajakan yang telah didaftarkan di Labuan setakat ini berbanding dengan hanya 8 syarikat pemajakan dalam tahun 1999. Ini merupakan petunjuk positif terhadap pertumbuhan industri pemajakan di Labuan. Nilai keseluruhan aset pajakan adalah dianggarkan sebanyak US$1,452.4 juta atau bersamaan dengan RM5,519.12 juta.

Yang Berhormat bagi Sipitang dan Kubang Kerian telah menanyakan mengenai kos yang terlibat dalam menjelaskan sistem pemfailan dokumen secara elektronik di LOFSA ataupun di Labuan. Sistem pemfailan dokumen secara elektronik akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat iaitu dalam tiga fasa. Fasa pertama melibatkan penyemakan semula dan pengubahsuaian up-grading daripada perkhidmatan kaunter secara manual kepada sistem berkomputer. Fasa

kedua melibatkan penyerahan statutory document melalui disket kepada LOFSA. Fasa terakhir membolehkan LOFSA untuk memperkenalkan pemfailan secara elektronik, di mana syarikat amanah boleh membuat penyerahan dokumen melalui internet. Secara keseluruhannya LOFSA telah membelanjakan lebih kurang RM1.5 juta bagi tujuan penyediaan infrastruktur yang berkaitan dengan sistem pemfailan tersebut.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah menanyakan mengenai apakah terdapat sebarang implikasi kepada peraturan-peraturan mata wang asing kepada Labuan. Ini juga telah ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Secara amnya, aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir di Labuan tidak terjejas oleh langkah-langkah keluaran mata wang memandangkan aktiviti perniagaan luar pesisir adalah berasaskan mata wang asing dan bukan berasaskan ringgit.

Syarikat-syarikat luar pesisir masih boleh memindahkan dana mereka di dalam bank-bank luar pesisir dengan bebas tanpa perlu mendapatkan kelulusan Bank Negara. Syarikat luar pesisir juga masih dibenarkan untuk membuka akaun luaran (external account) dalam ringgit untuk kegunaan pembelian aset dan perbelanjaan pengurusan syarikat seperti membayar gaji pekerja dan sebagainya di Labuan.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Kepong dan juga Mambong telah pun menanyakan tentang langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani kegiatan pelaburan wang haram di Labuan, money laundering, dengan izin. Secara umumnya, semua akta yang berkaitan dengan peserta-peserta luar pesisir di Labuan mempunyai peruntukan untuk menangani kegiatan pelaburan wang haram di Labuan. Sebagai contohnya, bank-bank luar pesisir di Labuan tidak boleh menerima wang tunai untuk dimasukkan ke dalam akaun-akaun bank yang berkenaan. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Segala urusan dilakukan melalui telegraphic transfer. Ini dapat mengelakkan percubaan membersihkan duit-duit hasil aktiviti jenayah daripada dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Jadi, Bank Luar Pesisir Labuan telah diwajibkan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan basal community on banking regulation and supervisory practices, dengan izin, yang berkaitan dengan prevention of criminal use of the

banking system for the purpose of money laundering, dengan izin, dan statement of principal, dengan izin. Di antara keperluan utama di dalam peruntukan tersebut ialah Bank Luar Pesisir dikehendaki untuk berjaga-jaga atau bersifat vigilant, dengan izin, dalam operasi mereka. Mereka dikehendaki untuk mengenal pasti latar belakang pelanggan atau know your customers, dengan izin, apabila pelanggan membuka akaun di bank tersebut.

Seterusnya sebuah Syarikat Luar Pesisir di Labuan adalah dilarang untuk menerbitkan saham pembawa ataupun bearer share untuk mengelakkan penukaran wang haram ke dalam bentuk saham-saham. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir 1996 juga telah dipinda untuk membolehkan LOFSA untuk meminta maklumat daripada Institusi Kewangan Luar Pesisir di Labuan sekiranya didapati sebuah Institusi Kewangan Luar Pesisir itu melakukan sesuatu transaksi yang meragukan.

Malaysia juga telah menganggotai Asia Pacific Group On Money Laundering (APG), dengan izin, yang bertujuan untuk menangani…..*[sistem pembesar suara tidak berfungsi]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tekan yang lain, Yang Berhormat. Nasib baik ada api, tidak ada juga? Saya ada, saya ada, Dato’ tak ada ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sini ada. Sistem barulah. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya ingat tadi Yang Berhormat bagi Kepong tidur.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak ada sistem perbankan, sistem pembesar suara yang baru di Dewan.

**Beberapa Ahli:** Ala….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, satu barisan itu tidak ada. Saya izinkan mana yang ada.

**Beberapa Ahli:** Belakang ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang di belakang ada, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sini pun ada, Tuan Yang di-Pertua, baik sinilah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jauh sedikit, sana dekat ya. *[Ketawa]*

**Tuan Moktar bin Radin:** Sini pun ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Satu, yang pertama jauh. Yang kedua, nanti orang kata Barisan Nasional sudah menyeberang ke DAP. *[Ketawa]* Ha, teruskan jawapan. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan merupakan satu usaha….. minta maaf. Malaysia juga telah menganggotai Asia Pacific Group On Money Laundering (APG) yang bertujuan untuk menangani kegiatan pelaburan wang haram. Wakil daripada LOFSA turut menghadiri mesyuarat kumpulan ini di Bangkok dan Sydney yang membincangkan cara-cara untuk menangani kegiatan pelaburan wang haram tersebut. Kesimpulannya, LOFSA adalah bersungguh-sungguh untuk memastikan Labuan adalah bebas daripada dilabelkan sebagai seolah-olah sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir yang menjadi tumpuan untuk kegiatan pelaburan wang haram berkenaan. Jadi keraguan Yang Berhormat bagi Kepong, Sipitang, Batang Lupar dapat kita atasi.

Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Sipitang, Yang Berhormat bagi Rompin telah menanya apakah langkah-langkah atau akan diambil dalam memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir dalam menghadapi kemunculan Brunei sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir. Ini juga telah ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat. Berbagai langkah telah diambil dalam usaha membangunkan Labuan menjadi sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir yang unggul di rantau ini. Antara langkah yang telah diambil ialah menjadikan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Islam Antarabangsa melalui penubuhan pasaran kewangan Islam antarabangsa (IIM) berdasarkan konsep persepakatan bestari (smart partnership) antara LOFSA, Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Agensi Kewangan Bahrain (BMA).

Penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) untuk menyediakan kemudahan penyenaraian dan urus niaga untuk memenuhi keperluan pelanggaran

pelanggan antarabangsa yang mendapat perkhidmatan daripada Peserta Luar Pesisir di Labuan.

Bursa ini akan menyediakan kemudahan penyenaraian dan perdagangan bagi pelbagai produk kewangan dan bukan kewangan termasuk dana, bon, derivative, produk berkaitan insurans dan mungkin harta intelek. Bursa ini akan menerima pakai amalan pasaran antarabangsa bagi tujuan untuk menarik minat pelabur asing berurus niaga dalam bursa tersebut.

Pengenalan pintu laluan e-dagang (e-commerce gateway) yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Labuan tadi ialah bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkomprehensif mengenai Labuan IOFC. Pelanggan di seluruh dunia boleh mengetahui produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh pelbagai peserta di Labuan menerusi pintu laluan e-dagang ini. Adalah dijangkakan pintu laluan tersebut apabila mula beroperasi kelak akan jadi mekanisme yang strategik dan berkesan untuk menembusi pasaran global.

Cadangan untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat pentadbiran dan pemerosesan serantau atau dengan izin, Regional Processing and Administrative Centre, Labuan adalah dianggap strategik untuk tujuan tersebut memandangkan Labuan mempunyai talian komunikasi yang berkuasa tinggi serta kos penyelenggaraan dan pentadbiran syarikat yang lebih rendah daripada tempat-tempat yang lain.

Oleh kerana LOFSA telah membuat rancangan yang teratur untuk memastikan daya saingan berterusan, ia tidak akan terjejas dengan penubuhan Brunei sebagai satu Pusat Kawalan Luar Pesisir, malah saingan sebegini dilihat secara positif dan ia merupakan faktor yang akan mendorong LOFSA untuk meningkatkan usaha-usahanya untuk meningkatkan prestasi dan aktiviti kewangan dan perbankan luar pesisir di Labuan secara berterusan.

Yang Berhormat bagi Labuan dan Kepong telah menanyakan tentang langkah yang diambil untuk memastikan Labuan dikenali sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir yang mempunyai kelebihan atau *'niche'* dalam kewangan Islam. Rangka kerja perundangan yang sedia ada membenarkan institusi-institusi kewangan luar pesisir Labuan untuk menjalankan aktiviti kewangan konvensional dan secara Islam. Pada

masa yang sama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir (LOFSA) sentiasa mengadakan forum dengan pihak berkuasa kewangan negara-negara Islam yang lain bagi menggalakkan institusi-institusi kewangan di negara-negara tersebut untuk memulakan operasi di Labuan.

Bagi merealisasikan objektif tersebut, LOFSA sedang mengambil langkah menubuhkan sebuah pasaran wang antarabangsa Islam di Labuan. Perkara ini dijangka akan memulakan operasinya dalam bulan Oktober ini dengan pengisytiharan penjualan bon. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, seorang wanita Melayu telah pun membuka pasaran saham Islam di London dan tidak di Malaysia, ini memalukan tetapi ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa wanita tersebut berkahwin dengan orang London, bermastautin di sana dan mereka tinggal di sana dan tidak tinggal di Malaysia.

Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, adalah dianggarkan sebanyak AS800 bilion modal Islam beku kepunyaan individu dan institusi Islam dilaburkan dalam bank-bank konvensional di seluruh dunia. Keadaan ini berlaku kerana permintaan terhadap produk kewangan Islam tidak dapat dipenuhi oleh institusi kewangan Islam.

Jadi, kini terdapat lebih kurang 300 institusi kewangan Islam di seluruh dunia dengan anggaran dana terkumpul sebanyak AS200 bilion dan angka ini makin meningkat pada kadar 10%-15% setahun. Tambahan pula pelanggan institusi perbankan dan kewangan Islam tidak terhad kepada negara-negara Islam sahaja tetapi telah tersebar ke Eropah dan Amerika Utara. Sebagai contoh, banyak institusi perbankan United Kingdom menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan Islam termasuk pengurusan dana. Malah United Kingdom dimiliki oleh individu, malah United Kingdom mempunyai lebih AS200 bilion kecairan yang dimiliki oleh individu dan merupakan pasaran tunggal terbesar sekali untuk kewangan dan perbankan Islam.

Jadi, sehubungan dengan itu pertumbuhan Pasaran Wang Islam Antarabangsa atau International Islamic Money Market yang dilaksanakan melalui konsep persepakatan dan bestari antara Lembaga Perkhidmatan Kawalan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), Bank Pembangunan Islam (IDB) dan agensi kewangan Bahrain

(BMA) yang saya katakan tadi akan menjadi pencetus kepada penghasilan produk, kecairan dan minat di kalangan institusi-institusi kewangan Islam dengan matlamat amnya untuk meningkatkan pasaran modal Islam dan bermula bulan Oktober 1999 keahlian persepakatan bestari telah meningkat dengan kemasukan Bank Indonesia, Kementerian Kewangan Brunei, Kementerian Kewangan Saudi Arabia dan Kementerian Kewangan Iran serta Bank Pusat Sudan. Dengan penglibatan dan sokongan padu agensi-agensi kerajaan berkenaan, penubuhan IIMM yang dijangka akan dilaksanakan dalam bulan Oktober 2000 akan berjaya di Labuan.

Yang Berhormat bagi Jeli menyatakan bahawa polisi yang sama di Labuan berkaitan dengan penstrukturan semula institusi perbankan yang melihat penggabungan institusi kewangan domestik. Jadi, ingin juga saya menyatakan mengenai Yang Berhormat bagi Rompin telah menanyakan mengenai perkara yang sama. Memandangkan institusi perbankan luar pesisir adalah merupakan cawangan bank-bank antarabangsa yang terbesar di dunia, maka polisi yang sama tidak boleh terpakai kepada institusi perbankan luar pesisir. Ini adalah kerana penggabungan bagi institusi perbankan luar pesisir hanya boleh dilaksanakan sekiranya langkah penggabungan dimulakan di negara asal institusi perbankan tersebut. Pada masa kini terdapat beberapa bank luar pesisir yang telah menyerahkan semula lesennya kerana penggabungan.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah pun menanyakan adakah benar bahawa dakwaan terdapat bank-bank luar pesisir yang memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat domestik dan tidakkah tindakan ini akan menjejaskan pasaran kewangan domestik. Secara amnya bank-bank luar pesisir di Labuan hanya boleh berurus niaga dalam mana-mana mata wang lain selain daripada mata wang Malaysia dan hanya dengan bukan residen.

Walau bagaimanapun kelonggaran akan diberi dalam keadaan-keadaan tertentu di mana satu syarikat domestik ataupun residen telah kehabisan usaha untuk mendapatkan pinjaman. Dalam keadaan ini syarikat domestik tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Bank Negara Malaysia. Kelonggaran sebegini selalunya dibenarkan dalam keadaan di mana pinjaman yang berkenaan diperlukan bagi membiayai projek yang berkepentingan nasional.

Projek-projek yang dikaitkan sebagai projek yang berkepentingan nasional adalah projek-projek infrastruktur pinjaman yang melibatkan syarikat-syarikat yang terlibat di dalam program penyusunan hutang di bawah penyeliaan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat Bank Negara Malaysia dan projek-projek yang melibatkan syarikat-syarikat Koridor Mutlimedia. Ini menunjukkan bahawa sektor perbankan luar pesisir bukanlah satu sektor yang *rigid*, ianya juga boleh membantu pembangunan sektor swasta domestik sekiranya memang benar bahawa projek yang memerlukan pembiayaan tersebut mempunyai kepentingan nasional.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Tumpat juga telah menanyakan adakah penubuhan Labuan sebagai satu pusat kewangan luar pesisir telah menampakkan hasilnya kepada pembangunan Labuan dan penduduk setempat. Pada hari ini Labuan IOFC telah berjaya menarik 2,164 buah syarikat untuk beroperasi di Labuan, terdapat 51 bank luar pesisir, 63 syarikat insurans, 18 syarikat pemajakan, 6 syarikat pengurusan dana, 19 syarikat amanah, 19 syarikat audit dan 19 syarikat pembubaran. Selebihnya merupakan syarikat dagangan dan bukan dagangan. Jumlah ini menunjukkan satu pertumbuhan yang pesat kerana pada tahun 1991 terdapat hanya 50 buah syarikat luar pesisir yang beroperasi di Labuan.

Dari segi pendidikan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, kita dapat melihat pelbagai kemajuan dan kemudahan dibangunkan untuk dinikmati oleh rakyat Labuan. Labuan kini mempunyai kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah yang dikenali sebagai Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) yang menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan institusi kewangan luar pesisir. Langkah kerajaan ini merupakan sokongan dan komitmen kerajaan yang berterusan untuk membangunkan Labuan khususnya sebagai pusat luar pesisir antarabangsa.

Perkara ini juga secara tidak langsung akan memberi peluang pendidikan kepada penduduk tempatan di Sabah dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa kapasiti untuk pelajar di sana ialah sebanyak 6,000 dan mereka ini mengambil subjek atau disiplin berhubung dengan kewangan luar pesisir dan International Financial Institution dan juga pelajar-pelajar juga membuat praktikal di luar pesisir

Labuan dan juga separuh daripada tenaga pengajar didapati daripada bank-bank IOFC yang berada di Labuan.

Dengan kemudahan struktur yang terdapat di Labuan juga, ia memuaskan walaupun dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak ada jabatan dan sebagainya. Komitmen kerajaan untuk membangunkan Labuan tidak dapat dinafikan, pada tahun lepas sebuah terminal baru lapangan terbang telah diadakan. Kemudahan ini bertujuan untuk memudahkan perjalanan keluar masuk para peniaga dan pelabur yang berurusan dengan institusi kewangan luar pesisir Labuan.

Mengenai sekuriti, kita tahu bahawa di Labuan kita ada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ditempatkan di sana selain daripada pihak polis yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Labuan. Kini, usaha-usaha sedang diambil untuk menjadikan Labuan sebagai pusat tarikan pelancong dan tidak dapat dinafikan bahawa usaha-usaha sebegini akan menelan belanja yang banyak tetapi pada masa yang sama ia boleh menimbulkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan menyumbang kepada pendapatan negara.

Juga Ahli Yang Berhormat tadi telah pun menanyakan mengenai cukai – Yang Berhormat bagi Kepong telah menyatakan beberapa cukai yang dapat kita lakukan sebagai insentif, tiada cukai pegangan bagi dividen yang dibayar oleh syarikat luar pesisir di Labuan, tiada duit pewarisan kematian atau harta pusaka di Labuan, pengecualian daripada membayar duti setem bagi semua urusniaga, faedah daripada perjanjian percukaian dua kali yang ditandatangani dengan lebih 40 buah negara di mana 37 daripadanya telah berkuat kuasa dan perjanjian jaminan pelaburan dengan lebih kurang 60 buah negara dan pengecualian daripada cukai sebanyak 5% daripada pendapatan penggajian kasar yang diperolehi oleh seorang bukan bermastautin, pengecualian daripada cukai sebanyak 65% daripada pendapatan berkanun yang diperolehi oleh seseorang bagi memberi perkhidmatan undang-undang, perakaunan, kewangan, kesetiausahaan termasuk perkhidmatan yang diberi oleh sesebuah syarikat amanah kepada syarikat luar pesisir di Labuan.

Pengecualian daripada cukai sebanyak 5% daripada elaun-elaun perumahan dan wilayah yang diterima oleh pemastautin dan pekerja dalam sektor kerajaan,

pengecualian daripada cukai sebanyak 5% daripada pendapatan kasar, tiada cukai bagi pendapatan yang dibayar oleh syarikat luar pesisir kepada syarikat tempatan. Yang Berhormat bagi Labuan telah pun menyarankan supaya MITI dapat memberikan lesen cukai FTZ di Labuan, kita akan mempertimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya kepada isu-isu yang dibangkitkan. Mana-mana isu yang tidak saya sentuh akan dijadikan sebagai pedoman dan pandangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pilihan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR (PINDAAN) 2000

### Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

**5.25 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 (ASLP) mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1990. Ia mengandungi peruntukan undang-undang yang komprehensif bagi penubuhan, pendaftaran dan pengawalseliaan syarikat luar pesisir di Labuan. Kali terakhir ASLP dipinda ialah pada tahun 1998. Peruntukan ASLP perlu dipinda dari masa ke semasa bagi memastikan peruntukannya tidak ketinggalan zaman serta sejajar dengan perkembangan terkini dalam sektor korporat. Dalam usaha untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang berdaya saing dan terulung, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) selaku agensi kawal selia Sehentian Labuan IOFC telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan satu sistem yang membolehkan dokumen-dokumen syarikat luar pesisir difailkan secara elektronik.

Segala infrastruktur yang berkaitan dengan sistem tersebut telah pun tersedia pada sistem pemfailan dokumen secara elektronik ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa. Namun demikian, sistem tersebut tidak dapat dilaksanakan pada masa ini kerana peruntukan ASLP tidak membenarkan pemfailan dokumen dilakukan secara elektronik. Akta Syarikat 1995 yang terpakai pada syarikat domestik telah dipinda pada tahun 1998 bagi membolehkan syarikat-syarikat domestik memfailkan dokumen-dokumen syarikat dengan Pendaftar Syarikat secara elektronik. Justeru itu, adalah tepat pada masanya bagi LOFSA mengambil langkah yang sama untuk meminda ASLP dan melaksanakan sistem pemfailan dokumen secara elektronik.

Pindaan segera perlu dibuat kepada ASLP agar Labuan IOFC maju menurut arus perkembangan semasa. Pindaan ini juga akan meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran syarikat luar pesisir. Secara ringkasnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertajuk berikut:

(i) mempastikan peruntukan ASLP tidak ketinggalan zaman dan sejajar dengan perkembangan semasa dan aspirasi Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kerajaan eletronik;

(ii) memperkemaskan dan menyelaraskan prosedur pemfailan dokumen oleh syarikat luar pesisir dengan membenarkan pemfailan dilakukan secara elektronik; dan

(iii) memudahkan urusan penubuhan syarikat luar pesisir.

Peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Fasal 1 – bertujuan memperuntukkan satu tajuk ringkas dan tarikh mula berkuat kuasa akta pindaan.

Fasal 2 – bertujuan untuk meminda akta ibu iaitu dengan memasukkan peruntukan baru, Seksyen 9A, 9B dan 9C yang membolehkan pendaftar untuk memberikan perkhidmatan pemfailan dokumen secara elektronik.

Subseksyen 9A(1), membenarkan pendaftar untuk menyediakan perkhidmatan pemfailan dokumen secara elektronik.

Subseksyen 9A(2), membenarkan syarikat amanah pelanggan perkhidmatan pemfailan dokumen secara elektronik yang disediakan oleh pendaftar iaitu dengan membayar fi yang ditentukan oleh pendaftar.

Subseksyen 9A(3), memperuntukkan bahawa dokumen yang difailkan atau diserahkan kepada pendaftar adalah disifatkan telah difailkan sekiranya dokumen tersebut dihantar kepada pendaftar menurut cara elektronik atau yang dibenarkan oleh pendaftar.

Subseksyen 9A(4), memperuntukkan kuasa kepada pendaftar untuk menentukan dokumen yang boleh difailkan secara elektronik.

Subseksyen 9A(5), memperuntukkan bahawa dokumen yang perlu disahkan atau diperakukan dan perlu difailkan secara elektronik hendaklah disahkan atau diperakukan menurut cara apa yang ditentukan atau dibenarkan oleh pendaftar.

Subseksyen 9A(6), memperuntukkan bahawa di mana sesuatu dokumen itu difailkan secara elektronik, pendaftar atau wakil yang diberi kuasa tidak bertanggungan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana orang disebabkan oleh apa-apa kesilapan atau ketinggalan dalam apa juga bentuk atau cara yang terdapat dalam dokumen yang diperolehi oleh mana-mana orang melalui perkhidmatan yang diterima di bawah subseksyen (1) sekiranya kesilapan atau ketinggalan itu berlaku secara suci hati dan dalam perjalanan tugas biasa, pendaftar atau wakilnya yang diberi kuasa atau berlaku atau berbangkit akibat

apa-apa kecacatan atau kerosakan perkhidmatan atau peralatan yang digunakan bagi perkhidmatan yang disediakan itu.

Subseksyen 9B memperuntukkan bahawa satu salinan atau petikan daripada satu dokumen yang difailkan secara elektronik hendaklah diterima sebagai bukti sama seperti dokumen asal dalam mana-mana *proceeding* .

Subseksyen 9C(1) menghendaki supaya dokumen-dokumen asal disimpan pada setiap masa di pejabat syarikat amanah.

Subseksyen 9C(2) memperuntukkan bahawa mana-mana syarikat amanah yang gagal mematuhi kehendak subseksyen 9C(1) adalah melakukan satu kesalahan di bawah akta tersebut dan dikehendaki membayar penalti sebanyak RM10 ribu sahaja.

Pada keseluruhannya pindaan yang dicadangkan dijangka dapat meningkatkan mutu perkhidmatan LOPSA secara lebih berkesan serta dapat memudahkan urusan pemfailan dokumen syarikat luar pesisir selaras dengan perkembangan semasa. Pindaan yang dicadangkan juga merupakan satu sokongan *subsequential* terhadap pelaksanaan sistem kerajaan elektronik yang sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa sokong.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

**6.33 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh gunakan lagi *[Ditujukan kepada mic Yang Berhormat bagi Semporna]* *Jammed* sudah. Mungkin kerana Sempornalah yang men*jammed*kan, oleh kerana tidak seronok dengan perkataan-perkataan yang tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat itu tidak ada berkaitan dengan Akta yang kita bangkitkan. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kita hendak adakan cara elektronik untuk menguruskan Akta Syarikat Luar Pesisir (ASLP) dan dengan cara elektronik, cara bermaya maka kita pun berharaplah sistem pembesar suara di dalam Dewan yang mulia ini pun boleh ditingkatkan untuk sebagai *virtual*, sebagai bermaya juga. Nampaknya Semporna tidak membantu ke arah ini. Tidak sempurna *[Ketawa]* Tidak kamil, ini bukan insan yang kamil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, satu minit sudah habis.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam fasal-fasal yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kecuali ada 9c(2) yang kalau didapati salah penaltinya RM10 ribu, penalti ingkar. Memang kita tidak boleh elak mesti ada penalti seumpama ini tetapi yang saya hendak menanya di sini adakah pihak kerajaan mempunyai undang-undang bermaya yang cukup untuk mengendali semua ini. Ini memang suatu perkara yang membimbangkan kerana kita tidak mempunyai undang-undang *convergence* yang cukup untuk mengendali semua langkah elektronik akan diambil secocok dengan dasar untuk k-ekonomi ataupun e-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun rasa gembira kerana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Kampus Antarabangsa Labuan itu boleh menampung 6,000 pelajar, itu memang suatu perkara yang baik, mungkin kita boleh tingkat kepada 10,000 juga pada masa kelak. Dan, di sini saya hendak bertanya sedikit mengenai 52 buah syarikat insurans yang ada di Labuan sekarang. Saya diberitahu bahawa 4 syarikat *reinsurance* yang terbesar di dunia sudah pun bertapak di Labuan, ini termasuklah daripada Britain, Lloyd, daripada Perancis, 'Sorima Re.' daripada Amerika Syarikat itu St.Paul Re.. Dan ini memang suatu gejala yang baik juga tetapi saya hendak bertanya, apakah syarikat *reinsurance* Malaysia yang bertapak di Labuan kerana nampaknya, syarikat antarabangsa sahaja yang berminat tetapi bagi syarikat Malaysia tidak nampak sangat.

Selain dari itu, kita membincang mengenai Captive Insurance Company, memang suatu perkara yang baru, satu syarikat yang baru di Labuan dan saya diberitahu juga bahawa Malaysia National Insurance Berhad sudah pun menubuhkan

satu syarikat ASEAN Forum GG sebagai *captive insurance*nya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada semua Ahli Parlimen yang ada di sini, apakah maksudnya, apakah tujuannya untuk mengadakan *captive insurance* di Labuan.

Semporna dia senyum tetapi saya nampak tidak begitu berminat dengan *captive insurance* ini, sehingga tebusan Sipadan pun tidak dapat dibebaskan dengan cepat. Memang suatu kegagalan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Semporna.

Mengenai *captive insurance*, mungkin satu *reinsurance* untuk risiko-risiko bagi syarikat-syarikat ibu, *captive insurance* untuk syarikat sendiri. Dan apakah faedah yang akan kita perolehi daripada *captive insurance* ini.

Seterusnya mengenai syarikat amanah *trust companies* yang ada 20 buah syarikat amanah di Labuan setakat ini.

Walaupun Yang Berhormat bagi Semporna tidak begitu berminat, cuma senyum lagi tetapi kita berharaplah dengan usaha kita meningkatkan ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat orang senyum ada salahkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada salah *[Ketawa]* Dia pindah ke kawasan lain pula.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta penjelasan sikit. Saya duduk diam, bila saya bising dia tegur pula, apa kena mengena Tuan Yang di-Pertua dengan Semporna, dengan tebusan dan sebagainya dengan pesisiran. Saya hendak minta penjelasan sikit. Kita jimat masa sikit dan saya rasa yang penting kepada Yang Berhormat saya cadangkan supaya menumpukan masa dalam perbincangan daripada membangkitkan perkara-perkara yang tidak berapa berfaedah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua saya pun suka juga bila mendengar suara Yang Berhormat bagi Semporna kerana pada suatu ketika tadi tidak begitu manislah suara dia mengenai perkataan yang tidak seronok dan sebagainya tetapi kali ini boleh tahan jugalah. Saya bangkitkan Semporna kerana ada Sipadan, Sipadan dengan Labuan itu tidak jauh, memang ada berkaitan kerana Sipadan ini dengan laut yang cantik……

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mohon sikit penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading minta.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi tidak ada kena mengena Sipadan ataupun Semporna ataupun Labuan. Sri Gading, Sri Gading. Gading tidak putih juga tu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak mohon sedikit penjelasan, Yang Berhormat bagi Kepong tahu tidak malam ini malam Jumaat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak balik ya, malam ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak mahu balikkah malam ini. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baru pukul 5.40 petang. Tuan Yang di-Pertua, ASLP ini melibatkan wang berpuluh ataupun beratus bilion ringgit dan kalau kita hendak balik ke Sri Gading sahaja, tak payahlah itu. Lain kali jangan kita menonjolkan diri untuk menjadi calon Parlimen sebab tak payahlah, ini dengan perkara yang begitu penting, yang melibatkan jumlah wang yang besar…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong, bolehkah simpan ucapan ini untuk masa depan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya boleh, cuma kita balik kepada syarikat amanah yang lebih penting untuk kita semua, yang terlibatnya sekarang ada 20 buah syarikat dan peranan syarikat amanah ini adalah sangat penting di Labuan dan di sini kita nampak ada hampir 73% syarikat ini tidak kena-mengena dengan perdagangan, non trading companies. Dan ada 24 ataupun hampir 30% yang ada syarikat-syarikat yang kena mengena dengan perdagangan (trading companies) dan di sini kita hendak menanya Yang Berhormat, apakah operating incomes untuk semua syarikat amanah ini kerana ini memang satu perkara yang hendak kita tahu, sebab ini ada terlibatnya pretax dan after tax profits.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada krisis tebusan seperti Sipadan memang akan menjejaskan suasana, suasana pelaburan akan terjejas dan Semporna selain daripada senyum, memang mestilah mengambil tindakan yang lebih untuk menyelesaikan masalah tebusan di Sipadan. Dan mengenai pretax and after tax

profits, memang kita hendak mengetahui setakat manalah terdapat pretax and after tax profits dan apakah jumlahnya.

Untuk syarikat amanah, Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya, pertama, trusteeship of offshore trust, kita mesti bincang mengenai trusteeship of offshore trust, apakah keadaan sekarang dengan syarikat amanah ini dan memang bila kita ada syarikat amanah, kita pun berminat dengan unit trust dan dead instruments dan juga pengurusan perkhidmatan syarikat. Keempat-empat perkara ini saya berharap dapat dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kita hendak mewujudkan Labuan ataupun IOFC Labuan sebagai pusat yang reputable, well regulated, vibrant and a premier centre. Dan bukan main hasrat ini dan kalau kita tidak menguruskan semua ini dengan baik, kita tidak akan mencapai matlamatnya.

Satu perkara lagi yang penting iaitu dengan adanya kawalan modal di Malaysia ini dan LOFSA memang menggunakan Dollar Amerika Syarikat sebagai mata wang, tetapi saya nampaknya kerajaan sudah membenarkan syarikat-syarikat untuk memasuki pasaran pinjaman ringgit, limited access to the ringgit loan market, memang satu perkara yang aneh jugalah, kalau kita kira limited access kepada pasaran ini kerana dasar kerajaan sekarang, kita pun tidak begitu faham kerana dia selected capital control sekarang ini tetapi bila ada Labuan dia bukalah kepada dicontrol, kawalan ini sudah tidak adalah untuk Labuan. Dan apakah tujuan pihak kerajaan untuk berbuat demikian walhal kita pun seringkali meminta strategi yang boleh digunakan untuk mengendalikan kawalan modal ini sebab Yang Berhormat pun sering kali menyentuh mengenai WTO, mengenai AFTA dan dengan negara-negara AFTA dan WTO ini macam mana kita boleh menyesuaikan diri dengan kawalan modal dan juga memberi access kepada syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali yang terpenting sekali mengenai hasrat pihak kerajaan untuk mengadakan satu bursa global bermaya (a virtual global exchange) dan di sinilah Rompin tak berminat dah, bila kita hendak adakan virtual global exchange, Rompin tak berminat. Tetapi pada satu ketika dia sentiasa bangkitkan dunia bermaya tetapi sekarang bermaya-maya mengkhayalkan…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Parit Sulong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Parit Sulong pula.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan, bukan dunia bermaya, dunia maya. Bermaya lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau maya ataupun bermaya setakat Rompin memang bermaya …...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Bukan, Tuan Yang di-Pertua, dunia maya bermakna digital world, kalau dunia bermaya itu dah bermaksud lain, jadi saya hendak betulkan Kepong dalam hal ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terima kasihlah. Parit yang sulong kerana menjadi parit yang bongsu dah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, a virtual global exchange yang dikenali sebagai Labuan International Financial Exchange (LIFE). Labuan International Financial Exchange ini bursa ini akan dibuka 24 jam dan akan memberi perkhidmatan kepada kemudahan-kemudahan dan kewangan dan bukan kewangan dan inilah satu bursa yang juga akan dimiliki oleh Bursa Saham Kuala Lumpur.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab setakat manakah kita berjaya untuk mewujudkan bursa global maya, ha ini memang memuaskan hati parit yang sulong kerana kita panggilnya bursa global maya, a virtual global exchange kita dan mungkin kalau kita berjaya mengadakan bursa seumpama ini ia akan merupakan satu bursa yang pertama di rantau ini.

Tetapi yang membimbangkan kita ialah kerana kita tidak mempunyai undang-undang maya yang cukup untuk mengendalikan semua ini sebab manusia kita seperti Yang Berhormat Semporna juga tidak begitu sempurna dan tidak begitu kamil juga dengan yang tidak kamil memang ada yang melakukan kesalahan ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak masa dibuangkan oleh Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan, tidak buang masa, ini mengenai undang-undang maya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hairan, tak tahu macam mana Timbalan Menteri boleh jawab nanti. Banyak yang tidak ada berkaitan dengan akta ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia memanglah ada terlibat kerana ada Sipadan. Ada Sipadan, masalah Sipadan menjejaskan suasana Labuan, IOFC, kita perlukan satu suasana yang baik, yang tenang, yang sentosa untuk menguruskan semua perkhidmatan IOFC.

Dan dengan ini saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji setakat mana undang-undang maya kita dapat menampung semua keperluan untuk mewujudkan bursa global maya ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

**4.49 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dunia bermaya itu memang tidak tepat dengan istilah digital world atau dunia digital tetapi lebih bertepatan dunia bermaya itu dengan Yang Berhormat Sri Gading sebab pada malam Jumaat ini dia amat bermaya nampaknya *[Ketawa]* dan meminta kita supaya meringkaskan majlis pada hari ini. *[Ketawa]*

Bermaya ini adalah suatu naluri manusia yang biasa tetapi satu lagi naluri manusia yang biasa berkaitan dengan rang undang-undang ini ialah naluri untuk menipu. Jadi, ada dalam muka surat 2 ini yang (6) yang menyatakan, jika sesuatu dokumen diserahkan atau difailkan secara elektronik seterusnya apa-apa kerugian dan kerosakan apa jenis kesilapan dan peninggalan dan sebagainya, ini yang saya bimbang. Mungkin ada kesilapan, mungkin ada ketinggalan, mungkin ada kerosakan tetapi mungkin juga ada penipuan yang disengajakan menerusi penyerahan, pemfailan secara elektronik ini.

Jadi yang kita hendak tahu dan hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa proses pemfailan secara elektronik ini tidak disalah gunakan oleh orang-orang yang berniat tidak baik untuk mewujudkan kerugian dan penipuan dalam sistem yang dicadangkan ini.

Keduanya, secara umum peningkatan kerajaan elektronik ini kita rasa adalah sesuatu yang baik. Saya lihat di kawasan saya di Tumpat, di pejabat daerah pun sudah mula dibekalkan peralatan elektronik dan sebagainya. Ini saya fikir adalah perkembangan yang baik dan saya fikir amat perlu sekali di kementerian-kementerian

dan di jabatan-jabatan terutamanya di Kementerian Pertahanan yang nampaknya masih belum mencapai kecekapan elektronik yang membanggakan, yang tidak boleh memberikan fakta-fakta yang tepat nampaknya, yang munasabah berkaitan dengan jumlah senjata sama ada dalam konsep ketenteraan yang dipanggil *'simulation'*, dengan izin, ataupun cara untuk kita meramalkan secara gambaran *virtual* hakikat yang sebenarnya. Kalau kita buat *'simulation'* berkaitan dengan bagaimana hendak memuatkan senjata yang sebegitu banyak dalam kenderaan yang jumlahnya hanya tiga dengan penumpangnya lima satu kenderaan, ini saya fikir memerlukan input-input elektronik yang lebih supaya dapat memberi gambaran yang tepat kepada masyarakat dalam menangani peristiwa-peristiwa atau drama-drama perampasan senjata dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**5.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membincangkan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2000 bacaan kali yang kedua ini.

Sebagaimana Yang Berhormat bagi Kepong sedia maklum bahawa industri insurans luar pesisir ini telah pun sepanjang tahun 1999, 19 lesen baru untuk menjalankan perniagaan insurans dan aktiviti yang berhubung dengan insurans di Labuan telah diluluskan oleh kementerian. Ini lebih kurang sebanyak 47.5% dalam jumlah lesen yang dikeluarkan dan ini satu kejayaan yang membanggakan. Dari segi pemilikan, kebanyakan lesen tersebut – 43 daripada 29 dimiliki sepenuhnya oleh bukan pemastautin, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Manakala, hanya 13 dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia dan bukan pemastautin berkongsi memiliki 3 lagi baki lesen. Jadi, pelabur bukan pemastautin kebanyakannya berasal dari United Kingdom, seperti yang Yang Berhormat katakan tadi, Singapura, Bermuda, Amerika Syarikat, Australia, British Virgin Islands dan Hong Kong.

Dari segi struktur penubuhannya, selain daripada 8 syarikat insurans semula yang merupakan cawangan syarikat asing, bakinya ialah anak syarikat diperbadankan

di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir. Jadi, kalau kita hendak lihat perangkaan Yang Berhormat katakan tadi, syarikat insurans semula (reinsurance) kita ada 16 dan 2 Labuan Reinsurance Limited. Ini adalah campuran daripada Tenaga, campuran daripada Telekom dan campuran daripada Petronas dan satu ialah ASEAN Takaful International Limited dan yang lain itu adalah merupakan insurans-insurans semula yang dimiliki oleh orang asing. Insurans am ada 2, insurans hayat ada 2, insurans komposit ada 1, insurans captive, Yang Berhormat katakan tadi ada 7. Broker insurans ada 3, pengurusan insurans ada 3 dan *underwrite insurance* ada 5.

Jadi, kalau kita hendak lihat mengenai *captive insurance*, Yang Berhormat katakan tadi, *captive insurance* adalah sebuah anak syarikat insurans yang dibentuk untuk menginsuranskan atau menginsurans semula kesemua atau sebahagian dari risiko syarikat induk atau syarikat gabungannya. Jadi, kebelakangan ini perkembangan insurans captive telah menyaksikan kemunculan captive pemilik berganda ataupun yang dimiliki oleh beberapa syarikat dan perkembangan perniagaan captive ini meliputi risiko tidak berkaitan dan risiko pihak ketiga iaitu captive sewaan.

Pada asasnya insurans captive adalah insurans diri di mana pemilik risiko dapat menikmati beberapa faedah operasi dan pentadbiran. Ini termasuklah keupayaan membendung risiko yang baik, mengekalkan premium dalam kumpulan, memperolehi perlindungan insurans semula yang lebih berkesan dan murah, memperolehi pendapatan pelaburan dari rizab tuntutan yang belum berbayar serta perancangan percukaian bagi mencapai penjimatan kos dan Akta Insurans Luar Pesisir 1990 (OIA) yang sedia ada telah pun mempunyai peruntukan-peruntukan seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tentang syarikat amanah, industri syarikat amanah ini merakamkan pertumbuhan sebagaimana dipamerkan dari segi peningkatan bilangan syarikat luar pesisir yang diperbadankan atau didaftarkan pada 1999. Agregat pendapatan kasar syarikat-syarikat amanah bertambah sebanyak 9.8% kepada RM13.2 juta (USD3.5 juta), berbanding dengan RM11.9 juta (USD3.1 juta) pada tahun 1998. Seterusnya kadar keuntungan sebelum cukai secara keseluruhannya syarikat-syarikat amanah meningkat sebanyak 5.2% kepada RM5.8 juta (USD1.5 juta) pada tahun 1999 iaitu daripada RM5.5 juta (USD1.4 juta) pada tahun 1998. Sementara itu kadar keuntungan

selepas cukai meningkat sebanyak 15.6%. Jadi, kalau kita lihat dari segi insurans, industri syarikat amanah dan juga *captive insurance* nampaknya meningkat.

Yang Berhormat juga telah mengutarakan tentang Labuan International Fund Exchange (LIFE) dan sebahagian daripada LIFE ini adalah usaha LOFSA yang menyeluruh untuk membangunkan Labuan menjadi pusat kewangan luar pesisir yang bertaraf dunia iaitu Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan yang akan ditubuhkan dalam tahun 2000 ini.

Objektif utama LIFE adalah menjadi bursa kewangan yang beroperasi sepenuhnya dan menyediakan kemudahan penyenaraian dan urusniaga untuk memenuhi keperluan pelanggan antarabangsa yang mendapat perkhidmatan daripada peserta kewangan luar pesisir di Labuan. Untuk mencapai matlamat tersebut, LIFE akan berusaha untuk diiktiraf sebagai "mesra pelabur" menurut amalan pasaran dan telus menggunakan sistem rangkaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan mengurangkan masa pemprosesan perniagaan.

Di peringkat awal, LIFE akan menumpukan kepada penyenaraian produk seperti dana pelaburan, instrumen hutang berdasarkan prinsip syariah dan konvensional. Seterusnya LIFE bercadang untuk meluaskan produk dan perkhidmatannya bagi merangkumi instrumen berkaitan dengan insurans dan produk-produk kewangan yang sewajarnya.

Tadi Yang Berhormat bagi Labuan telah menerangkan serba sedikit tentang e-dagang ini secara elektronik dan teknologi Internet membolehkan maklumat diperolehi dari mana-mana sahaja dan dianggarkan 250 juta pengguna dapat mengunjungi Internet. Angka ini dijangkakan akan bertambah dua kali ganda menjelang tahun 2002.

Menurut *2000 Global CEO Survey*, dengan izin, yang dilakukan oleh Price Waterhouse Coopers, 68% daripada ketua pegawai eksekutif di Amerika Utara dan Asia merakamkan persaingan akan dijana oleh Internet dan sebagai agensi pengawal selia industri kewangan luar pesisir di Labuan, LOFSA amat peka terhadap potensi yang Internet boleh tawarkan kepada e-dagang, peluang-peluang promosi dan pemasaran.

Sebagai contoh, produk kewangan seperti perbankan dan insurans tidak memerlukan penghantaran fizikal dan justeru Internet merupakan saluran penghantaran yang sangat sesuai untuk transaksi seperti ini memandangkan teknologi sokongan dan prasarana tersedia yang murah dan sudah teruji. Sehubungan dengan ini, LOFSA telah memulakan projek e-dagang di Labuan IOFC untuk peserta-peserta luar pesisir menjangkau pasaran global tanpa sempadan.

Laman web akan menjadi nadi kepada Labuan IOFC dan bakal pelabur dapat mengunjungi laman web yang berkenaan dan maklumat boleh diperolehi dengan lekas dan meneroka peluang-peluang yang ada, sementara pelanggan dapat menilai produk-produk yang diberikan.

Mengenai pertanyaan daripada keraguan Yang Berhormat bagi Tumpat, saya setuju sekarang ini apa dilakukan bahawa Internet yang dilakukan di local bank di dalam belum dibuat begitu pesat di bank pesisiran.

Jadi, kita hendakkan kalau boleh nanti seperti mana yang dikatakan oleh Tumpat tadi supaya perkara-perkara keselamatan perlu dititikberatkan dan saya rasakan satu undang-undang telah pun diluluskan pada sesi yang lalu mengenai perkara-perkara ini.

Mengenai langkah-langkah proses pemfailan dan salah guna untuk penapisan dan salah guna bagi penipuan tadi, jadi peruntukan yang dicadangkan tidak akan melindung sesuatu transaksi yang melibatkan niat jahat atau yang dilakukan dengan niat untuk menipu. Jadi, peruntukan hanya akan melindungi pendaftar sekurang-kurangnya kesilapan-kesilapan atau penggunaan-penggunaan ataupun mengenakan satu-satu perkara dengan niat suci hati tadi.

Jadi, saya dengan ini mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun berbahas mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserah kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusi Jawatankuasa***]

**Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menangguhkan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2000 untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga pada mesyuarat yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

## USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

### AKTA KASTAM 1967

**(1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2000**
**(2) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2000**
**(3) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2000**
**(4) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2000**
**(5) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2000**
**(6) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2000**
**(7) Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan) 2000**
**(8) Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) 2000**

**6.07 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh sub-seksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, supaya perintah berikut:

(1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2000 P.U.(A) 25 bertarikh 3 Februari 2000;

(2) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2000 P.U.(A) 30 bertarikh 10 Februari 2000;

(3) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2000 P.U.(A) 31 bertarikh 10 Februari 2000;

(4) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2000 P.U.(A) 73 bertarikh 10 Februari 2000;

(5) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata)) (Pindaan) 2000 P.U.(A) 75 bertarikh 1 Mac 2000;

(6) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata)) (Pindaan) (No.2) 2000 P.U.(A) 76 bertarikh 1 Mac 2000;

(7) Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan) 2000 P.U.(A)10 bertarikh 24 Januari 2000;

(8) Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) 2000 P.U.(A) 37 bertarikh 15 Februari 2000;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-Kertas Status Bil. 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116 dan 117 tahun 2000 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam Pindaan 2000 adalah bertujuan mengurangkan kadar duti import ke atas karbon black daripada 15% *ad valorem* kepada 10% *ad valorem* bagi mendorong industri ini untuk meningkatkan daya saingannya dan dengan demikian juga akan dapat mengurangkan kos pengeluaran barangan getah yang banyak menggunakan karbon black sebagai bahan mentah.

Perintah Duti Kastam Pindaan (No.2) 2000 adalah bertujuan meminta unit kuantiti yang diwartakan dalam Perintah Duti Kastam 1996, contohnya unit kuantiti bagi kain ela dan fabrik ditukar daripada kilogram kepada meter persegi, manakala unit kuantiti bagi pakaian siap ditukar daripada kilogram ke unit. Langkah ini bertujuan memudahkan proses pengumpulan statistik oleh Jabatan Perangkaan di samping menjadikannya lebih praktis dan sesuai mengikut amalan perdagangan.

Perintah Duti Kastam Pindaan (No.3) 2000 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas newsprint in rolls dan newsprint in sheets daripada 5% kepada 10%. Langkah ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pengeluar tempatan yang baru memulakan operasi pengeluarannya dalam tahun 1999.

Perintah Duti Kastam Pindaan (No.4) 2000 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu klasifikasi baru bagi van dan kenderaan serupa van serta menetapkan kadar duti import yang baru bagi kenderaan berkenaan. Di bawah klasifikasi baru ini van dan kenderaan serupa van diletakkan di bawah satu tajuk

sahaja iaitu ‘other’ dan kadar duti import ditentukan berdasarkan keupayaan enjin. Ini akan memudahkan pentadbiran kastam.

Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata)) (Pindaan) 2000 adalah bertujuan untuk meminda Sijil Pengesahan Negeri Tempat Asal atau Certificate of Origin dengan izin, supaya pengeksport dapat menikmati keutamaan tarif yang lebih menarik di bawah Skim ASEAN Industrial Coorporation Scheme (ICO) di samping Skim ASEAN Preferencetial Trading Arrangement (PTA) dan AFTA Common Effective Preferencetial Tariff (AFTA CPT) yang telah sedia dinikmati sekarang.

Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata)) (Pindaan)(No.2) 2000 adalah bertujuan untuk meminda kod tarif bagi barang-barang yang berasal dari negeri-negeri ASEAN di bawah Skim Keutamaan Sama Rata supaya selaras dengan kod tarif yang dipinda di bawah Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.4) 2000 yang telah dibentangkan sebelum ini.

Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan) 2000 adalah bertujuan untuk mengenakan duti anti lambakan ke atas barangan self-copy paper yang diimport dari Republik Indonesia dengan kadar 19.6% daripada harga eksport. Pengenaan duti anti lambakan ini dapat melindungi industri tempatan daripada amalan perdagangan tidak adil.

Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) 2000 adalah bertujuan untuk mengenakan duti anti lambakan sementara pada kadar 203.4% dan 60.6% ke atas pengimportan chips on board atau barangan seumpamanya dari Thailand bagi melindungi industri tempatan yang mengeluarkan barangan yang serupa. Duti Anti Lambakan yang muktamad akan dikuatkuasakan selepas selesai kajian lanjut dibuat oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**6.10 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, kerana usul ini memang melibatkan berjuta-juta ringgit walaupun ada Yang Berhormat Barisan Nasional tidak begitu berminat kerana tidak ada signifikan politik, kita jelas menyatakan bahawa mereka hanya berpolitik, tidak mementingkan kewangan negara.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat, kita sokong ini, itu pasal kita tunggu, kita minat ini. Kita punya tanggungjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bagaimana minat pula. Cuma berpolitik dia pandai, kalau menjaga wang negara tidak berminat langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi mengenai *the common carbon black*, P.U.(A) 25 menukar *carbon black*. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kerana yang disebutkan tadi sangatlah ringkas dan saya tidak begitu memahami apakah sebenarnya yang berlaku ke atas *carbon black* ini.

Seterusnya disebutkan mengenai kain dan fabrik bagi P.U.(A) 30 dan ditukarkan unit sahaja daripada "kg" -kilogram kepada "u" -unit untuk mudahnya bagi kiraan statistik. Apakah masalah sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, mengenai kain dan fabrik ini dan memang kita hendak mengetahui apa yang sebenarnya akan berlaku dengan penukaran daripada "kg" kepada "u" yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai P.U.(A) 31, *newsprint*. *Newsprint* ini dikenakan duti import 5% hingga 10%. Saya hendak mengetahui apakah rasional untuk cukai ataupun duti import seperti ini dan kita pun tahu di negara ini harga *newsprint* sudah meningkat menjejaskan semua. Seperti Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pun memang tiap-tiap hari kita beli banyak akhbar, banyak surat khabar dan harga surat khabar pun sudah meningkat. Dan bagi kalau *New Straits Times* itu RM1.50 satu naskhah, *Nan Yang Siang Pau* ataupun *Sin Chew Jit Poh* pun RM1.20. Kalau dengan meningkatkan 5% atau 10% duti import ini bermakna *newsprint* itu harga meningkat dan bagi akhbar kita atau surat khabar Malaysia pun akan meningkat. Ini sudah menjejaskan semua orang.

Walaupun ahli Parlimen Barisan Nasional tidak berminat tetapi di sini kita, BA di sini kita memang mempertahankan kepentingan orang ramai mengenai… *[Tepuk] newsprint….*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa dia Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya nampak kawan awak pun minta awak cepatkan *[Ketawa].*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu tafsiran Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tafsiran. Yang Berhormat bagi Tumpat, Kuala Kedah, Kuala Terengganu, Batu Gajah, Seputeh dan Tanah Merah dan sebagainya semua ini berminat kerana semua ini berjiwa rakyat.*[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, memang mereka berminat. Lihatlah P.U.(A) 75 dengan itu Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tarif Keutamaan Sama Rata) CEPT (Pindaan). Pindaan ini satu *reclassification* untuk kenderaan-kenderaan seperti van ini. Ini memang kita semua berminat kerana pihak kerajaan sudah mengatakan bahawa di dalam usaha untuk cukai-cukai bagi maksud CEPT ini memang untuk kenderaan, pihak kerajaan akan mengkaji semula kerana hendak memperlindungkan kereta Malaysia, Proton dan sebagainya.

Dengan ini, memang apakah maksud *reclassification* ini untuk van-van dan di sini kita boleh nampak bukan sahaja van, motosikal pun ada, motosikal dan sebagainya. Jadi memang kita berminat, kita memberi perhatian kepada hal ini kerana kalau kita tidak berwaspada masalah untuk kereta Malaysia pun akan timbul.

Dan seterusnya mengenai sijil pengesahan *(certificate of origin)* untuk memenuhi CEPT dan juga ICO ini. Memang Yang Berhormat yang sebutkan tadi itu tidak begitu lengkap. Kita tidak memahami apakah yang disebutkan, dirujukkan sebagai *certificate of origin*, cocok dengan CEPT dan ICO ini.

Dan seterusnya P.U.(A) 76 mengenai kod tarif pindaan ke atas kod tarif yang akan diselaraskan itu di bawah CEPT ini memang kita mesti sentiasa berwaspada mengenai penyelarasan ini sebab ini akan menjejaskan pihak kastam.

Dan mengenai P.U.(A) 10 anti lambakan untuk *self–copy papers* untuk melindungkan industri kita. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kita ada industri *self-copy papers*, berapa bilangan yang ada di negara ini, sama ada satu syarikat sahaja, satu kilang sahaja ataupun lebih. Kerana, apakah tujuannya selain daripada untuk memperlindungkan syarikat yang ada di Malaysia ini untuk mengeluarkan *self-copy papers* ini. Dan apakah faedah akan diperolehi oleh pihak Malaysia dari segi perlindungan seumpama ini.

Dan akhir sekali P.U.(A) 37 *Gypsum Board* yang diimport daripada Thailand ini untuk sebagai anti lambakan kita hendak kenakan duti import yang lebih tinggi dan bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah tujuan pihak kerajaan untuk mengenakan duti import yang lebih tinggi bagi *Gypsum Board* dari Thailand ini, adakah ini bermakna kita akan mewujudkan satu 'perang' di antara Malaysia dengan Thailand mengenai cukai-cukai import bagi barangan-barangan untuk perdagangan di antara kedua-dua negara ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri sila jawab.

**6.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong yang telah mengemukakan beberapa pertanyaan berkenaan dengan apa yang dibentangkan sebentar tadi.

Tentang P.U.(A) 25 iaitu Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2000, mengenai duti import ke atas *carbon black* dikurangkan daripada 15% kepada 10%. Ini adalah untuk menjawab rayuan yang dikemukakan kepada pihak Kerajaan oleh Malaysian Rubber Products Manufacturers. Untuk makluman Dewan yang mulia ini *carbon black* ini adalah merupakan bahan mentah yang penting untuk pengeluaran barangan-barangan getah seperti tayar dan sebagainya. Pihak Malaysian Rubber Products Manufacturers Association telah mengemukakan supaya duti import ini dapat dikurangkan dari 15% kepada lebih rendah adalah atas sebab-sebab yang berikut.

Satu, kita mendapati cuma sebuah syarikat di Malaysia iaitu syarikat Cabot Malaysia Sdn Bhd yang merupakan pengeluar tunggal dan telah diberikan perlindungan tarif lebih daripada 20 tahun.

Yang keduanya syarikat yang berkenaan cuma memberikan diskaun kepada pengguna yang besar sahaja dan tidak memberikan diskaun kepada SMI di mana merupakan 33% pada keseluruhannya daripada pengeluaran barangan getah.

Satu sebab yang dikemukakan oleh pihak kerajaan ialah selepas memberikan perlindungan selama 20 tahun syarikat yang saya sebutkan tadi telah mencapai satu kedudukan kewangan yang kukuh, syarikat ini telah pun jadi satu syarikat antarabangsa dan mempunyai rangkaian global yang begitu luas untuk mempertingkatkan lagi jumlah eksportnya yang kini adalah di antara lebih kurang 25%. Kita anggap masa sudah sampai kita mengurangkan duti import supaya local manufacturers dapat mendapatkan bahan mentah yang lebih murah lagi. Ini adalah sebab kita hendak mengurangkan kadar duti import.

Tentang PUA 30 yang disentuh oleh Yang Berhormat tentang Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2000, kita sebelum ini memang tidak menghadapi masalah. Pindaan ini dibuat cuma oleh kerana kita hendak memudahkan lagi kutipan dan pemesosesan data oleh Jabatan Perangkaan selain daripada untuk menyelaraskan dengan piawaian perdagangan antarabangsa yang dikatakan ini. Ini memang tidak ada masalah, kita cuma hendak menyelaraskan dengan standard antarabangsa.

Mengenai PUA 31 iaitu Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.3) 2000 untuk menaikkan kadar duti import *news print* daripada 5% kepada 10% adalah oleh kerana kita berpendapat bahawa kita harus memberikan perlindungan kepada pengeluar tempatan iaitu Malaysian News Print Industry yang baru memulakan operasinya pada tahun lepas sahaja dan syarikat ini telah melaburkan begitu banyak wang sejumlah RM2.7 billion dan masih menghadapi kerugian. Maka kita berpendapat bahawa kita harus memberikan perlindungan sementara kepada industri ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya bangkitkan hal ini kerana apabila kita adakan itu Malaysian News Print Berhad kita mengimport bahan-bahan kayu daripada negara luar. Kalau kita import memang kalau bila harga kayu di luar negara ini meningkat, itu bermakna syarikat kita yang tunggal ini akan

menaikkan harga untuk *news print*. Ini menjejaskan rakyat jelata sebab itulah saya bangkitkan rasional untuk mengadakan syarikat walhal kita mesti mengimport bahan-bahan mentah. Itu masalah yang mungkin tidak akan menguntungkan rakyat Malaysia.

**Dato' Chan Kong Choy:** Kita memang faham implikasinya dengan kenaikan kadar duti import ini maka kita membuat keputusan bahawa produk ataupun produk yang tidak dikeluarkan oleh pihak MNI ini masih kekal 5%. Ini merupakan satu langkah pertama.

Yang keduanya, kenaikan ini cuma selama 3 tahun.

Yang ketiga, bagi syarikat-syarikat penerbitan dan percetakan tempatan terhadap 30% daripada kuantiti penggunaan *news print* mereka yang diimport ini kekalkan 5%. Ini merupakan langkah yang ketiga.

Langkah yang keempat ialah pihak MITI akan memantau supaya MNI ini tidak menaikkan harga *news print*nya sewenang-wenangnya. Sebarang kenaikan dalam harga *news print* yang dikeluarkan oleh pihak MNI mesti dapat persetujuan daripada pihak kerajaan.

Maka dengan beberapa langkah yang diambil maka implikasi kepada pihak pengguna memang dapat diminimumkan.

Tentang PUA 73 yang disentuh oleh Yang Berhormat, klasifikasi semula kepada van dan motokar. Ini adalah untuk menyelaras dan memudahkan pentadbiran pihak kastam sahaja. Klasifikasi semula bagi motokar sebelum ini dia diletak di bawah klasifikasi 'Others' tetapi dengan kelulusan Perintah ini kereta akan dijadikan satu klasifikasi baru iaitu motokar dan dengan tidak ada perubahan dalam kadar dutinya. Maka ia tidak akan mendatangkan apa-apa impak daripada segi harga kereta ini.

Klasifikasi semula untuk mewujudkan satu klasifikasi baru untuk 'Van' dan 'Van Other' iaitu klasifikasi baru ialah 'Others' ia memang akan mendatangkan implikasi dari segi harga kepada van yang diimport ataupun dibuat tempatan tetapi ini tidak dapat dielakkan oleh kerana dua klasifikasi ini 'Van' dan 'Van Other' ini telah dijadikan satu dan kadar dutinya juga dijadikan satu. Tetapi bagi van buatan tempatan kenaikan kadar duti tidak begitu tinggi dalam satu tahap minimum antara 5%-10%

sahaja. Manakala bagi van yang diimport memang kadarnya lebih tinggi, kenaikannya adalah di antara 18% hingga 60%. Oleh kerana van yang diimport ini kapasiti enjinnya memang tinggi dan ini adalah merupakan satu langkah untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk membeli barangan buatan Malaysia.

Tentang PUA 75 iaitu Perintah Duti Kastam barang-barang berasal dari negeri ASEAN, ini adalah untuk meminda sijil pengesahan negeri tempat asal supaya pengeksport dapat menikmati keutamaan tarif yang lebih menarik di bawah skim ASEAN Industrial Co-operation Scheme (AICO) kerana setakat ini sijil pengesahan negeri tempat asal ataupun Appendix A ataupun Borang D ini adalah untuk PTA yang mula pada 1977 dan untuk AFTA-CEPT 1993 sahaja.

AICO ini adalah merupakan *bilateral arrangement* di antara negara ASEAN mulai 1996 dan ia belum lagi dimasukkan dalam sijil pengesahan negeri tempat asal iaitu Appendix A ataupun Borang D ini. Maka dengan pindaan yang diluluskan pada hari ini perkara ini akan dimasukkan dan merupakan satu perkara baru yang dapat dinikmati oleh semua negara ASEAN.

Berkenaan dengan P.U.(A) 10 – self-copy paper, ini memang selepas satu kajian yang dilakukan oleh pihak MITI memang kita dapat aktiviti lambakan oleh sebuah syarikat Indonesia iaitu Pindo Deli melambakkan self-copy paper ke pasaran Malaysia di mana kita telah terbukti bahawa material injury telah pun berlaku kepada syarikat yang berkenaan di Malaysia. Maka mengikut subseksyen 2(3) Akta Duti Timbal Balas Anti Lambakan 1993 dan juga kita mengikut perkara 9.5 perjanjian WTO, memang kita berhak untuk mengenakan Duti Anti Lambakan ini kepada syarikat yang berkenaan untuk melindungi pengeluar Malaysia, ini sama juga dengan chips and board.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti mana yang tertera di bawah perkara No. 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini (Kertas Pindaan) yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116 dan 117 Tahun 2000 disahkan, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan pada nya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya perintah-peraintah beriktu:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2000;

(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2000;

(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2000;

(iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2000;

(v) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2000;

(vi) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama rata) (Pindaan) (No.2) 2000;

(vii) Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan) 2000;

(viii) Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) 2000;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116 dan 117 tahun 2000 disahkan.

**AKTA EKSAIS 1976**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2000**

**6.35 ptg.**

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976 supaya perintah berikut:

(i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2000; P.U (A) 78 bertarikh 1 Mac 2000; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 118 tahun 2000 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2000 adalah bertujuan untuk meminda kod tarif eksais bagi automatif supaya selaras dengan kod tarif yang dipinda di bawah Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 2000 yang telah dibentangkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohonkan mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

**6.37 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa hanya selaras dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat P.U.(A) 73 mengenai klasifikasi semula dan implikasi-implikasinya memang besar ke atas pengguna-pengguna di Malaysia sehingga pihak kerajaan hendak menggalakkan kita menggunakan kereta buatan sendiri. Ini satu perlindungan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat sebutkan berapa tahun akan dikenakan, kerana ini ada implikasi dan konsekuensinya luas, ada kena-mengena dengan AFTA,

ada kena-mengena dengan WTO dan ada kena-mengena dengan hasrat dan dasar kerajaan untuk memperlindungkan kereta tempatan.

Sebelum saya akhiri, saya hendak mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri inilah sejak kita bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua berada di dalam Dewan yang mulia ini, ini kali yang pertama penjelasan yang lebih lengkap mengenai hal-hal seumpama ini dengan duti import dan duti eksais….. *[Disampuk]* …bukan main, sebab susah hendak kita membahaskan hal ini kerana biasanya Yang Berhormat Timbalan Menteri membaca dengan cepat. Kita tidak tahu apa maksudnya dan dengan tidak tahu pun pihak di sini memang berminat. Pihak Barisan Nasional kalau tidak tahu pun tidak tanya langsung, hendak balik cepat kerana lewat, larut malam hendak balik dah. *[Disampuk]* Ha, hendak balik sahajalah. Tidak berminat dengan hal-hal yang penting kerana ini akan menjejaskan semua pengguna di Malaysia dan van four wheel drive, kenderaan berpacu empat roda dan sebagainya kerana kita kenakan duti eksais dan duti import yang tinggi…..

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa sangkut-paut dengan usul itu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada kena-mengena dengan usul, Tuan Yang di-Pertua. Usul ini mengandungi duti import…..

**Tuan Yang di-Pertua:** Four wheel drive pun ada kena-mengena juga dengan usul ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada semua itu, four wheel drive pun ada, ini… *[menunjukkan sebuah buku]* four wheel drive ini, muka 221 *[Ketawa]* P.U.(A) 78 Kertas Statut 118 - four wheel drive. Bukan four wheel drive sahaja, four wheel drive vehicle other than motorcar, station wagon, sport car, racing car and model vehicle of sub heading - so many types of sub heading. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, many sub headings. Banyaklah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meneliti semua yang terkandung di dalam Kertas Statut 118 ini. Tetapi kerana semua orang hendak balik, saya pun mengakhiri ucapan saya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hendak jawabkah atau tidak, dia tidak meng'criticise'kan apa-apa pun.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tak ada. Ini merupakan pindaan consequential sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera di bawah perkara No. 10 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini (Kertas Pindaan) yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 118 Tahun 2000 disahkan, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976 supaya perintah berikut:

(i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2000; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 118 Tahun 2000 disahkan".

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada satu usul mesyuarat ini ditangguhkan sekarang. Ya, sila bangun. Ya, mesyuarat ini ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3). *[Ketawa]*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**6.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izinnya saya memohon untuk mencadangkan satu usul bahawa Dewan ini ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3).

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### Pembeli Rumah di Malaysia Menghadapi Banyak Masalah

**6.40 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang dihadapi oleh para pembeli rumah di Malaysia memangnya banyak dan tidak cukup dibentangkan dalam tujuh setengah minit. Walau bagaimanapun, saya cuba menyenaraikan masalah-masalah yang paling penting yang dihadapi oleh mereka.

Pertama, mengikut Seksyen 8 dalam Akta Strata 1985 pemaju harus memohon hak milik strata dalam tempoh enam bulan selepas persetujuan jual beli pertama dibuat. Tetapi selalunya pemaju melengah-lengah untuk memohon hak milik strata dan menyusahkan para pembeli rumah. Walaupun Akta Strata ini digubal pada tahun 1985 tetapi banyak bangunan flat dan kondominium yang lama di Kuala Lumpur khususnya di Jalan Thiong Nam, Jalan Brunei dan lain-lain, ke semua tuan punya unit ini masih belum menerima hak milik strata sehingga hari ini.

Persoalan sekarang ialah siapakah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan akta ini. Adakah ini tanggungjawab Pejabat Tanah dan Galian ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penghuni yang menghadapi masalah hak milik strata ini selalu ditolak ke sana sini. Bila mereka pergi ke Pejabat Tanah dan Galian mereka disuruh pergi ke Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Jadi, agensi apakah yang perlu mereka minta bantuan.

Masalah kedua, sebelum hak milik strata diberi oleh kerajaan, pihak pemaju yang memainkan peranan sebagai pengurusan kondominium pun mengenakan yuran maintenance terhadap para penghuni dan selalunya masalah ketidaksehaluan di antara penghuni dan pengurusan pun wujud. Para penghuni selalunya mendakwa bahawa wujudnya ketidaktetapan dari segi penggunaan fi maintenance ataupun sinking fund oleh pihak pemaju. Perselisihan ini sebenarnya boleh dielakkan sekiranya kerajaan meminda undang-undang berkenaan dan menghendaki pihak pemaju mendapat hak milik strata sebelum menjual kondominium ataupun property mereka. Dengan itu, perselisihan di antara penghuni dan pemaju tersebut pun boleh dielakkan.

Masalah ketiga, selepas penghuni mendapat hak milik strata pemaju mestilah memanggil satu penghimpunan agUng dalam dalam tempoh satu bulan untuk memilih pemegang jawatan untuk management cooperation (MC) mengikut Seksyen 41 dalam Akta Strata. Tetapi selalunya para pemaju tidak melakukannya dalam tempoh khas itu. Saya ingin tahu agensi kerajaan manakah yang bertanggungjawab untuk mendakwa pemaju yang gagal membentuk MC ini ke mahkamah Sehingga hari ini berapakah kompelin jenis ini telah diterima oleh pihak berkenaan.

Masalah keempat, mengikut Akta Strata pemaju harus memohon hak milik strata selepas memenuhi ke semua syarat. Tetapi oleh kerana pemaju terpaksa mendapat kelulusan daripada sembilan jabatan yang berlainan seperti Bomba, Tenaga Nasional, Jabatan Bekalan Air dan lain-lain sebelum mendapat hak milik strata, jadi ramai pemaju membuat permohonan sebelum memenuhi ke semua syarat yang diperlukan. Ini bukan sahaja melambatkan proses kelulusan hak milik strata tetapi selalunya ia juga menyebabkan berlakunya rasuah di dalam ke semua jabatan berkenaan.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan meminda undang-undang berkenaan dan menghendaki permohonan hak milik strata dibentangkan kepada seorang arkitek yang diiktiraf di agensi kerajaan yang meneliti ke semua aspek yang diperlukan ini supaya masalah perlambatan proses permohonan hak milik strata ini boleh dipercepatkan.

Masalah kelima, perselisihan di antara pemaju dan penghuni juga termasuk penghuni enggan membayar **f** maintenance untuk memboikot pihak pengurusan. Demi mengatasi masalah ini pemaju selalu menggunakan taktik gengsterisme terhadap penghuni seperti merosakkan kereta mereka, menghalang kereta dan penghuni masuk ke dalam kondominium berkenaan dan sebagainya. Mengikut Seksyen 53A dalam Akta Strata, pemaju boleh memohon sijil order daripada Pejabat Tanah dan Galian terhadap penghuni yang enggan bayar fi maintenance. Tetapi masalahnya juga sama seperti masalah disebutkan tadi iaitu pemaju tidak faham tentang undang-undang, manakala kerajaan tidak mempunyai pegawai khas yang melaksanakan perkara yang termaktub dalam undang-undang tersebut.

Selain itu, masalah juga wujud dari segi Housing Developers (Control and Licensing) Act 1966, akta ini hanya mengawal kondominium dan bahagian kediaman dalam rumah kedai, tetapi ia tidak mengawal bahagian kedai dan pejabat. Ini adalah amat tidak munasabah kerana jika seseorang pembeli rumah kedai ingin menjadikannya sebagai kediaman, pemaju boleh buat apa-apa yang mereka suka di bahagian kedai dan lain sehingga menjejaskan manfaat penghuni yang duduk di rumah kedai tersebut.

Selain daripada masalah ini pemaju yang membina kompleks, lot kedai, dan banglo plot adakah tidak dikawal oleh apa-apa undang-undang. Saya ingin tahu kementerian manakah yang mengawal mereka. Memandangkan tiada undang-undang yang digubal untuk mengawal perumahan jenis ini, bukankah kerajaan harus mengadakan undang-undang terhadap aspek pembinaan ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jawapan.

**6.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita hanya terima tiga perkara yang dihuraikan daripada Yang Berhormat bagi Seputeh, tetapi apabila saya dengar bacaannya ini sudah masuk enam perkara dan saya tidak dapat menjawab semua yang dihuraikan oleh beliau kerana kita hanya mengadakan notis bagi tiga perkara. Oleh sebab itu maka Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab hanya tentang tiga perkara yang kita terima notis.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perundangan berkaitan dengan Akta Strata ada termaktub di dalam Akta Hakmilik Strata yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sebelum hak milik strata dikeluarkan terdapat beberapa prosedur yang perlu dipatuhi iaitu hak milik individu bagi bangunan perlu diwujudkan dan pelan ukuran petak-petak bangunan perlu disahkan oleh juruukur. Semua perkara ini perlu diadakan dan disiapkan sebelum hak milik itu boleh dikeluarkan dan ini adalah tanggungjawab pemaju berkenaan. Bagi saiz petak yang dibina yang berbeza dengan saiz pelan asal peraturan ada membenarkan hak pemaju menuntut kos perbezaannya tanpa had. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pindaan Akta dan juga peraturan-peraturan yang

berkaitan dengan Akta Pemaju Perumahan telah mengambil perhatian untuk mengehadkan keluasan yang boleh dituntut oleh kedua-dua belah pihak iaitu pemaju dan pembeli.

Bagi syarat supaya pemaju mendapatkan semua surat perakuan dari agensi-agensi teknikal bersama dengan Borang E semasa pemaju memohon kelulusan CFO adalah sebahagian daripada keperluan yang di bawah kehendak Peraturan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Syarat tersebut adalah bertujuan bagi memastikan pemaju telah menyiapkan segala keperluan infrastruktur dan perkhidmatan asas sebelum CFO dikeluarkan seperti jalan akses, parit dan longkang, pembekalan air dan juga lain-lain perkara yang di bawah bidang kuasa agensi-agensi teknikal berkaitan. Walau bagaimanapun, kerajaan juga sedang menggalakkan pihak berkuasa tempatan melaksanakan konsep pusat sehenti iaitu one-stop-agency, dengan izin, untuk memproses permohonan tersebut demi melicinkan kelulusan CFO.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kerja penyelenggaraan untuk bangunan di mana perbadanan pengurusan belum ditubuhkan kerjasama antara pemaju dan pembeli adalah diperlukan memandangkan petak berkenaan telah diserahkan kepada pembeli. Pemaju hanya bertanggungjawab untuk menyelenggara harta bersama yang merupakan hak milik semua pembeli petak. Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 di bawah Jadual 'H' telah menetapkan pemaju adalah bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyelenggara dan mengurus bangunan sehinggalah bangunan tersebut dikeluarkan hak milik strata.

Walau bagaimanapun, kos perbelanjaan bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung oleh pembeli. Peraturan tersebut membenarkan pemaju mengutip caj penyelenggaraan setiap bulan bagi maksud tersebut. Bagi bangunan yang berbilang tingkat yang belum dikeluarkan hak milik serata, penggunaan barang iaitu peralatan seperti lif dan transformer untuk penyelenggaraan bangunan adalah diputuskan oleh pihak pengurusan bangunan yang dilantik oleh pemaju. Walau bagaimanapun, pemaju adalah bertanggungjawab untuk memastikan peralatan-peralatan berkaitan adalah sesuai dan diluluskan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan kosnya dicatatkan dalam buku akaun penyelenggaraan. Oleh yang demikian, pemilihan

peralatan bagi tujuan gantian tertentu seperti lif atau transformer adalah terpulang kepada pemaju asalkan kosnya hendaklah berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pemaju Perumahan mentakrifkan rumah tempat tinggal termasuklah mana-mana bangunan, tenement, minta maaf atau 'mast vast' yang keseluruhannya atau sebahagian besarnya dibina, disesuaikan atau dicadangkan untuk tempat kediaman manusia atau sebahagiannya untuk premis perniagaan. Oleh yang demikian, Akta Pemaju Perumahan tidaklah meliputi pembelian bangunan berjenis kedai. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat. Sini ada tujuh setengah minit sahaja.

**Siasatan Terperinci Skandal Perwaja**

**6.53 ptg.**

**Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Saya berdiri hari negeri atas dasar untuk mendesak kerajaan Malaysia mengemukakan satu Kertas Putih di Dewan yang mulia ini bagi membincangkan kerugian berterusan yang berlaku ke atas Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang kini dianggarkan telah melebihi RM10 bilion. Bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Kedua pada bulan Mei 1996 telah mendedahkan di Dewan yang mulia ini bahawa Perwaja, dengan izin, as end of 1995, telah mengalami kerugian sebanyak RM2.9 bilion *accumulated loss*, dengan izin, dan RM6.9 bilion *liabilities*.

Laporan terkini pula menunjukkan bahawa Perwaja telah mengalami kerugian sebanyak RM800 juta berbentuk accumulated loss, dengan izin. Ketua Audit Negara, Dato' Mohd Khalil Mohd Nor, dalam Laporan Audit 1998 telah menyatakan bahawa Perwaja adalah merupakan antara agensi yang teratas yang tidak membayar hutang kembali, pinjaman mereka kepada Kerajaan Pusat yang berjumlah RM893 juta. Lebih mengejutkan lagi, laporan audit juga telah mendedahkan bahawa dua pinjaman berjumlah RM1.6 bilion telah diberikan kepada Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. pada

tahun 1997 dan 1998 tanpa ditandatangani sebarang surat perjanjian di antara pihak Perwaja dan Kerajaan Pusat.

Pendedahan ini adalah amat serius dan perlu kepada penyiasatan yang rapi, bagaimana ianya boleh berlaku sedangkan jumlah pinjaman adalah begitu banyak. Pada tahun 1996, Kerajaan Pusat telah meluluskan suatu bail out plan untuk Perwaja di bawah satu konsortium yang diketuai oleh Maju Holdings Sdn. Bhd. di mana kerajaan telah mengambil tanggungjawab penuh ke atas segala kerugian yang telah dialami. Ini membolehkan Maju Holdings Sdn. Bhd. untuk mengambilalih Perwaja melalui Equal Concept Sdn. Bhd. yang mana 51% dimiliki oleh Maju Holdings dan 49% dimiliki oleh kerajaan.

Laporan terbaru menunjukkan perwaja yang di bawah pengurusan Equal Concept Sdn. Bhd. mengalami kerugian RM340 juta pada tahun 1998 dan terus-menerus mengalami kerugian sehingga sekarang. Perlu difahami bahawa, dengan izin, *Malaysian tax players are burden* dengan Perwaja berjumlah RM9.1 bilion dalam bentuk liabilities yang mana RM4.1 bilion merupakan pinjaman direct loan kepada Perwaja Terengganu Sdn. Bhd., RM105 juta kepada Equal Concept Sdn. Bhd. dan RM5.1 bilion dalam bentuk *government guarantee poring* daripada bank-bank tempatan serta luar negara.

Skandal Perwaja ini adalah merupakan satu tragedi yang merupakan, dengan izin, *the biggest financial losses in Malaysian history* dan perlu diberi perhatian oleh semua Ahli Dewan yang mulia ini. Laporan polis telah pun dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 21 Julai 1999 mengenai skandal Perwaja ini, perlu juga diperjelaskan kedudukan siasatan yang telah dibuat setakat ini.

Saya ingin mencadangkan agar Dewan ini mengambil ketetapan agar kerajaan membuat penjelasan serta mengambil langkah-langkah berikut:

(i) Menjelaskan bagaimana dua pinjaman berjumlah RM1.6 bilion yang telah diberikan kepada Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. pada tahun 1997 dan 1998 tanpa ditandatangani sebarang bentuk surat perjanjian di antara pihak Perwaja dan Kerajaan Pusat.

(ii) Saya ingin mendesak agar pihak polis serta BPR menyegerakan siasatan terhadap laporan polis yang telah dibuat mengenai sebarang bentuk salah laku serta penyelewengan yang berlaku di Perwaja.

(iii) Saya ingin mencadangkan, Dewan ini menyegerakan penyediaan satu Kertas Putih bagi menjelaskan kerugian berbilion-bilion yang berterusan serta kedudukan terkini Perwaja kepada seluruh rakyat Malaysia agar keadilan dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**6.58 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hasim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ada tiga isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang pertama ialah mengenai pinjaman tanpa ditandatangani. Yang pertama iaitu wang pinjaman telah dikeluarkan tanpa surat perjanjian dimeterai adalah kerana pada ketika itu keperluan adalah mendesak bagi pembayaran ke atas hutang-hutang yang matang yang mana perlu dijelaskan denga segera bagi mengelakkan berlakunya default ke atas pinjaman-pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun perjanjian-perjanjian bagi kedua-dua pinjaman itu telah pun ditandatangani selepas itu.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, penyiasatan telah hampir selesai dan kini pihak polis dan Badan Pencegah Rasuah sedang berusaha keras dengan menggunakan segala saluran yang sedia ada untuk mendapatkan keterangan daripada beberapa orang saksi di luar negara.

Yang ketiga, tentang kertas putih. Cadangan Yang Berhormat itu tidak timbul buat masa ini kerana penyiasatan masih belum selesai sepenuhnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat selesailah perkara-perkara yang di dalam urusan mesyuarat pada hari ini. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah pun memberi

kerjasama kepada saya dan juga kepada kedua-dua Timbalan Speaker dan mesyuarat telah pun berjalan dengan baik, tidak ada langsung perbalahan *[Ketawa] [Disampuk]* ..ada, ada tapi sikit-sikit sahajalah. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih dan selamat pulang ke rumah dan kita akan berjumpa pula pada bulan Oktober yang akan datang. Sekianlah dan mesyuarat ditangguhkan kepada satu masa yang tidak ditetapkan. *[Tepuk]*

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.59 ptg.***

Julai 2000

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

" Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)

“ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)

| | |
|---|---|
| “ | Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran) |
| “ | Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai) |
| “ | Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol) |
| “ | Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) |
| “ | Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa) |
| “ | Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri) |
| “ | Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) |
| " | Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat) |
| Yang Berhormat | Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas UggahEmbas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong) |
| “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) |
| “ | Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar) |
| “ | Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) |
| “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai) |
| “ | Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) |
| “ | Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya) |
| “ | Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak) |
| “ | Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) |

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)

“ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

" Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)

“ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

“ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)

“ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)

“ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)

“ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)

“ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)

“ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)

“ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)

“ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

“ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)

“ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)

“ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)

“ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

“ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)

" Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)

“ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

“ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)

“ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)

“ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)

“ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)

“ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)

“ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)

“ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)

“ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)

“ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)

| | |
|---|---|
| “ | Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman) |
| “ | Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau) |
| “ | Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau) |
| “ | Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau) |
| “ | Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran) |
| “ | Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat) |
| “ | Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka) |
| “ | Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang) |
| “ | Tuan Kong Cho Ha (Lumut) |
| “ | Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan) |
| “ | Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) |
| “ | Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai) |
| “ | Tuan Lim Hock Seng (Bagan) |
| " | Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong) |
| “ | Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim) |
| “ | Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan) |
| “ | Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena) |
| Yang Berhormat | Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau) |
| “ | Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit) |
| “ | Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau) |
| “ | Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading) |
| “ | Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah) |
| “ | Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai) |
| “ | Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor) |
| “ | Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau) |
| “ | Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa) |
| “ | Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli) |
| “ | Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud) |
| “ | Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) |

| | |
|---|---|
| “ | Tuan Mohd. Yus off bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang) |
| “ | Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau) |
| “ | Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam) |
| “ | Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan) |
| “ | Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus) |
| “ | Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat) |
| “ | Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu) |
| “ | Tuan Mustafa bin Ali (Dungun) |
| “ | Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah) |
| “ | Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan) |
| “ | Tuan Ng Lip Yong (Batu) |
| “ | Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar) |
| " | Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok) |
| “ | Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang) |
| “ | Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar) |
| “ | Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam) |
| Yang Berhormat | Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu) |
| “ | Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) |
| “ | Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) |
| “ | Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu) |
| “ | Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran) |
| “ | Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong) |
| “ | Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah) |
| “ | Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang) |
| “ | Dato’ Shahnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik) |
| “ | Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) |
| “ | Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau) |
| “ | Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat) |
| “ | Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching) |

“ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)

“ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)

“ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)

“ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

“ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)

“ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)

" Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

" Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)

“ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)

“ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yu sop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Abu Bakar bin Haji Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

## PARLIMEN KESEPULUH

## PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

**Jilid II** **Bil. 47** **Khamis** **20 Julai 2000**

## K A N D U N G A N

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG** :

Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2000 (Halaman 29)
Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 2000 (Halaman 33)
Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2000 (Halaman 144)

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG** (Halaman 28 dan 158)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Halaman 73)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Halaman 171)

**USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:**

– Perintah Duti Kastam:

(1) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2000
(2) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2000
(3) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2000
(4) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 2000
(5) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2000
(6) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2000
(7) Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan) 2000
(8) Perintah Duti Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) 2000 (Halaman 159)

– Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2000 (Halaman 169)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

Pembeli Rumah di Malaysia Menghadapi Banyak Masalah
- *Y.B. Teresa Koh Suh Sim (Seputeh)* (Halaman 172)

Siasatan Terperinci Skandal Perwaja
– *Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)* (Halaman 176)